



**LAPORAN PENYATA RASMI
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 4

Rabu

24 April 2019

K A N D U N G A N

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN
BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 1)

USUL:

Menjunjung Kasih Titah
Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong

(Halaman 33)

**MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA**

Rabu, 24 April 2019

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair, dipersilakan.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Kesavadas Achyuthan Nair** minta Perdana Menteri menyatakan, apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk meningkatkan sosioekonomi kaum India yang telah dipindahkan keluar dari estet-estet dan dilihat ketinggalan dalam arus ekonomi kini bila dibandingkan dengan kaum-kaum lain.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Puan Fuziah binti Salleh]:
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh, selamat pagi Tuan Yang di-Pertua.

Saya mohon menjawab bagi pihak Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Senator Tuan Waytha Moorthy Ponnusamy,.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan bukan sahaja memberi tumpuan kepada masyarakat India yang telah berpindah keluar dari estet, tetapi juga melihat isu pembangunan sosioekonomi masyarakat India ini secara keseluruhan dan holistik. Ini bermakna, bukan sahaja masyarakat India yang berada atau berpindah keluar dari estet diberi fokus khusus, tetapi juga masyarakat India yang terpinggir akan dibantu sebaik mungkin dalam usaha kerajaan menaikkan taraf sosioekonomi masyarakat India.

Dalam hal ini, kerajaan melalui MITRA telah merangka program-program khas untuk masyarakat India, khususnya anak-anak muda dan golongan B40 bagi pembangunan sosioekonomi masyarakat India. Antaranya termasuklah program-program latihan khas dalam bidang *oil and gas*, dengan izin, automotif, mekatronik dan pembangunan kerjaya yang

melibatkan pelbagai bidang ekonomi, teknologi maklumat, perhotelan serta lain-lain. Di samping itu, MITRA juga akan memberi tumpuan kepada bidang pendidikan kumpulan B40, bermula daripada program prasekolah hingga program pembangunan kemahiran. MITRA turut akan bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan lain dalam usaha meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat India dan ini termasuklah memperkenalkan program-program memperkasa wanita dan ibu tunggal, menggalakkan pemilikan rumah serta program keusahawanan.

Langkah-langkah yang diambil oleh MITRA dapat dilihat daripada dua perspektif, iaitu faedah jangka pendek, di mana peserta-peserta mendapat penempatan kerja dan faedah jangka panjang, di mana kerajaan berharap agar pembangunan sosioekonomi masyarakat India secara keseluruhannya dapat ditingkatkan. Sekian, terima kasih.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak bertanya, kaum India yang terpaksa keluar daripada estet di mana mereka dan ibu bapa mereka hidup selama bertahun-tahun. Apabila tersisih, mereka tidak ada modal *affirmative* untuk mereka meniru, kecuali pengaruh negatif dalam persekitaran. Mereka hidup sebagai setinggian di pinggir bandar, tidak ada tanah, tidak ada pekerjaan, tidak ada apa-apa pengetahuan. Mereka harus diberi peluang meneroka bidang pertanian dan perladangan secara kecil-kecilan.

Soalan saya ialah, bolehkah atau adakah kerajaan hari ini menubuhkan satu sistem untuk menempatkan mereka di tanah-tanah rancangan atau tanah sementara, *lease*, dengan izin, supaya mereka dapat berusaha dalam bidang agro seperti tanaman getah, buah-buahan, sayur-sayuran dan ternakan? Ini bukan satu cabaran kepada FELDA. FELDA ini biarkan- FELDA ini bagus, tetapi macam tanah-tanah tiga ekar kah atau lima ekar kah, sebab mereka ada pengetahuan dalam perladangan. Itu soalan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih.

Puan Fuziah binti Salleh: Terima kasih Yang Berhormat Senator dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya dengar masalah yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator tadi berkenaan dengan pengaruh negatif, mereka yang berada dalam keadaan miskin, tiada tanah di samping mereka juga ada pengalaman dalam bidang perladangan. Jadi cadangan untuk menubuhkan tanah rancangan ini saya kira merupakan satu cadangan yang baik dan saya pohon akan dipanjangkan kepada Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab. Saya juga akan memastikan bahawa jawapan bertulis akan diberikan kepada Yang Berhormat Senator. Terima kasih.

Dato' Dr. Ananthan a/l Somasundaram: Soalan...

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ananthan.

Dato' Dr. Ananthan a/l Somasundaram: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Penjelasan daripada wakil Yang Berhormat Senator Tuan Waytha Moorthy sebagai- saya ingat Yang Berhormat Menteri sangat sibuk sehingga tidak dapat hadir ke Dewan Negara. Terima kasih lah. Jadi, soalan saya yang berkaitan dengan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, hari ini adalah Mesyuarat Kabinet.

Seorang Ahli: Belum jadi Yang Berhormat Menteri *[Ketawa]*

Dato' Dr. Ananthan a/l Somasundaram: Oh, minta maaf *[Ketawa]* Jadi, soalan saya berkaitan dengan apa yang diberitahu oleh Yang Berhormat Menteri, iaitu berkaitan dengan luar bandar. Terdapat juga satu rancangan yang telah pun dibentangkan oleh kerajaan terdahulu, iaitu berkaitan dengan untuk mewujudkan satu pelan iaitu *Malaysian Indian Blueprint* (MIB) berkaitan dengan peningkatan sosioekonomi, pendidikan dan juga semua bidang untuk meningkatkan masyarakat India di negara kita.

Jadi dengan itu, saya hendak tanya satu perkara iaitu, apakah penjelasan terperinci mengenai rancangan kerajaan dalam pemilikan tiga peratus ekuiti masyarakat India yang berkaitan dengan soalan ini? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Jawapan yang sama?

■1010

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Puan Fuziah binti Salleh]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator. Berkenaan dengan peningkatan sosioekonomi dan penjelasan terperinci berkenaan dengan MIB, 30 peratus ekuiti masyarakat India saya akan- 30 peratus.

Dato' Dr. Ananthan a/l Somasundaram: Tiga, tiga peratus.

Puan Fuziah binti Salleh: Tiga peratus kepada masyarakat India, saya minta maaf. Saya akan panjangkan kepada Yang Berhormat Menteri untuk diberikan jawapan terperinci berkenaan dengan soalan tadi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ada soalan tambahan lagi?

Tuan Manolan bin Mohamad: Ada.

Datuk Sambanthan a/l Manickam: Ada, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Senator.

Tuan Manolan bin Mohamad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, soalan tambahan saya berkenaan pertanyaan saya. Di tempat saya, di Kemayan, Bera,

saya pernah melawat estet-estet India di beberapa estet di Bera dan melawat penempatan mereka. Apa yang saya tengok, saya dapati, kebanyakan estet-estet yang saya lawati ini, jalan di dalam perumahan tersebut di penempatan mereka ini tidak berturap dan berdebu. Jadi, apabila kereta lalu atau lori lalu di hadapan rumah mereka ini, debu-debu ini masuk ke dalam rumah dan rumah menjadi kuning dan merah.

Jadi, soalan saya, apakah kementerian ada garis panduan kepada syarikat-syarikat estet ini untuk menambah baik infrastruktur seperti air dan juga tempat pembuangan sampah mereka yang saya tengok tidak...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator, dulu ada di soalan pokok lah Yang Berhormat Senator.

Tuan Manolan bin Mohamad: Tapi, mungkin boleh...

Tuan Yang di-Pertua: Di dalam perbahasan.

Tuan Manolan bin Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri tidak hadir, Yang Berhormat Senator soalan tambahan lagi?

Seorang Ahli: [*Menyampuk*]

Tuan Yang di-Pertua: Dalam perbahasan? Sila duduk, Yang Berhormat Senator. Kepada kementerian-kementerian, kalau hendak turunkan soalan biar ia sebelum hari yang sepatutnya dinaikkan supaya kita boleh turunkan. Saya tidak akan menurunkan soalan pada saat terakhir, *one day*. Sekurang-kurangnya dua hari lah. Ini kerana, kalau tidak boleh naik itu, kita boleh tolong dengan kementerian tetapi air itu tidak *not very good*lah sebab ini soalan mustahak pada beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat. Okey. Silakan, Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid.

2. Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid minta Menteri Pertahanan menyatakan, kedudukan dan fungsi Majlis Industri Pertahanan Negara yang telah diwujudkan sebelum ini.

Timbalan Menteri Pertahanan [Tuan Liew Chin Tong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran. Seperti biasa, soalan untuk MINDEF biasanya daripada Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran.

Majlis Industri Pertahanan Malaysia (MIPM) telah ditubuhkan pada tahun 1999 dan kini dikenali sebagai Majlis Industri Pertahanan, Penguatkuasaan dan Keselamatan Malaysia (MIDES) sejak tahun 2010. Tujuan MIDES ditubuhkan adalah untuk melahirkan serta menjadikan

Industri Pertahanan Tempatan berdikari dan berdaya saing selari dengan kehendak Dasar Pertahanan Negara. Sehubungan dengan itu, bagi mencapai objektif keupayaan pertahanan yang berdaya saing, MIDES bertindak sebagai penyalur informasi terkini berhubung dengan pembangunan industri serta maklumat berkaitan program pembangunan industri dan pemindahan teknologi kepada syarikat-syarikat berkeelayakan.

Selain daripada itu, MIDES juga menyediakan platform antara kementerian dan syarikat tempatan bagi membincangkan isu-isu berkaitan industri pertahanan. MIDES telah mengadakan Mesyuarat Tahunan MIDES Bilangan 1, Tahun 2018 pada 11 Disember 2018 yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan dan turut melibatkan pengurusan tertinggi kementerian-kementerian, agensi serta pemain industri tempatan. Mesyuarat tidak diadakan pada tahun 2016 dan tahun 2017.

Bagi tahun 2019, MIDES telah melaksanakan beberapa program seperti menjadi urus setia di dalam *Langkawi International Maritime and Aerospace Exhibition* (LIMA), urus setia kepada Perwira Dialog Kedua Kertas Putih Pertahanan dan menganjurkan satu sesi interaktif mengenai Kertas Putih Pertahanan dan Kertas- *blueprint* industri pertahanan yang dihadiri oleh lebih 200 pemain industri tempatan dan antarabangsa.

Pada masa ini, terdapat sebanyak 168 buah syarikat pertahanan tempatan bagi kategori industri pertahanan utama dan pengusaha kecil dan sederhana yang menjadi ahli kepada MIDES. Bagi menjamin status kemampuan serta kualiti syarikat yang berdaftar sebagai ahli MIDES, setiap permohonan untuk menjadi ahli akan diaudit keupayaannya dengan menggunakan sistem skor yang dibangunkan oleh SME Corp. Hanya syarikat yang berjaya mendapat penarafan tiga bintang ke atas akan diterima menjadi ahli MIDES. Terima kasih.

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya kemukakan soalan tambahan, izinkan saya mengalu-alukan kedatangan pelatih-pelatih IKBN Peretak, Kuala Kubu Bharu. Selamat datang... [*Dewan Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya bercerita mengenai industri pertahanan yang telah dinukilkan di Buku Pertahanan Malaysia dari tahun 1990 lagi... [*Menunjukkan senaskhah dokumen*] Pada ketika itu, Syarikat Malaysia Explosive Sdn. Berhad (MALEX) telah pun ditubuhkan iaitu pada tahun 1969 lagi.

Jadi soalan saya, apakah yang terjadi dengan syarikat ini? Walaupun dikatakan lebih 160 buah syarikat yang berkaitan dengan industri pertahanan berdaftar dengan MIDES. Pada pandangan saya, sejak Buku Pertahanan Malaysia ini dikeluarkan kemajuan industri pertahanan agak lembap. Sedangkan di dalam buku ini juga telah diceritakan mengenai UAV, tahun 1990

lagi telah dibincangkan dengan UAV. Sedangkan sehingga kini, industri UAV ataupun pendekatan penggunaan UAV masih lagi belum diperkenalkan di dalam Angkatan Tentera Malaysia, selain daripada yang diperkenalkan oleh tentera Amerika Syarikat, kalau tidak silap saya.

Tuan Yang di-Pertua, tahun ini, Kementerian Pertahanan diperuntukkan dengan RM30.5 juta berhubung dengan industri pertahanan. Jadi, saya hendak persoalan sama ada jumlah sebegini boleh membantu mempertingkatkan industri pertahanan sebagai mana yang di uar-uarkan di LIMA, kita dapat menandatangani sebanyak RM4 bilion perjanjian dan MoU yang lebih kepada *maintenance, repair and overhaul*- MRO.

Jadi, pada pandangan saya, kita lebih mirip kepada kerja-kerja MRO daripada membina sistem persenjataan. Itu pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Liew Chin Tong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran. Memang saya setuju ada kelemahan di dalam industri pertahanan kita. Dalam rencana saya, dalam ucapan saya dan juga dalam ucapan di Dewan Rakyat, saya juga pernah jelaskan bahawa industri pertahanan kita- buat setakat ini terlalu cenderung kepada posmen. Posmen iaitu ada sebuah bilik kecil, pejabat kecil di sini dan ia menjadi *commission agent* kepada OEM dari luar negeri.

Ini yang memang kita sudah kesan dan masih di dalam proses untuk membangun atau menggubal Kertas Putih Pertahanan. Satu bab adalah tentang industri pertahanan dan semalam, sebenarnya, kami ada satu dialog bersama dengan pemain industri. Ini supaya kita boleh mengadakan budaya baharu, kita ada cara baharu. Selepas ini, harap dengan proses pembaharuan ini, kita boleh bina industri pertahanan yang *genuine*, yang betul-betul menghasilkan sistem atau menghasilkan senjata.

Dalam perbincangan kita, kita juga mendapati bahawa, sekarang ini - sebenarnya sistem adalah yang paling penting. Bukan sahaja senjata yang perlu, tetapi sistem – kalau kapal terbang, sistem, kalau kapal pun, sistem, kalau apa-apa pun senjata itu adalah sistem.

■1020

So, untuk industri pertahanan tempatan, selain daripada kita memikirkan industri yang lama, sebenarnya industri baharu yang menggunakan teknologi AI, teknologi komputer, teknologi ICT ini diperlukan dan boleh kita bawa pemain industri tempatan. Tidak kira dia dahulu hanya industri pertahanan atau *civilian industry*, dia boleh melibatkan diri dan ini adalah hasrat kementerian supaya pada masa hadapan kita tidak hanya ada posmen tetapi kita ada lebih banyak penghasil dan juga perindustrian tempatan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Datuk Razali bin Idris: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Datuk Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Belum Datuk lagi Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Okey.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: *Insyallah*. Terima kasih, doa [*Ketawa*] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya sebenarnya hendak bagi kepada Datuk Razali, tetapi *you* Yang Berhormat sudah bangun dahulu, jadi silakan.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Terima kasih. Yang Berhormat Menteri ada menyebut mengenai kertas putih. Ini bagi saya bagi saya dalam masa kurang setahun, satu inisiatif yang baik. Namun inisiatif yang baik ini bagi saya juga perlu kita lebih berhati-hati kerana ia akan memberi implikasi yang sangat besar terutama melalui isu-isu arah tuju masa depan aspek pertahanan Malaysia.

Soalan saya ialah Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah perkara ini dapat kerjasama ataupun mendapat kolaborasi ataupun dibuat secara integrasi, terutama dengan kementerian-kementerian yang sangat penting iaitu Kementerian Luar Negeri. Ini kerana bagi saya, aspek pertahanan ini seperti Yang Berhormat Timbalan Menteri sangat maklum dan juga mempunyai pendedahan yang luas dalam bidang ini, kadang-kadang ada kenyataan daripada kementerian yang bukan dari pertahanan, mungkin *transport* mempunyai implikasi keselamatan.

Mungkin sikap-sikap, keputusan-keputusan yang dibuat oleh Kementerian Dalam Negeri mungkin mempunyai implikasi kepada aspek pertahanan. Samalah seperti yang Menteri katakan tadi, isu-isu yang melibatkan kepada aspek keselamatan yang baru iaitu ICT, *cyber crime* dan sebagainya. Jadi soalan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebelum kertas putih ini dibuat, adakah ia hanyalah Kementerian Pertahanan, dengan izin, *driven* ataupun sebaliknya? Ini kerana maklumat yang saya terima ia sangatlah Kementerian Pertahanan *driven* dan agak mengecewakan beberapa kementerian yang lain. Mohon penjelasan.

Tuan Liew Chin Tong: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kertas Putih Pertahanan ini memang di usahakan oleh Kementerian Pertahanan bersama dengan agensi-agensi lain dan juga kementerian-kementerian yang melibatkan keselamatan. Inisiatif Kertas Putih Pertahanan dipersetujui oleh Majlis Keselamatan Negara pada bulan Disember dan dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Pada Januari, kami mengadakan satu sesi di mana Menteri Dalam Negeri,

Ketua Setiausaha Negara, Menteri KKMM, Menteri Hal Ehwal Ekonomi dan juga KSU-KSU kementerian lain datang mengadakan sesi perundingan dan pada bulan Februari lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Kementerian Pertahanan juga memberikan garis panduan untuk Kertas Putih Pertahanan.

Kertas Putih Pertahanan akhirnya bukan kertas putih bagi pihak Kementerian Pertahanan tetapi satu dokumen kerajaan yang akan sekurang-sekurangnya melalui tiga atau empat kali dalam mesyuarat Jemaah Menteri. So, itu akan diuruskan pada bulan Mei hingga bulan Ogos atau September. Harapan kementerian ialah Kertas Putih Pertahanan boleh dibentangkan di Parlimen pada sesi Oktober.

Tuan Yang di-Pertua: Ini satu, dengan izin, *Joint Cabinet Committee*?

Tuan Liew Chin Tong: Bukan. Dia dibentangkan dalam...

Tuan Yang di-Pertua: *No!* Yang kementerian-kementerian itu terdapat *Joint Cabinet Committee* bersama.

Tuan Liew Chin Tong: Ia bukan *Joint Cabinet Committee* tetapi Kertas Putih ini akan dibentangkan ke Jemaah Menteri untuk membincangkan beberapa isu penting yang memerlukan keputusan kerajaan seperti *strategic outlook* dan juga aspek kewangan. Kewangan itu sangat penting untuk pelbagai kementerian dan tidak boleh diuruskan hanya oleh Kementerian Pertahanan. Ia harus dijadikan satu *consensus* di antara kementerian terutamanya melibatkan Kementerian Kewangan dan juga Kementerian Hal Ehwal Ekonomi.

Ini semua memerlukan *the whole of government approaches*. So, *approach* atau pendekatan kami ialah *whole of government approaches* supaya kita boleh bincangkan semua isu dalam di peringkat kerajaan dan di peringkat Jemaah Menteri supaya satu hari nanti kita ada *consensus* berkenaan dengan keselamatan dan pertahanan negara. Saya rasa isu-isu keselamatan ini kita perlu lebih melibatkan MKN, KDN dan juga kementerian-kementerian lain termasuk KLN. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, silakan Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris. Ini baru Datuk.

Datuk Razali bin Idris: *[Ketawa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada hendak tambah sedikit soalan tambahan. Oleh sebab beberapa kali kita dengar kenyataan daripada Yang Berhormat Menteri mengatakan persenjataan negara kita masih lagi di belakang. Jadi, di dalam Majlis Industri Pertahanan Negara (MDIC) kita nampak ada kekangan kewangan untuk hasilkan jet pejuang. Akan tetapi soalan saya di sini, bagaimana dengan industri senjata tempatan untuk kegunaan sendiri? Jadi, kita mengharapkan supaya persenjataan untuk kegunaan sendiri ini,

diperbuat di negara kita. Sama ada dilakukan secara *joint venture* ataupun *smart partnership* dengan negara-negara yang hebat dalam persenjataan.

Kedua berkenaan dengan LIMA. Apakah LIMA di Langkawi akan dipertingkatkan lagi penyertaan dalam industri persenjataan tempatan? Apa yang kita tahu sekarang lebih kurang dalam 20 peratus hingga 30 peratus sahaja penyertaan pemain persenjataan negara kita dalam LIMA.

So, soalan saya, apakah pihak kerajaan bercadang untuk menambahkan lagi, untuk melebarkan lagi penyertaan daripada pemain tempatan dalam program LIMA di Langkawi? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Liew Chin Tong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Razali. Sebenarnya soalan kedua ialah tentang penglibatan perindustrian tempatan di LIMA. Di LIMA kita ada sebanyak 406 buah syarikat pameran dan dari 36 buah negara, di antaranya sebanyak 206 buah syarikat adalah syarikat tempatan. So, 51 peratus adalah syarikat-syarikat tempatan. Nilai dia isu lain. Nilai apa yang dia dapat, itu isu lain tetapi kalau kata peratusan kita ada syarikat tempatan yang melebihi syarikat asing.

Untuk isu yang lebih pokok sebenarnya ialah apa yang kita hasilkan dan apa nilai itu. Kita kena balik pada isu yang dibincangkan. Adakah kita akan teruskan konsep berdikari? Ini kerana dalam doktrin atau idea yang sedia ada ialah kita hendak *self-reliance*, berdikari. Ini memang konsep yang penting. Akan tetapi mungkin kita pun kena realistik, mungkin dalam 10 tahun hingga 15 tahun kita tidak akan hasilkan satu kapal terbang untuk pertahanan. Ini kerana saiz ekonomi kita kecil, peruntukkan kita untuk pertahanan tidak sampai seperti negara India.

Akan tetapi, untuk industri pertahanan, walaupun kita tidak hasilkan satu kapal terbang secara sepenuhnya dan keseluruhannya tetapi kalau dalam 10 tahun Malaysia boleh jadi negara bertaraf dunia yang menghasilkan sistem dalam kapal terbang, *system comms*, *system avionic*. Kalau kita boleh jadi negara yang paling baik dalam satu atau dua bidang di dalam kapal terbang itu, kita kira industri pertahanan kita berjaya. So, untuk masa depan kita mesti fikir apa yang kita hendak berdikari, *self-reliance* dan apa kita hendak jadi, satu penghasil atau industri yang bertaraf dunia. Terima kasih.

■1030

3. Dato' Dr. Ananthan a/l Somasundaram minta Menteri Kesihatan menyatakan, adakah Kementerian Kesihatan Malaysia bercadang untuk mewujudkan satu sistem pangkalan data kesihatan bersepadu untuk menyimpan rekod-rekod kesihatan lampau di hospital serta klinik kerajaan dan swasta untuk mengenal pasti sejarah kesihatan seseorang pesakit.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dr. Lee Boon Chye]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator. Kementerian Kesihatan Malaysia telah mewujudkan suatu sistem pangkalan data bersepadu dikenali sebagai *Malaysia Health Information Exchange* atau MyHIX ringkasnya. MyHIX akan berintegrasi dengan sistem maklumat pesakit, *facility* dan melaluinya, rekod-rekod kesihatan lampau pesakit boleh dirujuk melalui indeks sistem pangkalan data bersepadu tersebut. Justeru itu, rekod-rekod lampau pesakit dapat dikongsi dan dicapai oleh pengamal perubatan hospital apabila perlu. Untuk makluman Yang Berhormat juga, pangkalan data untuk rekod pesakit itu adalah merupakan rekod seumur hidup.

Sehingga kini, pelaksanaan MyHIX dilaksanakan secara berperingkat di hospital dan klinik kerajaan sahaja melibatkan sembilan hospital kerajaan dan sebuah klinik kesihatan. Sementara pelaksanaan di hospital dan klinik swasta masih sedang diteliti. Kementerian Kesihatan Malaysia akan memperluaskan integrasi ini kepada hospital dan klinik kerajaan sepenuhnya dan seterusnya kepada hospital dan klinik swasta secara berperingkat melalui inisiatif pelaksanaan *electronic medical record* bagi mewujudkan pangkalan data kesihatan bersepadu yang lengkap. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Silakan soalan tambahan.

Dato' Dr. Ananthan a/l Somasundaram: Terima kasih penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri walaupun jawapan Timbalan Menteri ada mempunyai rekod yang sama mengikut pangkalan data tetapi ada juga terdapat kecacatan, contohnya ada klinik atau hospital tidak mempunyai rekod seseorang pesakit. Jadi, soalan saya ialah apakah langkah yang akan diambil oleh pengamal perubatan jika tidak mengetahui sebarang sejarah kesihatan seseorang pesakit sebab tindakan ini boleh mendatangkan risiko terhadap pesakit tersebut. Terima kasih.

Dr. Lee Boon Chye: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Pertama, sebagai pengamal perubatan apabila merawat seseorang pesakit sepatutnya pengamal perubatan harus meneliti kesemua sejarah pesakit itu daripada pesakit ataupun saudara kepada pesakit yang boleh memberi maklumat berkenaan pesakit tersebut. Kita mengambil maklum bahawa memang ada kesukaran di mana apabila sejarah pesakit itu agak rumit dan memang dalam perancangan kementerian supaya mengadakan *electronic medical record*. Sekiranya kesemua klinik dan hospital kerajaan dan juga apabila hospital swasta menyertai program *electronic medical record* ini, jadi kesemua data-data pesakit itu akan dimasukkan kepada MyHIX dan setiap pengamal perubatan boleh mengadakan akses kepada data tersebut.

Mungkin pesakit itu datang daripada Perlis tetapi apabila beliau muncul di Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru misalnya, jadi doktor pengamal perubatan di Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru boleh mengakses kepada sejarah pesakit tersebut melalui sistem komputer di Hospital Sultanah Aminah dan ini memang hasrat Kementerian Kesihatan supaya kita adakan *electronic medical record* yang membolehkan perkara itu menjadi realiti. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. So, sekarang sudah dilaksanakan?

Dr. Lee Boon Chye: Ini dalam perancangan sepertimana yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri baru-baru ini, kita merancang supaya dilaksanakan di seluruh negara sekiranya peruntukan ada, kita akan lakukan dalam masa tiga tahun.

Tuan Yang di-Pertua: Masa berperingkat?

Dr. Lee Boon Chye: Ya.

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau ingat dahulu kita tidak ada profil data kita bersama dengan bank. Kemudian kita diminta mengisi borang dan kita memberi profil kita, data-data kita kepada bank. Selepas itu, ada syarikat-syarikat lain yang memanggil kita, *insurance company especially*. Saya semalam kebetulan satu wakil daripada *unclaimed money*, ada satu *company* yang datang dia tahu saya ada *unclaimed money 10 years ago* dalam sebuah bank, datang berjumpa saya dan minta supaya dia uruskan *the unclaimed money* ini.

Jadi makna kata data saya itu sudah *leaked*, sudah keluar. Saya bimbang sekiranya data kesihatan kita ini contoh saya ambil diri sayalah selepas *Form 5* saya bercinta kemudian *fail* satu subjek dan saya jadi pening kepala dan diminta berjumpa dengan *psychiatrist* dan *psychiatrist* mengambil rekod kita itu dan dimasukkan dalam data kita. Apabila saya besar, saya menjadi *politician* dan hendak menjadi Menteri sepertimana Yang Berhormat Dato' Mahfuz, saya hendak jadi Menteri macam dia ini, berangan. Selepas itu data saya *leaked*. Saya pun buat satu *statement* dan kenyataan tiba-tiba...

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Mahfuz bin Haji Omar]: Apa kena mengenai pula? *[Ketawa]*

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Fasal saya tengok dalam TV tadi hebat bicara Yang Berhormat Menteri dalam TV pagi tadi. Jadi tiba-tiba ada orang menyatakan bahawa "Oh! Menteri ini semasa dahulu pernah berjumpa psychiatrist sekarang jadi Menteri." Ini menjadi satu perkara yang amat membimbangkan. Apakah jaminan kerajaan Yang Berhormat? Apakah jaminan kerajaan data kita ini tidak akan keluar pergi kepada orang lain sebab apabila masuk

swasta ini, data kita menjadi berharga, *it costs*. Oleh sebab itu sekarang ini banyak *leaked* data-data kita ini, siapa sahaja boleh *call*, mereka ada nombor telefon kita dan sebagainya. Itu soalan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Apakah jaminan kerajaan data kita ini tidak akan dibocorkan? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Lee Boon Chye: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Ini soalan yang agak penting dari segi melindungi data pesakit itu. Jadi dalam hal ini ada tiga aspek. Pertama, data-data itu dikawal di bawah *Personal Data Protection Act* (PDPA).

Kedua, kementerian mengadakan SOP yang mengawal akses kepada data-data tersebut. Jadi bukan sembarangan orang yang boleh memasuki pangkalan data tersebut kerana ada prosedur-prosedur yang perlu diikuti oleh pengamal perubatan yang menginginkan akses kepada data tersebut.

Ketiga, sebenarnya setiap kali ada rawatan, pesakit diberikan peluang untuk *opt out* untuk masukkan data rawatan tersebut. Jadi *opt out* ini bermakna ada satu borang yang boleh ditandatangani supaya pangkalan data untuk rawatan tersebut tidak dimasukkan dalam sistem MyHIX itu. Jadi ini akan memberikan jaminan supaya data-data pesakit tersebut menjadi satu data yang dikira *confidential* dan *personal*. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin.

Puan Asmak binti Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan saya mudah sahaja. Adakah pangkalan data kesihatan bersepadu yang telah dibangunkan itu turut melibatkan warga asing yang berada di Malaysia sama ada yang pernah ataupun sedang berada seperti pelajar, pekerja dan lain-lain sebab saya lihat daripada data FOMEMA, kita ada lebih kurang tujuh juta pekerja asing di Malaysia tetapi yang berdaftar hanya dua juta lebih tetapi yang lebih lagi tidak berdaftar. Jadi, adakah data ini juga boleh diakses oleh kementerian-kementerian lain yang memerlukan dengan jaminan keselamatan seperti yang disebutkan tadi. Sekian terima kasih.

Dr. Lee Boon Chye: Terima kasih kepada soalan tersebut. Yang Berhormat Senator, yang sedia ada MyHIX ini dilaksanakan di sembilan buah hospital dan sebuah klinik kesihatan sahaja. Apabila kita memperluaskan kepada kesemua kemudahan Kementerian Kesihatan, ini bermakna pangkalan data tersebut meliputi semua pesakit sama ada dia warganegara ataupun warga asing.

Satu soalan berkenaan akses daripada kementerian yang lain, ini terpulang kepada SOP. Akan tetapi buat sementara waktu, kebiasaannya apabila ini berkenaan dengan rekod perubatan. Biasanya mereka yang dalam kementerian itu ataupun dalam industri penjagaan kesihatan yang ada akses, dan bukan mereka yang tidak ada kaitan dengan industri kesihatan. Jadi, ini untuk menjaga *personal data* dan *confidentiality*. Sekian.

■1040

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Tuan Yang di-Pertua, kalau dibenarkan. Sedikit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Terima kasih.

4. **Tuan Khairul Azwan bin Harun** minta Menteri Hal Ehwal Ekonomi menyatakan, apakah tujuan dan justifikasi kerajaan memotong elaun bulanan sara hidup peneroka FELCRA Changkat Lada, Perak daripada RM1,000 kepada RM450 dan adakah terdapat bantuan lain sebagai ganti kepada pemotongan tersebut?

Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi [Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat...

Tuan Yang di-Pertua: *Mike*.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Okey. Untuk makluman Yang Berhormat, projek FELCRA Berhad Changkat Lada, Perak merupakan sebuah projek pembangunan bersepadu di mana FELCRA merupakan *lead agency*. Projek ini berkeluasan kira-kira 14,000 hektar yang mengandungi tiga komponen pembangunan utama iaitu estet sawit, estet padi, dan kawasan penempatan yang boleh menampung seramai 1,031 orang peserta. Setiap peserta telah dianugerahkan pegangan tanah seluas tiga ekar padi dan tiga ekar sawit.

Dimaklumkan bahawa kesemua peserta-peserta di sini menerima agihan keuntungan bulanan daripada hasil pendapatan sawit dan padi. Selepas era tanam semula sawit pada tahun 2013, peserta-peserta telah dibiayai sebanyak RM700 sebulan berdasarkan unjuran tahunan pendapatan ladang. Kadar ini kemudiannya dinaikkan kepada RM1,000 sebulan bermula tahun 2015 hingga tahun 2018 berdasarkan purata harga komoditi yang baik pada ketika itu.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada pertengahan tahun 2018, industri sawit telah mengalami kejatuhan harga. Sekiranya kaedah bayaran secara unjuran diteruskan seperti mana sebelum ini, akaun peserta projek ini akan mengalami defisit. Hal ini kerana jumlah yang dibayar berdasarkan unjuran adalah lebih tinggi daripada hasil sebenar. Keadaan ini telah mula dikesan pada bulan September 2018 lagi, di mana penyata untung rugi projek peserta telah menunjukkan

defisit sebanyak RM4 juta. Sehingga 31 Disember 2018, defisit dalam akaun peserta adalah sebanyak RM4.8 juta dan perlu dibayar balik melalui keuntungan akan datang. Berdasarkan senario-senario penurunan ini, FELCRA telah menyemak semula kaedah bayaran unjuran ini dan mengubahnya kepada pengiraan pendapatan dan perbelanjaan untung rugi projek yang sebenar bermula pada bulan Januari 2019. Langkah ini bagi mengelakkan peserta berhutang dan perlu membayar balik kepada FELCRA pada masa hadapan.

Berdasarkan penyata untung rugi projek ini bagi bulan Januari 2019, lebihan yang boleh diagihkan kepada 1,031 orang peserta adalah berjumlah RM466,000 atau RM451 bagi setiap peserta. Pengurusan FELCRA telah memberikan komitmen yang tinggi di dalam peningkatan hasil ladang FELCRA Changkat Lada dan ia telah merekodkan pencapaian sebanyak 29 metrik tan per hektar pada tahun 2018 dan momentum ini dijangka berkekalan pada tahun 2019.

Selain itu, FELCRA turut melaksanakan program pembangunan keusahawanan bertujuan menambah pendapatan peserta menerusi program-program berikut:

- (i) projek khas ternakan dan penghasilan lebah madu kelulut yang dilaksanakan oleh Perkumpulan Wanita Dinamis FELCRA (WADIRA) Seberang Perak;
- (ii) pembinaan pusat pengumpulan dan pemasaran produk usahawan peserta yang dikendalikan oleh persatuan belia Seberang Perak;
- (iii) program perkembangan keusahawanan disertai oleh 30 usahawan di dalam bidang seperti pemprosesan makanan, perkhidmatan dan pembuatan; dan
- (iv) program pelancongan desa yang diselaraskan oleh Unit Pembangunan Peserta FELCRA Seberang Perak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, boleh saya simpulkan bahawa FELCRA akan terus melaksanakan program-program pembangunan di Changkat Lada merangkumi tiga aspek utama iaitu pembangunan perladangan sawit dan padi sebagai sumber ekonomi teras, pembangunan keusahawanan sebagai sumber ekonomi sokongan dan pembangunan kemasyarakatan demi manfaat keseluruhan warga peserta. Sekian, terima kasih.

Tuan Khairul Azwan bin Harun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang diberikan. Cuma saya hendak tekankan di sini Tuan Yang di-Pertua, ya kita menghargai usaha pihak kerajaan untuk mempelbagaikan pendapatan lain selain daripada hasil daripada unjuran pendapatan buah sawit itu sendiri. Antaranya yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, untuk pembangunan tabung keusahawanan belia, dalam hal ehwal pelancongan pun ada saya

difahami wujud usaha-usaha tersebut. Akan tetapi yang saya hendak tekankan di sini dan saya hendak minta pandangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, asas penubuhan agensi-agensi seperti FELCRA, FELDA sewaktu Almarhum Tun Abdul Razak dahulu, bahkan dapat pengiktirafan daripada Bank Dunia suatu ketika dahulu adalah untuk menjamin taraf hidup dan juga sosioekonomi masyarakat yang berada di luar bandar, terutama peserta-peserta ini dapat dibela untuk jangka masa yang panjang walaupun berada dalam keadaan cabaran ekonomi yang tidak menentu Tuan Yang di-Pertua.

Dalam hal ini, saya akui peserta-peserta itu sewaktu mereka masuk menjadi peserta, mereka diberikan tanah tiga ekar untuk tanam sawit dan tiga ekar untuk tanam padi. Apabila mereka peroleh kawasan tersebut, pada mulanya mereka boleh mengusahakan sendiri kalau ada kemampuan. Kemudian apabila peserta-peserta ini yang kebanyakannya merupakan warga emas Yang Berhormat Timbalan Menteri, mungkin 20 tahun atau 30 tahun dahulu waktu mereka muda menjadi peserta, boleh usahakan tanah tersebut sama ada padi atau sawit. Hari ini umurnya rata-rata sudah 65 tahun ke atas, sudah warga emas. Kebanyakannya suami sudah meninggal, yang tinggal hanyalah isteri, sudah jadi balu.

Jadi hari ini saya hendak tanyalah, kalau dalam konteks perniagaan Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau kita ada tanah kita beri kepada suatu syarikat untuk bangunkan, sudah tentulah ada balasan bayaran sebagai contoh pajakan tanah Tuan Yang di-Pertua, bukan semata-mata untuk unjuran keuntungan. Bahkan hari ini kita tahu harga sawit yang jauh merudum jatuh, sudah tentulah kita faham unjuran untuk pendapatan itu akan kurang. Akan tetapi takkan tak ada langsung usaha untuk mengganti balas tanah yang diberi balik untuk tanaman semula kepada FELCRA itu diberi suatu orang kata pampasan, bayaran dalam bentuk mungkin elaun sara hidup bulanan sebagai ganti.

Jadi, saya minta apa pandangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk fikirkan mekanisme ini selain apa yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, ada tabung keusahawanan-lah, hendak bantu golongan ibu tunggal-lah.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, daripada 1,000 lebih peserta ini, 600 orang merupakan balu dan ibu tunggal. Umurnya sudah 65 tahun, 70 tahun yang tak mungkin mampu pergi ke ladang, ke kebun dan tak juga mampu untuk membuat perniagaan. Ini kerana apa, kawasan FELCRA Seberang Perak Changkat Lada ini berada di kawasan *remote*, dengan izin, yang memang pedalaman. Tidak mungkin kalau buka perniagaan runcit boleh mendapatkan pendapatan *overnight* sebegitu sekali. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Khairul Azwan Harun. Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya sebut tadi, FELCRA Seberang Perak ini agak unik di mana peserta mempunyai tiga ekar sawit dan tiga ekar padi dan FELCRA berfungsi sebagai agensi yang menguruskan ladang-ladang ini di mana kita tengok hasilnya cukup optimum, 29 tan metrik per hektar. Itu cukup tinggi untuk suatu kawasan ladang sawit. Inilah antara komitmen FELCRA sepertimana yang disebut tadi, untuk memberikan hasil yang terbaik kepada peserta-peserta. Apa yang berlaku seperti mana yang kita sedia maklum adalah kejatuhan harga sawit komoditi dunia dan ini telah memberi kesan kepada hasil daripada usaha di tiga ekar sawit setiap peserta untuk 1,031 orang peserta tadi.

Di sinilah yang memberi kesan kepada pendapatan peserta, daripada RM1,000 yang mana berdasarkan unjuran dan sekarang ini dalam RM450 berdasarkan yang sebenar. Kita tidak boleh teruskan dengan unjuran tadi memandangkan kalau proses ini berterusan, maka pendapatan akan datang akan ditolak dengan defisit yang ada.

Jadi untuk memberikan suatu kestabilan pendapatan kepada peserta, maka ia menggunakan pendapatan sebenar. Dari segi usaha untuk menghasilkan pendapatan lain, itulah yang kita sebutkan tadi, apa usaha yang telah dibuat untuk membantu peserta-peserta ini. Kita sedar antara mereka sudah berumur dan pelbagai inisiatif yang telah dilakukan untuk menjana pendapatan sampingan. Inilah antara apa yang sedang dilihat oleh FELCRA, bagaimana kita dapat melihat untuk mengambil kira demografi peserta.

■1050

Ini juga kita buat pada FELDA seperti mana Kertas Putih tempoh hari, kita lihat demografi peserta peneroka FELDA contohnya, 80 peratus berumur 61 tahun ke atas. Kita sedar akan hal ini dan untuk pihak FELCRA pun sedang melihat bagaimana cara terbaik untuk menyelesaikan atau melihat tentang isu ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Laksamana.

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya lihat daripada Buku Anggaran Perbelanjaan 2019, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi diperuntukkan untuk peruntukan pembangunan RM9 juta secara langsung dan RM220 juta secara pinjaman. Saya ingin mendapat pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri adakah aktiviti Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Persekutuan (FELCRA) ini dapat memberi manfaat kepada peserta FELCRA di Changkat Lada? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Terima kasih yang Laksamana. Pertama sekali ingin saya jelaskan bahawa peruntukan tersebut adalah untuk pembangunan kawasan baharu, pembangunan tanam semula FELCRA. Ini dibuat secara di mana FELCRA akan mendahulukan pembangunan tersebut dan akan di *reimburse*, dengan izin, daripada kerajaan kemudiannya. So, itulah model yang digunakan oleh FELCRA dalam konteks pinjaman daripada kerajaan. Ia untuk pembangunan kawasan-kawasan ladang baharu, pembangunan semula. Terima kasih.

5. Datuk Haji Husam bin Musa minta Perdana Menteri menyatakan, usaha-usaha untuk membeli atau memajak bangunan hotel di Mekah dan Madinah secara jangka panjang berbanding sewaan tahunan atau dwi tahunan dengan tujuan mengurangkan kos penempatan jemaah haji Malaysia.

Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri [Puan Fuziah binti Salleh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator di atas soalan itu.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat pada masa kini Lembaga Tabung Haji menyewa bangunan-bangunan penginapan di Mekah dan Madinah untuk jemaah haji muassasah semasa musim haji sahaja. Di Mekah, bangunan penginapan jemaah haji muassasah adalah kurang daripada 1,000 meter dari perkarangan Masjidil Haram iaitu daripada Saha ataupun Piazza ya, manakala di Madinah jarak bangunan hotel adalah kurang daripada 500 meter daripada kawasan Saha. Peraturan pembelian Kerajaan Arab Saudi pula tidak membenarkan sebarang pembelian hartanah di Mekah dan Madinah oleh bukan warganegara Arab Saudi. Tabung Haji memang merancang untuk menyewa bangunan penginapan untuk musim haji secara jangka panjang.

Sehingga kini ya Yang Berhormat Senator, sebelum - maksud saya sebelum-sebelum ini, memang kebanyakan pajakan adalah dalam lingkungan tiga hingga lima tahun, memang jangka masa pendek. Akan tetapi pihak pengurusan baharu Tabung Haji iaitu di bawah kerajaan baharu pada hari ini sedang meneliti secara serius cadangan yang melibatkan pajakan jangka panjang. Ada beberapa kriteria yang mesti dipenuhi di dalam mengambil kira perjanjian jangka panjang. Antara faktor-faktornya ialah yang pertama ialah bangunan itu sendiri.

Buat makluman Yang Berhormat Senator kita ada 30,200 iaitu kuota jemaah haji. Daripada jumlah ini 85 peratus merupakan jemaah haji yang mengikut muassasah. Maksudnya kita perlu penempatan bangunan yang boleh menempatkan jumlah jemaah haji yang mengikut muassasah ini.

Maka, kita mesti ambil kira jarak bangunan tersebut daripada masjid yang saya katakan daripada Saha tadi iaitu di Mekah 1,000 meter dan di Madinah 500 meter. Kemudian untuk jangka

masa panjang mungkin dalam kira 20 tahun harganya mesti kompetitif. Secara puratanya kita tidak boleh membayar lebih daripada apa yang Tabung Haji bayar setakat ini.

Ketiga kita juga melihat kepada fasiliti dan ada tambah nilai kepada fasiliti tersebut. Contohnya adakah bangunan itu boleh menyediakan tempat untuk klinik, *daycare* dan sebagainya ataupun gedung ubat. Bagaimana pula dengan *maintenance* sebab kalau kita pajakan jangka masa panjang, kita lihat bahawa kalau sekiranya *local operator* yang menguruskan bangunan tersebut ada kemungkinan *standard* dia akan menurun.

Jadi kalau kita tengok kadang-kadang dalam tiga tahun, lima tahun pun mula-mula dia apabila kita menandatangani perjanjian, tiga *star*. Akan tetapi selepas beberapa tahun, belum habis lagi perjanjian kita dia sudah tukar turun satu *star* kerana yang menguruskannya adalah *local operator*. Kita juga kena lihat sama ada mereka mengambil kira *international operator* di dalam menguruskan bangunan itu jangka masa panjang. Oleh sebab kita tidak mahu *standard* nya menurun sedangkan harganya itu kita sudah buat perjanjian sains kontrak jangka masa panjang.

Kita juga melihat kepada akses Yang Berhormat Senator, sebab adakah bangunan itu dekat dengan *ring road*? Sebab sekiranya dalam musim haji memang keadaan jalan raya begitu padat, begitu sesak dan kalau sekiranya jauh daripada *ring road*, nanti kita terpaksa turunkan jemaah haji, mungkin yang tua-tua itu jauh daripada bangunan dan terpaksa berjalan kaki.

Jadi kedudukan, lokasi bangunan itu, semua ini diambil kira, beberapa faktor ini. Inilah yang sedang diteliti oleh pihak pengurusan pada hari. Saya boleh maklumkan bahawa memang sudah ada *proposal* dan memang sedang dikaji perkara ini. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bukan tahunan. Tiga hingga lima tahun kurang-kurangnya.

Puan Fuziah binti Salleh: Ya, Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini perjanjian tiga hingga lima tahun.

Tuan Yang di-Pertua: Okey. Ada soalan tambahan Yang Berhormat?

Datuk Haji Husam bin Musa: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya gembira dengan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa Tabung Haji sudah ada rancangan untuk mengkaji penyewaan ataupun pajakan lebih berjangka panjang. Saya ingin tahu adakah Tabung Haji telah mempunyai kiraan terhadap jumlah kos di antara sewaan tiga hingga lima tahun tadi jangka pendek dengan satu sewaan ataupun pajakan jangka panjang. Berapa kos yang boleh dijimatkan? Sebarang penjimatan itu akan dapat menjimatkan kos para jemaah haji juga. Sudah tentu semua syarat-syarat *condition* dan keperluan-keperluan tadi tidak kita boleh kompromi kan.

Di hujung jawapan Yang Berhormat tadi disebut sudah ada *proposal* dan kenapa selama ini *proposal*, ini tidak ditimbang? Ini kerana saya kira pada waktu ini ataupun sebelum ini, pembangunan-pembangunan hotel-hotel baharu persekitaran dengan Masjidil Haram telah berlangsung dengan pesat dan Tabung Haji tidak mengambil peluang tersebut. Kenapa selama ini Tabung Haji lebih menekankan sewaan jangka pendek berbanding jangka panjang yang tentunya lebih menguntungkan. Terima kasih.

Puan Fuziah binti Salleh: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua memang kita mengambil kira *costing* ya. Oleh sebab bila jangka masa panjang ini, faktor-faktor yang disebut tadi itu Yang Berhormat Senator memang pada hari ini sudah ada bangunan yang menepatinya. Akan tetapi perkara yang masih diambil kira ialah berkenaan dengan *costing* kerana apabila dia jangka masa panjang, kita kena tengok dia punya *payment scheme*. Sama ada *payment scheme* itu diterima oleh kedua-dua pihak kerana dalam keadaan Tabung Haji sekarang baru hendak pulih daripada keadaan kewangan yang melanda Tabung Haji sebelum ini, maka kita harus melihat kepada *payment scheme* yang Tabung Haji boleh *manage* ataupun boleh urus.

Kita tidak boleh melabur di awal dan *costing* itu nanti akan menyebabkan Tabung Haji tidak dapat hendak mengimbangi keadaan kewangan pada ketika ini. Sehingga Tabung Haji itu pulih, kita perlu beberapa tahun untuk keadaan kewangan Tabung Haji itu pulih.

Saya setuju dengan soalan Yang Berhormat Senator kenapa *proposal* ini sebelum ini tidak dilihat, tidak diteliti. Ini kerana memang benar bangunan-bangunan yang dekat dengan masjid memang susah hendak dapat terutamanya bangunan yang baik dan bangunan yang mendatar. Kita tidak hendak bangunan yang berbukit kerana berbukit nanti kita susah hendak tolak orang-orang warga emas dengan *wheelchair*. Itu di antara faktor yang kita hendak tengok juga. Ya, betul mungkin terdahulu pihak pengurusan dan pihak Lembaga saya tidak boleh jawab bagi pihak mereka. Kenapa mereka tidak buat perkara tersebut kerana itu memanglah merupakan faktor yang seharusnya dilakukan.

■1100

Akan tetapi, dengan izin, *rest assured*, inilah antara perkara yang pertama yang dilihat oleh pihak pengurusan dan juga pihak Lembaga Tabung Haji pada hari ini. Pada hari ini, dalam mesyuarat Ahli Lembaga yang baru dua hari lepas pun *proposal* ini dibincangkan di dalam mesyuarat Ahli Lembaga yang diadakan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: So, jaminan kementerian adalah selepas jangka masa panjang kos akan turun?

Puan Fuziah binti Salleh: Okey, sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, dia punya graf dari segi *costing*, setiap tahun ia meningkat walaupun pajakan...

Tuan Yang di-Pertua: So, tidak pasti lah Yang Berhormat...

Puan Fuziah binti Salleh: Tidak.

Tuan Yang di-Pertua: ...Turun atau tidak.

Puan Fuziah binti Salleh: Okey, sekarang ini kos meningkat dan standard menurun. Akan tetapi, dalam jangka masa panjang itu kos itu harus *stagnant*. So, harus puratanya 20 tahun itu lebih baik daripada sekarang tetapi standardnya tidak menurun. Standardnya juga *stagnant*, itu faktor yang harus diambil kira. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin?

Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin: Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah bangun sudah.

Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di atas penjelasan yang diberikan berkenaan dengan penginapan jemaah haji di Mekah dan juga di Madinah. Namun Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa jemaah haji yang datang ini untuk menunaikan Rukun Islam yang kelima, yang mana ia wajib bagi setiap umat Islam dan kebanyakan jemaah haji ini datang daripada pelbagai sosioekonomi. Ada yang mereka berkemampuan dan ada yang mereka memang tidak berkemampuan tetapi tambangnya hanya cukup-cukup untuk pergi haji.

Soalan saya Tuan Yang di-Pertua adalah berkenaan dengan jemaah haji transit Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab di bawah Kerajaan Barisan Nasional sebelum ini, ada memberikan penginapan secara percuma kepada jemaah-jemaah haji yang transit khususnya kepada mereka yang datang daripada jauh. Mungkin daripada Kedah, daripada pelbagai negeri yang hendak *check in* di Kompleks Tabung Haji ini diberi penginapan percuma. Akan tetapi, semenjak daripada tahun lalu, saya dimaklumkan bahawa tiada penginapan percuma lagi kepada jemaah-jemaah haji yang *check-in* di Movenpick.

Maka, saya hendak bertanya kepada pihak kerajaan, sejauh manakah kerajaan bercadang untuk mengadakan perkhidmatan penginapan percuma ataupun mungkin bagaimanakah kerajaan bercadang untuk mengurus jemaah-jemaah transit ini kerana mungkin ada sebahagian mereka memang tidak berkemampuan ataupun mungkin memang tidak ada saudara mara di Lembah Klang untuk mereka tinggal. *At the same time, they might not be,* mereka tidak mempunyai kemampuan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri faham? Ya.

Puan Fuziah binti Salleh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum ini memang istilah jemaah haji transit itu wujud kerana jemaah haji datang daripada jauh. Mereka transit di Kelana Jaya dan mereka memerlukan penginapan. Akan tetapi, mulai daripada tahun lepas apabila kita mula menggunakan Hotel Movenpick untuk berlepas, apa yang berlaku ialah semua jemaah haji ini mendapat penerbangan *direct* daripada kawasan-kawasan mereka. Maksudnya, mereka datang daripada Kedah, mereka akan dapat penerbangan daripada Kedah. Dahulu mereka datang ke Kuala Lumpur dan transit *check in* dulu dekat Kelana Jaya sebelum mereka terbang.

Akan tetapi, sekarang kalau mereka daripada Kedah mereka akan terbang daripada Kedah ke KLIA. Kalau mereka daripada Kota Bharu, mereka akan terbang ke KLIA. Daripada situ dia punya *flight* tidak lama. Jadi maksudnya, mereka tidak perlu transit semalaman dan tidak perlu *check in*. Akan tetapi, saya dengar masalah ini di bangkitkan pada tahun lepas. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, yang *complaint* banyak itu bukan jemaah, yang *complaint* itu orang yang menghantar. Mereka ramai tapi tiada tempat. Jadi mereka merasakan bahawa tidak ada ruang bagi mereka. Sebenarnya jemaah haji semua dapat penerbangan dari tempat mereka bertolak itu, daripada kawasan mereka sendiri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

6. Datin Rahimah binti Haji Mahamad minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, jumlah kemalangan maut di tempat kerja bagi tahun 2018 sehingga Mac 2019 mengikut sektor pekerjaan dan apakah dapatan analisis dan tindakan yang paling berkesan mengurangkan kemalangan maut di tempat kerja.

Timbalan Menteri Tenaga Manusia [Dato' Mahfuz bin Haji Omar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, berdasarkan kepada data yang kita miliki daripada seramai 14.85 juta orang pekerja di Malaysia, seramai 611 orang pekerja maut akibat kemalangan pekerjaan. Ini pada tahun 2018, turun sebanyak 14 peratus berbanding seramai 711 orang pada tahun 2017. Namun begitu, untuk 2019 ini kita belum dapat memuktamadkan lagi angka yang sebenar.

Akan tetapi, pada apa catatan yang ada kepada saya ini ialah, 2019 antara Januari hingga Mac seramai 129 orang. Sektor pekerjaan yang mencatatkan jumlah kemalangan yang tertinggi Tuan Yang di-Pertua, ialah pertama pembinaan dengan seramai 166 orang ataupun 27.2 peratus, pembuatan dan pengilangan seramai 131 orang ataupun 21.4 peratus, kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan dengan seramai 114 orang ataupun 18.7 peratus.

Data yang ada yang saya sebutkan tadi iaitu data berasaskan kepada 2018 dan 2019 itu masih dalam proses kemas kini. Apa yang saya sebut tadi ialah sebanyak 129 kes ataupun 129 kemalangan maut. Untuk berkaitan dengan tindakan yang dilakukan, pertama saya hendak sebut bahawa tindakan yang pertama ialah- kalau dulunya kita tidak ada dasar negara berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Akan tetapi, sekarang kita telah pun mempunyai Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara yang telah pun diluluskan oleh Kabinet dan ditandatangani sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 15 Januari 2019 dan telah pun dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Ini untuk menunjukkan tentang komitmen tinggi daripada orang nombor satu dan juga Kabinet sendiri, Jemaah Menteri sendiri terhadap hal yang berkaitan dengan isu keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Jadi, semua langkah-langkah dan tindakan selepas ini akan dilakukan berasaskan kepada Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. Oleh sebab itu antara yang akan dibuat, yang *insya-Allah* akan berlaku mungkin dalam sidang akan datang ialah pindaan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 yang antara lainnya ialah untuk memperjelaskan tentang tanggungjawab majikan, pekerja dan orang-orang yang kompeten serta meningkatkan kadar penalti yang maksimum.

Sekarang ini penalti terlalu rendah. Jadi kita akan bawa satu pembentangan selepas ini. Kemudian juga berkaitan dengan tentang garis-garis panduan yang setakat ini dia bersifat garis panduan iaitu *Guideline of Occupational Safety and Health in Construction Industry Management 2017* ataupun ringkasnya OSHCIM. Ini akan dikuatkuasakan dan dijadikan undang-undang apabila pindaan itu nanti. Ini akan membabitkan semua pihak yang terlibat dalam sektor pembinaan ini akan terlibat dengan tanggungjawab-tanggungjawab tertentu dalam pelaksanaan pindaan akta yang baharu ini.

Kemudian, intervensi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) berterusan melalui audit pemeriksaan dan sebagainya. Pada tahun 2018, sebanyak 296,975 aktiviti pemeriksaan dan pencegahan kemalangan serta penyakit pekerjaan telah pun dijalankan. Penguatkuasaan daripada penguat kuasa KKP daripada 296,975 itu, sebanyak 70,676 tindakan punitif telah pun dikenakan termasuk pendakwaan dengan penalti berjumlah RM3.7 juta dan kompaun berjumlah RM1.4 juta, notis dan juga surat arahan pada tahun 2018.

Selainnya ialah, kita mengadakan promosi dan juga latihan tentang berkaitan keselamatan, kesihatan pekerjaan bagi meningkatkan kesedaran dan kefahaman majikan dan juga pekerja berkenaan dengan perundangan dan juga amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang terbaik di tempat kerja. Jadi pada tahun 2018, sebanyak 6,355 aktiviti promosi

berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan telah dijalankan antaranya ialah Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Hari Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Sedunia, Anugerah Cemerlang KKP, juga program-program yang berkaitan dengan seminar, ceramah, dialog, temu bual, media dan juga pameran KKP. Ini antara langkah-langkah yang kita lakukan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat Yang Berhormat Menteri sudah menjawab berkenaan dengan dasar kerajaan berkenaan dengan kemalangan. Ada soalan tambahan Yang Berhormat?

Datin Rahimah binti Haji Mahamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri yang saya rasa sudah menjawab dengan begitu panjang lebar tetapi ada juga saya hendak tanya sedikit Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

■1110

Datin Rahimah binti Haji Mahamad: Maklumat terkini menyatakan terdapat 14,000 tapak bina dan kementerian hanya mempunyai 100 orang pegawai sahaja membuat pemantauan di tapak pembinaan. Jadi soalan saya, bagaimanakah perancangan kerajaan agar pemantauan hal ehwal keselamatan ini bukan sahaja dilaksanakan oleh kementerian tetapi kerajaan juga menyepadukan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan dengan gandingan erat PBT, CIDB serta KSM, menyediakan kerangka perundangan yang lebih inklusif. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, silakan.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih. Sebelum saya menjawab, saya hendak mengalu-alukan kehadiran daripada Sekolah Menengah Kebangsaan Pusat Bandar Puchong 1 dan Persatuan Kebajikan India Ipoh... [*Tepuk*] Tetamu Tuan Yang di-Pertua. Selamat datang ke Dewan Negara... [*Tepuk*]

Berkaitan dengan soalan yang telah pun dikemukakan berkaitan dengan soal 14,000 tapak dan jumlah kakitangan pegawai penguat kuasa yang tidak mencukupi. Saya mengakui, sebab itu pindaan akta ini nanti akan menyelesaikan masalah-masalah kekurangan tenaga kerja kerana kita tidak akan lagi dipertanggungjawabkan di peringkat kementerian, di peringkat Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan ini untuk membuat pemeriksaan. Pemeriksaan itu akan dibuat berasaskan kepada pihak syarikat itu akan menyediakan laporan-laporan, kemudian kita akan membuat audit.

Ini akan memberikan peluang pekerjaan yang lebih banyak dalam bidang keselamatan dan kesihatan pekerjaan, akan terbuka bukan sahaja kepada sektor pembinaan tetapi juga

kepada sektor-sektor yang lain. Akan tetapi yang penting ialah kesedaran daripada semua pihak termasuk kita yang bukan hanya bercakap dalam Dewan sama ada Dewan Rakyat ataupun Dewan Negara berkaitan dengan isu keselamatan dan kesihatan pekerjaan tetapi menanamkan kesedaran kepada masyarakat seluruhnya. Daripada peringkat yang seawal-awalnya sampailah ke peringkat untuk mereka masuk ke dalam pasaran kerja supaya semua pihak, majikan ada tanggungjawab, pekerja juga ada tanggungjawab supaya masing-masing ada dalam pemikiran tak nak mati di tempat kerja, nak mati atas katil di rumah. Macam mana Dato' Haji Mohd Suhaimi, boleh bersetuju? *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Ada soalan tambahan? Silakan Yang Berhormat.

Puan Asmak binti Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya berkenaan dengan pekerja yang mengalami kemalangan maut ataupun isu kesihatan di tempat kerja. Apakah langkah kerajaan untuk memastikan kecekapan pembelaan waris-waris bagi pekerja yang maut di tempat kerja. Ini kerana contohnya macam kita di Kelantan, apabila kita buat siasatan terhadap kes miskin tegar, ada kita jumpa mereka ini sebenarnya ada *breadwinner* sebelum itu tetapi meninggal di tempat kerja tetapi mereka tidak tahu bahawa mereka boleh minta pampasan dan sebagainya.

Sehingga kita pergi kita kata takkan tak ada PERKESO apa, jadi kita tolong buat baru dapat. Maklumlah macam makcik-makcik dan sebagainya. Jadi apakah langkah kerajaan untuk kecekapan ini? Sekian, terima kasih.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Baik, terima kasih kepada Yang Berhormat. Ini satu soalan yang baik. Memang kalau dulu-dulu ini memang maklumat itu tidak sampai kepada pihak kementerian khususnya kepada pihak PERKESO. Ini dalam isu perlindungan PERKESO ya. Memang kadang-kadang sesetengah orang itu dia pun tak tahu kata ada perlindungan PERKESO, itu satu.

Keduanya, kadang-kadang bila suami meninggal, isteri dan keluarga pun tak tahu kata ada PERKESO. Akan tetapi sekarang ini, kecekapan- saya boleh berikan pujian kepada pihak PERKESO, mereka ada Unit Prihatin, pasukan Prihatin yang mereka ini boleh dikatakan bekerja 24 jam walaupun tidak daripada pejabat tetapi daripada rumah. Apa sahaja laporan, liputan yang dibuat oleh media termasuk media sosial, mereka sangat prihatin dan mengambil langkah-langkah dan tindakan dan seawal yang mungkin kita akan sampai untuk memberikan apa-apa yang dipenuhi syarat-syarat tertentu, maka orang-orang yang dicarumkan dalam PERKESO itu akan mendapat manfaatnya, *insya-Allah*. Itu yang sedang kita lakukan pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Dr. Yaakob bin Sapari: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Sekejap. Yang Berhormat Menteri, saya ingat soalan itu ada tambahan sedikit, saya pun nak tanya. Bila seseorang itu meninggal, adakah dalam sistem kerajaan atau kementerian itu dapat mengetahui kematian tersebut segera atau dalam masa yang tersingkat?

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Dia meninggal mana nak tahu, dalam sistem dia baru meninggal.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak tahu ya, tak ada ya. Yang kita nak tahu bila caruman tak masuk, baru...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Macam mana?

Tuan Yang di-Pertua: Bila caruman tak masuk untuk bulan depan itu, baru tahu orang itu meninggal atau tidak? Macam Yang Berhormat bertanya, selepas meninggal itu mereka tidak tahu. Kalau kementerian pun tidak tahu, macam mana nak ada segera nak menolong.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Tidak, syaratnya ialah meninggal dan sebagainya, memang meninggal dalam kes-kes yang dalam waktu bekerja, ia berlaku kes dalam waktu bekerja.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Kalau dia meninggal biasa itu mungkin.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak, waktu bekerja.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Tidak ada laporan dan tidak ada liputan, agak sukar. Ya, belum ada sistem yang di *link* dengan JPN atau dengan waris tetapi kemalangan dan sebagainya semua kemalangan bekerja. Kalau kemalangan tidak bekerja memang kita pun tidak ambil tindakan. Kalau ia kematian-kematian biasa bukan kematian akibat daripada kes-kes berlaku dalam kemalangan di tempat kerja, maka sudah tentu tidak sampai maklumat itu kepada kita dan kita juga kalau kita tahu pun kita tidak bertindak sebab ia bukan berlaku dalam lingkungan yang diizinkan oleh PERKESO itu sendiri.

Dr. Yaakob bin Sapari: Soalan tambahan, 166 kes kematian ini di tapak pembinaan dan saya pasti yang ini ramai adalah warga asing. Apakah warga asing juga ada caruman PERKESO?

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Ya. Warga asing juga ada caruman khas untuk mereka bukan mengikut apa yang biasa, ia ada satu akta khas yang telah diluluskan dan kita memang berasaskan kepada apa yang diperlukan oleh ILO. Apa yang kita buat ini ialah berasaskan kepada konvensyen yang telah pun kita persetujui di peringkat ILO dan itu yang telah pun kita laksanakan sekarang.

7. **Puan Hajah Rahemah binti Idris** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan, apakah pendekatan dan inisiatif-inisiatif baharu yang sedang dilaksanakan oleh kementerian dalam membantu usahawan IKS mengembangkan perniagaan.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator.

Oleh kerana soalan ini menekankan kepada isu mengembangkan perniagaan IKS, ini bermakna kita merujuk kepada apa yang sedang diusahakan oleh kementerian kepada usahawan-usahawan yang sudah pun terlibat. Memang ada program lain untuk usahawan yang kita nak baru bangunkan, baru *develop* tetapi oleh kerana soalan ini bertanyakan kepada usaha-usaha pengembangan perniagaan.

Kementerian Pembangunan Usahawan mengambil inisiatif untuk meningkatkan satunya pasaran dan keduanya modal. Ini untuk mereka-mereka yang sudah pun terlibat di dalam IKS ini. Pertamanya ialah antaranya program-program membantu usahawan-usahawan kita mengeksportkan hasil-hasil buatan mereka ke luar negara. Satu program yang telah kita adakan dan *insya-Allah* akan berterusan ialah program Malaysia Halal Expo yang kita anjurkan baru-baru ini di mana kita membawa ke platform ini usahawan-usahawan yang mengusahakan pelbagai hasil untuk dipasarkan ke negara Jepun.

Walaupun program kali yang pertama ini khusus untuk menangani isu keperluan barangan halal di *Olimpik Tokyo 2020* tetapi kita dalam masa yang sama mengambil peluang dalam ekspo ini untuk mengetengahkan lebih daripada 300 usahawan-usahawan IKS dengan produk-produknya yang sangat baik dan sebahagiannya adalah bersedia untuk dieksport ataupun *export ready*.

Dalam program ini kita telah mendapat kunjungan daripada lebih 10,000 orang dan hasil jualan potensi sebanyak RM135 juta. Ada sebahagiannya pun sudah dan sedang diusahakan oleh kementerian untuk mendapatkan semua bentuk kelulusan yang diperlukan. Ada banyak syarat-syarat yang dikenakan oleh negara seperti Jepun ini sebelum barangan kita dapat dieksport ke sana dan ini sedang diusahakan oleh kementerian membantu usahawan-usahawan ini.

■1120

Kedua, kita menghidupkan semula Program Satu Daerah Satu Industri yang menghimpunkan produk-produk dan perkhidmatan yang berkualiti dari seluruh negeri melibatkan empat kluster iaitu makanan dan minuman, rumah inap, kraf tangan serta produk kesihatan dan

penjagaan diri. Kita telah bergerak ke beberapa lokasi di dalam negara ini yang telah kita pergi ialah di Perak, di Terengganu dan akan kita teruskan di Melaka, *insya-Allah*, seterusnya ke seluruh negara.

Program ini sebenarnya dahulu dilaksanakan oleh ICU, Tuan Yang di-Pertua. Kini, dipindahkan ke kementerian ini dan kita membuat mengikut zon. Akhirnya kita berharap dengan program sebegini kita dapat profilkan daerah-daerah di seluruh negara kita. Ini kerana pada masa ini, kita belum boleh mengambil contoh seperti OTOP di Thailand- *One Tambon One Product* ini yang mana di sana, memang khusus daerah-daerah berkenaan, ada hasil yang khusus untuk daerah tersebut. Di negara kita ini, dalam satu daerah, walaupun kita panggil 'Satu Daerah Satu Industri' tetapi berbagai-bagai produk kita kumpulkan dan kita cuba profilkan daerah-daerah tersebut dengan produk-produk yang agak spesifik kepada daerah berkenaan.

SDSI kali ini juga melibatkan penyertaan koperasi, *agropreneur*, *mobilepreneur*, *Malaysian Kitchen* dan *social entrepreneur*. Juga selebriti-selebriti yang kita kelompokkan atas nama *celebpreneur*. *MP-preneur* belum ada lagi. Boleh juga. Memperluaskan elemen perniagaan SDSI ini berdasarkan pemasaran atas talian melalui sesi perkongsian ilmu oleh pembekal perkhidmatan seperti *Shopee*, *Grab* dan lain-lain dan melaksanakan urus niaga tanpa menggunakan tunai ataupun *cashless payment transaction*. Jadi, itu antara usaha kita di daerah-daerah dalam negara kita.

Seterusnya ialah Karnival Halal Usahawan Malaysia. Ini juga adalah untuk membantu usahawan kita memperluaskan pasaran mereka dan kita kali ini bergerak ke Sarajevo, Tuan Yang di-Pertua. Baru berlaku pada minggu lepas dan masih lagi sedang berlaku di sana *event* ini di mana kita membawa sebanyak 34 buah syarikat PKS di bawah bimbingan SMECorp, di bawah bimbingan TEKUN Nasional dan juga Suruhanjaya Koperasi Malaysia serta ahli Persatuan Pengilang dan Industri Perkhidmatan Bumiputra Malaysia menyertai karnival ini.

Acara di Sarajevo ini merupakan satu loncatan untuk meneroka pasaran baharu khususnya di Bosnia dan juga di Balkan. Akan tetapi kita juga maklum Sarajevo adalah juga *gateway* ataupun pintu masuk ke negara-negara lain di Eropah. Jadi, mudah-mudahan akan menambah luas lagi pasaran usahawan-usahawan kita.

Kemudian, di salah satu agensi kita, di MaGIC, kita melaksanakan satu program yang dipanggil Pemangkin Usahawan Sosial Hebat (PUSH). Ini kita mengembangkan perniagaan usahawan-usahawan kecil menerusi peluang-peluang perniagaan francais dan meningkatkan kesan-kesan francais ini kepada program-program lain seperti *social entrepreneur*. Program PUSH ini turut dilaksanakan kepada masyarakat bandar yang akan membantu meningkatkan

kualiti kehidupan masyarakat di bandar khususnya dalam kelompok B40. Kementerian ada menyediakan ataupun diberikan sejumlah wang RM300,000 tidak banyak untuk melaksanakan beberapa program yang bukan pinjaman tetapi untuk melaksanakan program ini. Contoh-contoh PUSH ini yang telah berlaku, yang dapat dijadikan *success story* kita, dengan izin, ialah Walter Barbershop, Tuan Yang di-Pertua. Kalau Tuan Yang di-Pertua hendak memotong rambut, pergi ke- cari, *Google*, Walter Barbershop. Macam rambut sayalah...

Seorang Ahli: *[Ketawa]*

Seorang Ahli: ...Tidak elok pun.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Tidak elok ya? *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: *[Ketawa]*

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Cuba ulang di luar Dewan. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: *[Ketawa]*

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Di mana ada 25 *micro franchise* ini ataupun francais 25, *new micro business* yang membantu untuk melatih tukang-tukang gunting kita di kalangan anak muda kita dan juga melatih mereka untuk membuat *business plan* dan promosi syarikat mereka.

Begitu juga program *EPIC Homes* ataupun membuat rumah-rumah untuk orang-orang yang kurang bernasib baik dalam masyarakat kita. Pada tahun ini, kita berharap dapat membina 40 lagi *micro franchising business* untuk kumpulan B40 ini, khususnya juga pada anak-anak muda kita yang mempunyai berbagai-bagai idea.

Seterusnya, kita juga ada satu lagi Program *Going Export*, Tuan Yang di-Pertua. Ini salah satu program yang dilaksanakan oleh SMECorp Bersama dengan MATRADE yang merupakan salah satu program berimpak tinggi dan berkeupayaan untuk membawa PKS menembusi pasaran eksport yang lebih luas. Kita memperuntukkan sejumlah wang RM5 juta bagi tahun ini untuk membantu PKS-PKS ini ke peringkat antarabangsa dan program ini telah memanfaatkan 287 PKS dengan potensi jualan bernilai lebih RM500 juta. Sebanyak 90 penerokaan pasaran telah dijalankan melibatkan 40 buah negara baharu yang berjaya diterokai.

Dalam aspek yang kedua iaitu membantu usahawan-usahawan kita mengembangkan modal mereka, kementerian juga sedang melaksanakan program Seminar Pasaran Saham. Kita bergerak daripada negeri ke negeri. SPS kita panggil, merupakan program yang menyediakan akses kepada platform pembiayaan alternatif menerusi penyenaiaan awam di pasaran *Leading Entrepreneur Accelerator Platform* (LEAP) dan pasaran *Access, Certainty and Efficiency* (ACE) di dalam Bursa Malaysia. Kementerian dengan kerjasama Bursa Malaysia telah menganjurkan

program ini di Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Terengganu dan akan diteruskan ke Johor, Sabah dan Sarawak dalam masa terdekat.

Seramai 392 orang peserta melibatkan 304 buah syarikat telah menyertai ketiga-tiga siri program ini dan daripada jumlah tersebut, 15 buah syarikat telah menunjukkan minat untuk disenaraikan di Bursa Saham Malaysia Berhad.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Ya, saya.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Cukup ya? *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Biar Yang Berhormat yang tanya soalan itu, ada soalan tambahan sedikit. Saya ingat, memang terperinci.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Tuan Yang di-Pertua, memang sudah habis sudah pun.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah habis?

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Jadi, kalau tidak tahan pun, saya pun hendak berhenti ya?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa, terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Hendak qada Dewan Rakyat pendek sangat, Tuan Yang di-Pertua *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Ada soalan tambahan Yang Berhormat?

Puan Hajah Rahemah binti Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidak ada soalan tambahan sebab saya sudah catat di sini pun sudah hampir separuh kertas saya *[Ketawa]* *Success story* kementerian.

Tuan Yang di-Pertua: *[Ketawa]* Ya.

Puan Hajah Rahemah binti Idris: Tahniah kita ucapkan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, terima kasih. Yang Berhormat Tuan Haji Muhammad bin Mustafa?

Tuan Haji Muhammad bin Mustafa: Ya, *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Cuma soalan saya sedikit saja, sejauh mana usaha kerajaan untuk membantu lulusan pusat serenti ataupun orang yang sudah keluar pusat tahanan dadah ini untuk membantu mereka mendapat peluang-peluang pekerjaan dalam skim-skim yang disebutkan tadi? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Jika ada rancangan?

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Memang berbagai-bagai kelompok kita masukkan, cuma dalam kes ini *graduate* daripada pusat serenti ini merupakan satu yang khusus, belum lagi kita senaraikan beberapa aktiviti. Cuma, saya hendak sebut, ambil peluang di sini, kita bekerjasama dengan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), contohnya. MAIWP menyediakan peruntukan, kementerian menyediakan kepakaran untuk membantu asnaf. Buat sementara ini, untuk tahun yang pertama ini, 500 asnaf akan dibantu. Jadi, saya berkeyakinan ada agensi yang lain, yang akan menangani isu-isu ini dan kita akan bekerjasama dengan *partners* strategik kita termasuk untuk menangani bekas-bekas...

Tuan Yang di-Pertua: Pusat serenti.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Pelatih pusat serenti. Terima kasih.

8. Dato' Chai Kim Sen minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan, siapakah anggota bukan kerajaan (NGO) yang turut serta dalam Majlis Tindakan Sara Hidup Negara bagi memastikan agar pandangan setiap lapisan masyarakat didengari oleh kerajaan di samping penyertaan kementerian dan *Council of Eminent Persons* (CEP).

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Chong Chieng Jen]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya menjawab soalan yang ditanya, izinkan saya membuat sedikit pembetulan atas soalan yang ditanya iaitu merujuk kepada penyertaan *Council of Eminent Persons* (CEP) dalam Majlis Tindakan Sara Hidup Negara.

▪ **1130**

Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini *Council of Eminent Persons*, bukan ahli majlis ini. Untuk menjawab soalan yang ditanya, antara anggota bukan kerajaan (NGO) yang turut serta dalam Majlis Tindakan Sara Hidup Negara iaitu ahli tetapnya adalah seperti berikut:

- (i) Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja di dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS);
- (ii) Gabungan Persatuan-persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA);
- (iii) Yayasan Pesara Kerajaan Malaysia;
- (iv) Persatuan Pengguna Pulau Pinang;
- (v) Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA); dan
- (vi) Majlis Tindakan Ekonomi Melayu.

Majlis turut menjemput pelbagai NGO yang lain dari semasa ke semasa untuk menyertai perbincangan serta membentangkan kertas cadangan berdasarkan isu-isu tertentu serta keperluan mesyuarat. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Soalan tambahan Yang Berhormat.

Dato' Chai Kim Sen: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Bersamping dengan topik kos sara hidup, minta Yang Berhormat Menteri menjelaskan apakah impak yang akan dirasai oleh pengguna jika harga minyak bebas diapungkan akibat pelaksanaan sistem subsidi minyak bersasar? Apakah tindakan yang akan diambil Majlis Tindakan Sara Hidup Negara untuk mengatasi ini? Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Mengenai impak kepada golongan rakyat, terutamanya mereka yang berpendapatan rendah. Sekiranya program subsidi bersasar ini dilaksanakan, di mana harga minyak akan terapung mengikut harga antarabangsa. Kerajaan berprihatin terhadap mereka yang golongan daripada B40 dan juga M40.

Oleh itu, sekarang dalam rancangan kita untuk bersubsidi bersasar, kita akan memberi subsidi lebih untuk mereka supaya untuk menolong, memberi bantuan kepada untuk menampung kos sara hidup yang tinggi itu. Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL), beberapa cadangan telah dilaksanakan sudah dan juga akan dicadangkan.

Antara langkah-langkah yang kita buat adalah iaitu *MY100*, *MY50* di mana iaitu kad pengangkutan tanpa had untuk mereka yang beli BLT dan juga rel tanpa had, di mana kerajaan telah menanggung RM100 untuk kad bulanan dan juga untuk *bus service* yang tanpa had RM50 sebulan iaitu salah satu langkah dan juga polisi kerajaan adalah untuk menggalakkan orang ramai supaya menggunakan pengangkutan awam, *the change of behavior*. Di samping itu, kita juga telah melaksanakan diskaun 20 peratus untuk KTM komuter.

Semua ini adalah bertujuan untuk meringankan kos sara hidup. Di samping itu, kita juga bercadang sekarang akan menambahkan lagi barangan kawalan harga dalam senarai barangan kawalan harga. Di mana kita akan menetapkan satu harga yang munasabah terhadap beberapa item barangan keperluan untuk rakyat.

So, semuanya akan dicadangkan dan dibincangkan dengan teliti. Saya harap juga kalau Yang Berhormat Senator ada apa-apa cadangan, bolehlah Yang Berhormat Senator salurkan kepada kita dan juga ada apa-apa NGO yang boleh memberi sumbangan kepada apa tindakan yang boleh dibuat untuk meringankan kos hidup rakyat, biarlah kita bekerjasama terhadap tujuan ini. Sekian, terima kasih.

Puan Raj Murni binti Sabu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Puan Raj Murni binti Sabu: Tuan Yang di-Pertua, saya ada dua soalan tambahan kepada soalan asal ini. Pertama, sejauh manakah kejayaan ini telah berjaya memecah monopoli ataupun kartel dan memastikan pemberian AP permit makanan. Akhirnya, pemberian itu dapat dikawal yang boleh juga menyebabkan pengawalan kepada harga makanan, harga-harga kos sara hidup.

Kedua ialah berkaitan dengan adakah pihak kementerian bercadang untuk meluaskan lagi kerjasama dengan pihak NGO untuk melaksanakan program-program kementerian seperti yang sudah berlaku sekarang dalam tabung makanan, *food bank* yang diberikan khusus kepada pelajar-pelajar mahasiswa. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Untuk menjawab soalan keduanya dulu iaitu kita kerajaan baharu ini kita mengamalkan satu sikap yang terbuka. Kita akan bila-bila masa adalah sedia untuk bekerjasama dengan mana-mana pihak yang ingin atau bertujuan untuk memberi manfaat kepada rakyat. Mengenai *food bank* itu yang dilaksanakan, tujuan kita adalah untuk memperluaskan program ini kepada seluruh semua IPTA yang di dalam negara ini.

Mengenai soalan di mana ada soalan tentang memecahkan monopoli bekalan makanan. Ini dalam rancangan kita dan juga kita ada membuat beberapa kajian sudah iaitu mengenai gula, Bernas, PUSPAKOM dan beberapa sektor telah dikaji. Ia akan memakan masa sedikit kerana ada di antaranya ada kontrak jangka masa panjang dan juga ada beberapa faktor yang telah akan terjejas kerana sistem monopoli ini sudah lama dilaksanakan dan *the root is very deep*.

Oleh itu, kalau kita hendak memecahkan monopoli ini, kajian yang menyeluruh perlu dibuat dan dikaji supaya impaknya tidak akan menjejaskan ekonomi yang tidak kita sangkakan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk soalan-soalan jawab lisan selesai.

[Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL**MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA
BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya;

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Tuanku semasa membuka Penggal Kedua, Parlimen Keempat Belas.” **[23 April 2019]**

Tuan Yang di-Pertua: Minta Yang Berhormat Tuan Haji Ismail bin Yusop untuk menyambung.

11.38 pg.

Tuan Ismail bin Yusop: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullaahi taala wabarakaatuh.* Salam sejahtera, salam Malaysia Baharu. Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya sambung semula, hendak panaskan badan semula sebab semalam tergantung 10 minit.

Sebagaimana yang Tuan Yang di-Pertua sebut di awal tadi, hari ini Mesyuarat Kabinet, jadi bapa-bapa Menteri kita tidak dapat hadir di Dewan Negara. Kita meraikan kehadiran semua Timbalan Menteri. Terima kasih kita beri penghargaan. Akan tetapi saya juga hendak bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini, sewaktu sedang Dewan Rakyat, Mesyuarat Kabinet boleh dibuat pada hari Jumaat. Akan tetapi bila sampai sidang Dewan Negara, Mesyuarat Kabinet, kembali semula hari Rabu. Jadi, waktu Yang Berhormat Dato' Seri Khairudin membentangkan usul terima kasih ke atas Titah Diraja, Yang Berhormat Dato' Seri bangkitkan tentang kad pencen kita hanya layak guna di hospital.

■1140

Jadi, orang anggap itu remeh. Jadi, apakah sidang di Dewan Negara ini Kabinet menganggap remeh juga? Saya bangkitkan hal ini kerana ini soal punca kuasa demokrasi di negara ini terletak di Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Apa salahnya kalau Kabinet terus menjalankan mesyuarat pada hari Jumaat sebagai menghormati sidang Dewan Negara yang sedang berlangsung?... [*Tepuk*] Dalam usaha kita hendak mereformasi Parlimen, baik sidang...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat hendak saya hantar Bentara panggil Menteri?

Tuan Ismail bin Yusop: [*Ketawa*] Saya, yang saya hendak sampaikan Tuan Yang di-Pertua ialah saya hendak minta kalau boleh kita hendak sampaikan pesanan...

Tuan Yang di-Pertua: Saya faham, saya faham Yang Berhormat. Berkenaan dengan kehadiran Menteri ini, kita pun ada keraguan sedikit. Akan tetapi kita kena faham kadang-kadang Menteri ini sudah 30 hari dekat Dewan Rakyat dan lepas itu kena *standby* tiga minggu di Dewan Negara pun susah. Akan tetapi saya harap Menteri-menteri ini akan hadir kalau boleh seberapa ramai yang mungkin. Akan tetapi kalau Yang Berhormat memberitahu bahawa Timbalan-Timbalan Menteri ini tidak berdaya pula menjawab [*Ketawa*]

Datuk Razali bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mencelah sedikit boleh?

Tuan Ismail bin Yusop: Sekejap, bagi saya selesaikan yang dekat sini Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa. Bagi dia. Datuk Razali ini, harap dia sokong kerajaan lah.

Datuk Razali bin Idris: Sebab saya pun rasa terkesan dengan apa yang Yang Berhormat sebut tadi. Nampak ada perbezaan, *double standard*, dengan izin, antara Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Jadi Tuan Yang di-Pertua, apakah boleh kita di Dewan Negara kita cadangkan satu usul supaya apabila bersidangnya Dewan Rakyat dan Dewan Negara, maka Mesyuarat Kabinet mesti hari Jumaat. Ini cadangan saya. Boleh kah kita buat usul macam itu? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sila duduk sekejap. Ahli-ahli Yang Berhormat kena faham. Ahli-ahli Yang Berhormat ini saya ingat nanti terlalu emosi mengeluarkan kenyataan, lepas itu balik parti politik Ahli-ahli Yang Berhormat ini akan bagi teguran. Sebaiknya bincang dengan majlis ataupun sesama Ahli Yang Berhormat, jumpa dengan kerajaan. Tidak payah buat usul dahulu lah, ini pandangan saya. Kalau hendak buat usul, saya ini dari parti pembangkang Yang Berhormat. Saya pula lagi...

Datuk Razali bin Idris: Tidak Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Sekejap, bagi saya habis dahulu.

Datuk Razali bin Idris: Ini yang terbaik Tuan Yang di-Pertua, bukan kita hendak menidakkan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya faham Yang Berhormat. Biar saya habis dahulu. Akan tetapi kita ini kena jalankan aturan kerajaan dan kita ada tanggungjawab kepada rakyat. Isu ini saya ingat boleh diselesaikan bila kita bagi Ahli-ahli Yang Berhormat beri pandangan kepada kerajaan. Itu nasihat saya kepada- kalau hendak buat usul, terpulang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ramai yang bangun.

Dato' Zahari bin Sarip: Tuan Yang di-Pertua, boleh minta laluan?

Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin: Mohon mencelah boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Ini bukan topik perbahasan. Sila duduk, sila duduk Yang Berhormat.

Dato' Zahari bin Sarip: Laluan?

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk. Ini kalau dia hendak bagi laluan, duduk sekejap.

Tuan Ismail bin Yusop: Terima kasih kepada rakan-rakan Senator yang memberi perhatian dalam hal ini. Saya punya, sebenarnya cadangan saya di sini Tuan Yang di-Pertua ialah saya cuma berharap Menteri yang bertanggungjawab dalam hal ehwal Parlimen dapat menyampaikan hasrat kita hari ini kepada khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebab masalah kita sekarang ini di luar sana ialah persepsi...

Tuan Yang di-Pertua: Saya hendak beritahu kepada Dewan, biar perbahasan ini sedikit kerana kita tidak ada *live* sekarang, masa soalan ada *live*. Kita berbincang sesama kita.

Tuan Ismail bin Yusop: Jadi tertutup lah sedikit. Jadi, masalah kita ialah soal persepsi di luar sana. Orang melihat Dewan Negara ini sebagai *secondary* dan tidak penting. Sedangkan Tuan Yang di-Pertua, sebagai wakil bagi pihak kerajaan, saya sejak hari Isnin kelmarin mengikuti perbahasan rakan-rakan Yang Berhormat Senator baik di sebelah kerajaan mahupun yang bukan kerajaan. Saya tersentuh kerana semuanya berhujah dengan penuh berhemah dan mengambil nasihat daripada Tuan Yang di-Pertua, yang meminta supaya perbahasan yang kita lakukan ini tidak sangat dipengaruhi, pandangan-pandangan kita itu tidak sangat dipengaruhi oleh platform ataupun parti politik yang kita wakili.

Walaupun saya akui ada sahabat-sahabat yang cenderung untuk membawa mesej parti masing-masing tetapi sekali lagi semuanya dilakukan secara berhemah sesuai dengan semangat

kita di Dewan Negara ini untuk mempamerkan muafakat politik dan demokrasi yang matang di dalam Malaysia baharu ini. Jadi, itu sahajalah hendak memanaskan badan. Hendak sampuk?

Dato' Sri Khairudin Samad: Boleh bagi laluan?

Tuan Ismail bin Yusop: Presiden ini, saya kena bagi laluan.

Dato' Sri Khairudin Samad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Berhubung dengan ini bukan kita bermaksud yang Timbalan-timbalan Menteri yang ada ini tidak boleh mewakili, boleh. Apa maksud kita ialah sekurang-kurangnya saya kalau hendak- saya sudah berjuang lama...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, memang Timbalan Menteri pun tahu. Tidak boleh jawab, jawapan dia berteras kepada kakitangan. Dia tidak boleh buat dasar kerajaan, semua faham. So, Ahli Yang Berhormat hendak bincang fasal?

Dato' Sri Khairudin Samad: Saya hendak sebut sebab Majlis Senator sudah berjuang lama cerita ini. Kita minta supaya Menteri-menteri pun kalau ada kelapangan, datang. Macam kalau dijadikan hari Jumaat sebagai hari Kabinet, itu cukup baik. Jadi, adalah peluang untuk mereka datang. Kalau hari ini memang sudah tentu tidak datang. Seorang Timbalan Menteri terpaksa mewakili banyak Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan dia hendak jawab pun dia kata semua bertulis, semua bertulis, semua bertulis dan bertulisnya bila hendak dapat kita pun tidak tahu. Seolah-olah Dewan Negara ini tidak menjadi satu tumpuan kepada mereka.

Saya sudah berjuang lama minta supaya Menteri-Menteri tolong hadirkan diri. Kalau hendak namakan Tuan Yang di-Pertua, saya boleh namakan. Menteri yang tidak pernah pijak kaki di dalam Dewan Negara, saya boleh namakan. Akan tetapi hendak aibkan orang untuk apa? Saya boleh namakan. Saya tahu Menteri-Menteri. Saya perhati berapa ramai Menteri yang tidak pernah meletakkan kaki di dalam Dewan Negara dan saya pernah kata datang lah sekali. Saya jumpa Menteri saya sebut, Yang Berhormat datang lah sekali, tunjuk muka kepada kami di dalam Dewan Negara. "Oh, saya sibuk." Kalau boleh pergi ke Dewan Rakyat, tidak akan tidak boleh datang Dewan Negara. Sewaktu kita jalan serentak, contohnya.

Jadi, ini yang kita hendak suarakan supaya mereka ini memberi penghormatan. Kita bercakap soal hendak memperkasakan Dewan Negara. Akan tetapi kalau anggota pentadbiran sendiri tidak reti untuk memperkasakan Dewan Negara, apa guna kita punya *caucus on reform* dan sebagainya? Jadi saya harap Menteri-menteri ambil perhatian terutama sekali Menteri yang jaga Dewan Parlimen supaya memberi perhatian, memberitahu kepada Menteri-menteri supaya boleh datang.

Perdana Menteri saya rasa memang susah sedikit sebab portfolio tidak ada. Dahulu kita minta Perdana Menteri pun datang. Akan tetapi datang untuk hendak jawab, tidak ada portfolio

pun. Jadi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri datang cukup. Akan tetapi Menteri ini, tolong lah. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin: Mohon mencelah boleh? Tambahan. Sedikit lagi, dua minit sahaja Tuan Yang di-Pertua. Minta maaf Yang Berhormat. Terima kasih banyak. Tuan Yang di-Pertua, saya...

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ini rasa serba salah sedikitlah memberi peluang Yang Berhormat ini berbincang. Bila hendak bahas perbahasan itu boleh lah Yang Berhormat.

Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin: Sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua. Ini sebab tadi Yang Berhormat Dato' Sri Khairudin Samad ada menyebut tentang memartabatkan Dewan Negara. Akan tetapi saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Senator tok abah, adakah bersetuju sebenarnya kita bukan hendak mengatakan hanya memartabatkan Dewan Negara sahaja tetapi kita mengatakan tentang mendukung semangat demokrasi berparlimen. Maknanya kita perlu penghormatan bukan sahaja di Dewan Rakyat tetapi di Dewan Negara sebagai sebahagian daripada sistem berparlimen.

Kalau kata kita tengok di negara-negara lain, mereka bercakap contohnya di Parlimen di UK, di Australia, mereka mempunyai satu- kita tidak bercakap pun tentang PMQT contohnya, maknanya *question and answer with the* Perdana Menteri. Akan tetapi sekurang-kurangnya kita minta kalau boleh dalam semangat untuk demokrasi berparlimen, menghormati institusi Parlimen itu sendiri di mana Dewan Negara sebahagian daripada Parlimen itu. Kita minta supaya Menteri-Menteri ini cuba mendengar ataupun hadir bagi menghormati sistem Demokrasi Berparlimen di negara kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1150

Tuan Ismail bin Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya ingat kita berhenti di situ supaya saya boleh sambung perbahasan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, tolong sambung.

Tuan Ismail bin Yusop: Ya, saya tahu keadaan tidak selesa kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga bagi kita yang ada di sini. Akan tetapi perkara ini kita kena sebut. Sebelum saya sambung, kita hendak mengalu-alukan kehadiran pelajar-pelajar dari *Kuala Lumpur International School of Tourism* ke Dewan yang mulia ini... [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, untuk meneruskan perbahasan saya ke atas ucapan Titah Diraja, saya hendak mengaitkan langsung perkara yang kita bincang sebentar tadi tentang usaha untuk

mereformasikan Parlimen sebagai institusi yang bebas baik di Dewan Rakyat mahupun di Dewan Negara. Usaha ini adalah untuk memastikan pengurusan...

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, sebentar.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sambung.

Tuan Ismail bin Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Usaha untuk mereformasikan institusi Parlimen ini adalah untuk memastikan supaya urus tadbir dan tata kelola institusi Parlimen menjadi lebih kondusif di samping membuka ruang perbahasan yang lebih efisien, matang dan berkesan.

Proses mereformasikan institusi Parlimen sama ada di Dewan Rakyat atau Dewan Negara adalah untuk memartabatkan Dewan yang mulia ini secara langsung dan sudah pastinya ia akan memperkukuhkan lagi sistem demokrasi berparlimen di Malaysia. Oleh kerana itu, saya berpendapat peranan sahabat-sahabat, teman Senator di Dewan Negara. Dewan ini perlu kita segarakan dan diberikan penjenamaan semula.

Ini kerana realitinya masyarakat, majoriti rakyat masih lagi tidak jelas tentang tanggungjawab para senator yang menjalankan tanggungjawab di Dewan ini kerana pelbagai faktor termasuklah hal-hal yang berkait dengan proses pemilihan senator, kuasa yang terhad dan hubungan yang renggang dengan masyarakat awam.

Faktor-faktor ini sebenarnya memberi kesan yang negatif terhadap persepsi rakyat terhadap kewibawaan dan peranan Dewan yang mulia ini yang dilihat seolah-olah didominasi oleh golongan yang berkepentingan politik dan hanya berkhidmat dan cenderung terhadap parti pemerintah.

Tuan Yang di-Pertua, justeru itu, usaha untuk memberikan penjenamaan dan pembaharuan Dewan Negara perlu dilakukan segera kerana persepsi rakyat umumnya menganggap Dewan Negara tidak efektif, berat sebelah dan membazir. Sehubungan dengan itu, saya ingin menyarankan dalam ucapan saya ini beberapa langkah yang boleh kita laksanakan segera.

Pertama, peranan dan hak Ahli Dewan yang mulia ini dalam perbahasan yang mampu memberikan kesan positif terhadap pentadbiran negara dan keputusan kerajaan. Peranan ini, dengan izin, akan menjadi *check and balance*, semak dan imbang, perlu menjadi teras kepada peranan anggota *Senate* di Dewan yang mulia ini.

Keduanya, para Senator juga perlu diberi ruang untuk mendekati rakyat dan untuk memaklumkan peranan dan tugas Senator di Dewan Negara dalam membincangkan polisi, dasar dan isu-isu semasa.

Ketiga, anggota *Senate* juga boleh dilantik untuk menduduki dalam Jawatankuasa Khas Parlimen atau, dengan izin, *Select Committee* mengikut bidang dan kepakaran masing-masing agar dapat memainkan peranan yang lebih efektif dan efisien. Ini sekali gus menghakis persepsi masyarakat awam bahawa Dewan Negara ini hanyalah sebagai *rubber stamp*.

Langkah ini Tuan Yang di-Pertua, boleh kita mulakan sekiranya Dewan ini boleh menamakan beberapa orang wakil di kalangan anggota Senator kita untuk duduk dalam Jawatankuasa Kokus Parlimen yang dipengerusikan oleh Ahli Parlimen Port Dickson.

Dengan langkah-langkah ini, kita berharap agenda reformasi Parlimen akan berjalan serentak di Dewan Rakyat dan di Dewan Negara dan pastinya ia akan mengorak langkah ke hadapan bagi meningkatkan kepentingan dalam urusan membuat keputusan di peringkat legislatif ini yang merupakan keputusan tertinggi buat rakyat dan negara.

Saya menaruh harapan yang tinggi sekiranya perubahan-perubahan ini dapat dilaksanakan. Ia akan memberi impak terhadap landskap dan budaya politik matang di Malaysia yang pastinya akan mencorakkan sistem demokrasi yang lebih baik bagi memberi keadilan kepada rakyat dan keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, menyambung perbahasan mengenai kos sara hidup yang saya bangkitkan pada petang semalam dan isu kemiskinan yang ternyata memerlukan tindakan segera dari kerajaan. Saya ulangi kenyataan bahawa sesungguhnya kesejahteraan dan kebajikan rakyat menjadi tonggak kepada kepercayaan dan keyakinan rakyat terhadap kepimpinan Kerajaan Pakatan Harapan.

Isu kos sara hidup dan kemiskinan bukan sahaja melibatkan yang miskin di luar bandar, di pinggir bandar bahkan dalam bandar malah isu ini telah memberi kesan kepada nasib dan kebajikan anak-anak kita yang sedang belajar di universiti tempatan.

Baru-baru ini kita mendengar kisah dan kes mahasiswa lapar yang berlaku di beberapa universiti tempatan menjadi *viral* di *social media* dan akhbar tempatan. Hal ini Tuan Yang di-Pertua perlu dipandang serius oleh pihak kerajaan. Dalam hal ini, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan, apakah pihak kementerian menyediakan peruntukan subsidi untuk kafeteria atau kantin di IPTA di mana usaha ini saya pasti akan dapat membantu mengurangkan kos harga makanan yang disediakan pada harga yang lebih berpatutan.

Saya juga menyeru pihak pengurusan universiti khususnya Bahagian Hal Ehwal Pelajar mengambil tanggungjawab bersama menangani isu mahasiswa lapar ini. Di samping itu, kita berterima kasih kepada kementerian-kementerian khususnya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna kerana menghulurkan bantuan dalam bentuk *food bank* bagi membantu mahasiswa-mahasiswa yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, tidak terlepas juga isu yang berbangkit tentang pengurusan Tabung Haji apabila Tabung Haji mengumumkan pemberian dividennya baru-baru ini. Tidak dinafikan, dividen yang diumumkan sebanyak 1.25 *percent* merupakan dividen terendah yang pernah dikeluarkan oleh Tabung Haji.

Namun begitu, kita sedia maklum ini adalah kerana kedudukan kewangan Tabung Haji yang mengalami jurang defisit yang tinggi antara tanggungan dan aset. Ini adalah realiti atau hakikat yang terpaksa dihadapi oleh pihak pengurusan Tabung Haji. Namun begitu, saya ingin mengingatkan Tabung Haji merupakan satu institusi yang bermatlamat utamanya membantu rakyat Malaysia yang beragama Islam untuk menunaikan Rukun Islam yang kelima bagi menunaikan haji.

Oleh kerana itu, saya mengucapkan tahniah kepada pengurusan Tabung Haji kerana dalam mengalami masalah kewangan yang diwarisi dapat juga mengeluarkan hibah atau dividen. Walaupun tidak setinggi mana tetapi yang lebih penting tidak menjejaskan urusan haji di kalangan rakyat serta menyelamatkan Tabung Haji dari dilanda masalah kewangan yang lebih parah. Saya berharap penstrukturan semula pengurusan institusi ini dapat mengembalikan kegemilangan Tabung Haji pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai wakil yang dipilih oleh Dewan Undangan Negeri Perak, saya ingin mengambil peluang dalam ucapan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Perak khususnya Majlis Perbandaran Taiping kerana Bandar Warisan tersebut telah diiktiraf sebagai bandar ketiga paling lestari di dunia dalam Anugerah 100 Destinasi Paling Lestari 2019 sempena *International Tourism Bourse* (ITB) iaitu Pameran Perdagangan Pengembaraan di Berlin, Jerman yang diadakan pada bulan Mac yang lalu.

■1200

Sehubungan dengan itu, saya ingin bertanya kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan apakah insentif dan langkah-langkah strategik untuk memastikan pihak pengurusan Majlis Perbandaran Taiping dapat terus melakukan usaha-usaha untuk menjaga dan meningkatkan lagi kelestarian bandar warisan ini. Seperkara lagi isu yang berbangkit dengan

negeri Perak ialah tentang kedudukan atau status Pulau Pangkor yang telah diumumkan saya kira hampir dua tahun yang lalu sebagai pulau bebas cukai.

Tuan Yang di-Pertua, saya pernah mengemukakan soalan mengenai kedudukan Pulau Pangkor ini sebagai pulau bebas cukai melalui soalan lisan saya pada Kementerian Pelancongan dalam sidang yang lalu. Namun sehingga hari ini, maklumat yang saya terima tidak banyak perubahan yang berlaku ke arah usaha mengangkat pulau berkenaan sebagai pulau bebas cukai yang pastinya akan menarik lebih ramai pelancong untuk berkunjung di sana. Oleh yang demikian, sekali lagi saya ingin meminta pihak Kementerian Pelancongan dapat memberikan pencerahan mengenai perkembangan usaha dan langkah-langkah untuk menjadikan Pulau Pangkor sebagai pulau bebas cukai menjadi kenyataan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai bahagian akhir dalam perbahasan saya, saya ingin merumuskan setelah meneliti keseluruhan maksud yang tersirat dalam Titah Ke Bawah Duli Tuanku Yang di-Pertuan Agong sewaktu pembukaan Parlimen tempoh hari adalah untuk menyeru kepada kepimpinan kerajaan yang sedia ada supaya berusaha bersungguh-sungguh bagi membina Malaysia ke arah ekonomi yang berlandaskan kemakmuran bersama, dengan izin *shared prosperity* dan mengamalkan sikap *distributive justice* keadilan yang seimbang.

Ini bagi saya selaras dengan cetusan idea yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Pelan Ekonomi Kajian Separuh Penggal RMKe-11 dalam sidang Parlimen yang lalu. Jurang pendapatan Tuan Yang di-Pertua semakin besar antara golongan miskin dan kaya serta antara kaum. Dalam laporan yang dikeluarkan oleh Institut Masa Depan Malaysia jelas menyatakan kaum bumiputera adalah kaum yang paling terkesan dalam pembangunan negara secara keseluruhannya. Tambahan lagi masyarakat hari ini mudah dipengaruhi dengan pelbagai sentimen dan emosi hasil tekanan dan kewujudan reaksi negatif terhadap kerisauan masa depan negara yang tidak jelas yang boleh menyebabkan kita tersasar dari tanggungjawab sebenar untuk memperbaiki nasib bangsa dalam membangunkan negara bangsa yang bermaruah.

Oleh itu saranan kemakmuran bersama atau *shared prosperity*, dengan izin, perlu dihayati prosesnya dengan pengagihan ekonomi yang adil dan *inclusive* bagi setiap peringkat rantaian nilai, kelas, kaum dan geografi. Ekonomi yang berprinsipkan kemakmuran bersama ini tidak lagi kita ukur semata-mata dengan KDNK sahaja. Akan tetapi dengan *shared prosperity* adalah di kalangan rakyat keseluruhannya dari aspek yang dilihat, dengan izin, *purchasing power* dan merapatkan jurang pendapatan antara kaya dan miskin serta antara kaum. Tanpa kemakmuran

bersama budaya politik yang tidak stabil serta kepelbagaian konflik boleh berlaku akibat permainan sentimen dan emosi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

Sesungguhnya Tuan Yang di-Pertua kemakmuran bersama bukanlah baru bagi kita kerana ia sebenarnya selari dengan ikrar Rukun Negara iaitu hendak mencipta masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara dinikmati secara adil dan saksama yang juga menjadi prinsip kemakmuran bersama. Tuan Yang di-Pertua, pemerdayaan bumiputera perlu menjadi agenda utama kerajaan dan bukan sekadar retorik slogan semata-mata dalam usaha mengukuhkan kembali perpaduan dan keyakinan rakyat terhadap pembangunan negara yang lebih harmoni dan makmur.

Segala usaha ini dapat dilaksanakan segera dan terancang agar tiada golongan yang merasa terpinggir dari arus pembangunan dan tiada lagi negeri dan wilayah yang tertinggal dari menerima nikmat pembangunan ini. Saya yakin gagasan kemakmuran bersama ini akan menghasilkan strategi ekonomi yang dapat melahirkan masyarakat yang *inclusive*, makmur, saksama dan bersifat *reform* atau *islahi*. Akhir sekali saya sekali lagi menaruh harapan yang tinggi terhadap Malaysia baharu yang meletakkan perubahan dan memastikan keadilan dan kejayaan negara kita bina semula.

Permasalahan dan aspirasi rakyat perlu menjadi agenda utama dalam mencari keyakinan dan sokongan yang bersepadu agar perpaduan rakyat akan terus dibina dengan utuh dalam membina negara bangsa yang cemerlang. Tuan Yang di-Pertua, suara rakyat, suara keramat. Dengan ini saya menyokong usul atas Titah Ke Bawah Duli Tuanku. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Ismail bin Yusop. Beria-ria betul tadi dengan penuh semangat hendak jadikan ahli *Senate* sebagai semak dan imbang supaya ahli *Senate* ini diperkasakan. Jadi tahniahlah terima kasihlah atas perjuangan untuk kita semua.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Dato' Sri Ti Lian Ker, dipersilakan.

12.06 tgh.

Dato' Sri Ti Lian Ker: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi peluang untuk saya membahas Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada hari ini. Rakyat dalam tempoh setahun ini sejak Pakatan Harapan mengambil alih pentadbiran telah dibebani oleh beberapa terlalu banyak isu yang perlu ditangani. Bab berceloteh, memfitnah ataupun memberikan cerita-cerita palsu sebagai pembangkang dahulunya haruslah berakhir di sini.

Kerajaan seharusnya perlu terus fokus dan mengutamakan rakyat dalam usaha membangunkan negara. Dalam setiap agenda yang dirangka, dirancang dan diputuskan oleh institusi mahupun agensi ataupun jabatan di bawah Menteri sebelum ini. Tiada gunanya kita menghebohkan *negativity* atas andaian atau kelemahan tertentu tanpa melihat pada gambaran keseluruhannya. Selepas itu baru kita mencari alasan untuk membuat *U-turn* akta atau dan memperkenalkan kembali program dan produk yang sama atas penjenamaan baru seperti SPAD kepada APAD, BR1M kepada BSH, Klinik 1Malaysia kepada Klinik Komuniti, AES kepada AWAS, kasut putih kepada kasut hitam, sehinggalah PERMATA pun dijadikan GENIUS.

Menteri-menteri kerap mengumumkan pembatalan projek dan produk dahulu kemudiannya pusing balik laksanakan program dan produk yang sama dengan harapan rakyat lupa asal usulnya dengan jenama baru ini. Inilah SOP dan KPI amalan Menteri Pakatan Harapan. Nasihat dan panduan Titah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong haruslah diberi perhatian. Mandat yang telah diberikan oleh rakyat bukanlah selama-lamanya dan rakyat sudah hilang kesabaran di mana rata-rata rakyat telah membuat di mana rakyat sudah hilang pertunjuk PRK Cameron Highlands, Semenyih dan Rantau di mana rata-rata rakyat telah membuat *U-turn* dan memberi isyarat tidak percaya kepada kerajaan dengan menyokong pembangkang yang mereka tolak sebelum ini.

Kuasa memerintah yang telah diberikan oleh rakyat haruslah dipikul dengan penuh hemah kerana ini adalah satu amanah dan tanggungjawab yang berat untuk membina dan bukannya bertindak membinasakan negara dengan *statement* melulu yang *sensational* tetapi akhirnya senjata makan tuan. Pilihan raya kerajaan tempatan rakyat ingin menggesa pihak kerajaan supaya menunaikan janji untuk mengembalikan semula pilihan raya kerajaan tempatan.

■1210

Yang Berhormat Menteri telah berjanji bahawa pilihan raya ini akan diadakan pada sedikit masa lagi Akan tetapi, kerja-kerja untuk melaksanakannya tidak pernah diumumkan atau *progress di-updated*. Mana dia ketulusan dan *public engagement* yang dijanjikan? Tiba-tiba ada pula alasan bahawa orang Melayu akan mengamuk sekiranya PKT ini diadakan. Mengapakah masyarakat Melayu yang lemah lembut, sopan santun dan bertatasusila selalu dijadikan alasan oleh politikus untuk memungkiri janji?

Sebenarnya ramai orang Melayu dan peniaga kecil mempunyai matlamat yang tinggi dan kebijaksanaan yang rasional. Mereka turut mahu mengembalikan PKT untuk memastikan penguatkuasaan dan pihak berkuasa tempatan adalah bertanggungjawab, amanah dan mengamalkan akauntabiliti agar peniaga-peniaga kecil tidak diperas ugut atau dijadikan mangsa

yang dipaksa membayar wang sogokan untuk mendapatkan kelulusan ataupun pembaharuan lesen dan sebagainya seperti yang lumrah berlaku.

Pelaksanaan Pilihan Raya PBT ini adalah selaras dengan reformasi yang dilaungkan dan dijanjikan oleh Kerajaan Pakatan Harapan dalam janji ke-25 Manifesto Pakatan Harapan yang ingin membentuk budaya ketelusan dan seterusnya memperkasakan peranan serta kuasa PBT ini. Tidak perlu kerajaan cuba menakut-nakutkan rakyat dengan mewujudkan naratif bahawa perpecahan rakyat berasaskan kaum akan berlaku, sekiranya kita melaksanakan Pilihan Raya PBT ini. Jika sebelum ini DAP begitu lantang mahupun Pilihan Raya PBT ini diadakan tetapi kenapa hari ini semuanya sudah berdiam diri? Adakah DAP sudah menjadi diam sebagai alasan parti?

Tuan Yang di-Pertua, mengenai lesen permit import. Saya turut ingin menyentuh berkenaan pemberian lesen permit import oleh pihak kementerian kepada 36 buah syarikat bumiputera. Saya ingin menegaskan langkah untuk meneruskan pemberian AP ini sudah bercanggah dengan pendirian PH yang sebelum ini begitu lantang menyuarakan bantahan bahawa amalan pemberian AP kerana kononnya ini adalah sinonim dengan amalan kronisme yang membawa kepada rasuah dan salah guna kuasa.

Pelaksanaan Dasar Baharu AP Terbuka yang telah ditangguhkan selama dua tahun oleh Kerajaan Barisan Nasional pada tahun 2017 adalah satu *U-turn* lagi. Sesungguhnya, pemberian AP ini boleh menjejaskan industri automotif negara dan sistem AP ini harus dihapuskan. Soalan saya, sejauh manakah pihak kerajaan, khususnya DAP akan mempertahankan prinsip untuk memansuhkan sistem AP seperti yang diperjuangkan dengan sesungguhnya sebelum ini?

ECRL dan Bandar Malaysia adalah satu lagi keputusan *U-turn* oleh Kerajaan Pakatan. ECRL dan projek Bandar Malaysia sebelum ini dijaja sebagai projek bertujuan untuk menjual Malaysia kepada negara China tetapi sekarang telah dikembalikan.

Begitu juga dengan kisah dongeng bahawa sebahagian projek ECRL ini adalah kononnya untuk membiayai projek 1MDB. Saya ingin bertanya, pada bahagian manakah dalam tuduhan kos ECRL ini dikatakan membayar hutang 1MDB dahulu sedangkan laporan terkini menyatakan pengurangan kos adalah disebabkan penghapusan beberapa stesen dan pengubahsuaian jajaran. Tidak kurang juga kisahnya dengan projek Bandar Malaysia. Jika dahulu projek Bandar Malaysia turut dikatakan sebagai rasuah, menggadai Malaysia kepada China dan sebagainya, kenapa sekarang Kerajaan Pakatan Harapan masih meneruskannya? Malahan *talking point* mereka, tanpa segan silu menggunakan *talking point* yang sama untuk menjelaskan kepentingan pembinaan projek Bandar Malaysia ini.

Ekonomi- saya ingin menyentuh mengenai prestasi ekonomi di bawah Kerajaan Pakatan Harapan selama 11 bulan pemerintahan ini. Rakyat semakin resah dengan penurunan kedudukan Malaysia yang jauh daripada tangga ke-35 kepada tangga ke-80 dalam tempoh satu tahun menerusi Indeks Kebahagiaan Dunia 2019 yang dikeluarkan oleh Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu baru-baru ini. Bank Negara Malaysia juga telah menyatakan pertumbuhan ekonomi pada tahun lalu secara keseluruhan sebanyak 4.7 peratus adalah rendah berbanding dengan pertumbuhan 5.0 peratus yang dicatatkan pada 2017, dan data juga menunjukkan KDNK negara berada di bawah berbanding dengan beberapa negara ASEAN, seperti Filipina, Vietnam dan Indonesia.

Begitu juga kita melihat prestasi Ringgit Malaysia diramalkan dan sudah pun menyusut ke paras yang lebih rendah pada RM4.15 sen dan diramalkan RM4.18 menjelang pertengahan akhir 2019 dan juga defisit yang semakin meningkat. Selain itu, tindakan Kerajaan Pakatan Harapan meningkatkan hutang negara melalui terbitan Bon Samurai bernilai RM200 bilion atau RM7.3 bilion juga boleh dipersoalkan berikutan ketidakjelasan untuk tujuan sebenarnya pinjaman yen ini dilakukan.

Saya memohon agar kerajaan menyatakan secara terperinci mengenai sejauh manakan keterdesakan pihak kerajaan untuk mendapatkan pinjaman yen ini dalam membantu menguruskan kewangan negara dan apakah faedah-faedah yang diperoleh melalui pinjaman yen ini yang lebih memudaratkan yang boleh menjerumuskan kita ke perangkap hutang yang lebih tinggi pada masa akan datang.

Bursa Malaysia KLCI- Prestasi Bursa Saham Kuala Lumpur Malaysia semakin kelam, malap dan sudah gelap, sejak Kerajaan Pakatan mengambil alih pentadbiran selama 10 bulan. Malaysia telah mengalami kejatuhan sebanyak 3.15 peratus pada tahun lepas dibandingkan dengan negara Asia Tenggara lain seperti Singapura yang meningkat kepada 8.8 peratus dan Indonesia yang memperoleh 18 peratus. Maka saya memohon mendapatkan penjelasan apakah hala tuju dan pendekatan jangka pendek ekonomi yang akan diamalkan oleh kerajaan, memandangkan kita memerlukan polisi yang lebih konsisten, stabil untuk mengurangkan sentimen kerisauan dan ketidakpercayaan pelabur dan pengguna.

Kertas Putih FELDA. Tuan Yang di 'putih', Tuan Yang di-Pertua [*Ketawa*] Minta maaf. Saya juga ingin membangkitkan beberapa isu ketelusan dalam Kertas Putih FELDA yang telah dibentangkan oleh Menteri Hal Ehwal Ekonomi pada 10 April yang lalu. Walaupun Kertas Putih tersebut telah mengenal pasti kelemahan tadbir urus dan memperkenalkan model FELDA baru, ia tidak menyatakan bagaimana FELDA akan memberi penjelasan mengenai kedudukan FELDA

Global Ventures (FGV) yang memegang hak sewa pajakan dan perkongsian keuntungan ladang bersama FELDA serta bagaimana FGV akan membayar balik pemegang saham bukan FELDA yang secara kolektif sebanyak 67 peratus dalam FGV.

Kertas Putih itu juga tidak menggariskan pendekatan dan cara menyelesaikan masalah isu waris dalam skim-skim FELDA dan bagaimana pelupusan aset-aset tidak strategik akan dilakukan. Apakah pelupusan pelaburan dan aset itu akan dilakukan secara tender terbuka, rundingan terus ataupun rundingan sembunyi? Seharusnya wajib bagi kerajaan untuk menyatakan secara terus, telus dan terperinci, bagaimanakah RM6 bilion yang diluluskan untuk menyelamatkan FELDA akan dibelanjakan dan ia haruslah dipantau oleh Parlimen, agar dana untuk penambahbaikan dan pemerksaan FELDA itu tidak menguntungkan individu-individu semata-mata ataupun syarikat-syarikat kroni secara rundingan terus. Cadangan saya agar memperkasakan peranan Parlimen Malaysia dan selaras dengan prinsip semak dan imbang ataupun *check and balance* terhadap isu-isu nasional dan keputusan yang melibatkan berbilion-bilion wang rakyat haruslah diadakan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu pembelian tanah Kampung Baru yang baru diumumkan. Saya turut ingin mengulas mengenai satu isu yang telah dilaporkan bahawa Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan telah mencadangkan satu pengambilan tanah di Kampung Baru pada kos yang dianggarkan sebanyak RM10 bilion.

Menurut Yang Berhormat Menteri, langkah ini diperlukan untuk mengelak penjualan tanah rizab Melayu kepada bukan Melayu dan supaya pemilik tidak perlu berunding atau menjual tanah mereka kepada pemaju secara terus. Rasional yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri itu supaya pembangunan kawasan segi tiga emas itu dapat dilaksanakan dengan lebih teratur, secara asasnya tidak salah, tetapi ia juga mencerminkan satu lagi kelemahan Kerajaan Pakatan jika dana tersebut diluluskan tanpa perancangan terperinci dan tidak mengambil kira ciri-ciri ataupun karakter Kampung Baru yang merupakan satu-satunya kampung yang padat dengan sejarah, legasi, ciri dan identiti tradisional orang Melayu di tengah-tengah Bandaraya Kuala Lumpur.

■1220

Saya berpendapat bahawa walaupun penempatan masyarakat Melayu yang lebih baik di perlukan, namun seharusnya pihak kementerian perlu membuat penilaian penting dalam beberapa perkara seperti apakah perancangan Menteri dan kerajaan adalah hanya untuk mengambil alih Kampung Baru pada harga pampasan yang tidak selaras dengan nilai tanah semasa dan kemudian dipecahkan untuk dibangunkan bersama dengan pemaju-pemaju

persendirian atas keuntungan. Maka, perlulah kita mempunyai *public engagement* lebih-lebih lagi Menteri kita tidak berpengalaman dan kita tidak boleh mengambil risiko di mana rakyat akan tanggung ataupun Kampung Baru Melayu nanti hapus atas *try and error* Menteri.

Saya juga mohon untuk mendapatkan pandangan yang jelas dari pihak kementerian sebelum jumlah RM10 bilion itu benar-benar diluluskan. Apakah perancangan holistik dan pelan tindakan yang telah dirangka atau disediakan oleh pihak kementerian untuk Kampung Baru dan masyarakat yang telah lama menetap di situ kerana pastinya kita mahu mengelakkan sesuatu yang boleh merisikokan satu legasi masyarakat Melayu di Bandaraya Kuala Lumpur. Kita tidak mahu *the character and identity of the Malays, the heart and soul of the Malays in the city* dihapuskan dan digantikan dengan bangunan komersial semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai amalan *bailout*, dengan izin, skandal yang melibatkan nilai berbilion ringgit ini bukanlah baru. Hakikatnya skandal seperti ini sudah pun lama wujud sejak zaman Yang Amat Berhormat Langkawi dahulu. Inilah yang berlaku apabila kurangnya kehemahan, terhakisnya ketulusan dan hilangnya amanah dalam diri pemimpin yang berselindung di sebalik 2R iaitu *race and religion* ataupun agama dan perkauman.

Apa pun di sini saya ingin menegaskan bahawasanya saya tidak mempertikaikan sebarang bantuan pada orang Melayu mahupun kepentingan pembangunan agama Islam dalam negara kita. Namun begitu, kita perlu juga berpegang dan menjunjung tinggi prinsip keluhuran Perlembagaan dan menegakkan keadilan sosial serta kepentingan negara atas nilai-nilai yang suci. Jangan sesekali nama Islam dan Melayu dinodai dengan keputusan yang berlandaskan kerakusan. Dengan ini kita perlu memastikan bantuan-bantuan yang dihulurkan adalah berlandaskan kebenaran, keperluan, keadilan dan secara telus. Kita tidak mahu agama dan kaum digunakan sebagai alasan dan diperalatkan untuk membuat keputusan yang berasaskan kepentingan politik kepartian tanpa memberi pertimbangan sewajarnya kepada kepentingan kenegaraan, kemasyarakatan ataupun menegakkan prinsip-prinsip keluhuran dan keadilan sosial.

Meskipun kini wang rakyat dan negara sebanyak RM24 bilion akan dibelanjakan untuk menyelamatkan dua institusi iaitu Tabung Haji dan FELDA melalui pembentangan Kertas Putih yang dilakukan. Namun saya pelik bahawa tiadanya penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja yang ditubuhkan bagi benar-benar menyiasat tentang ketirisan yang telah dikatakan berlaku di kedua-dua institusi ini. Sekadar membentangkan Kertas Putih sahaja adalah tidak memadai dan tidak mencukupi untuk kita menjustifikasikan kelemahan yang berlaku di kedua institusi berkenaan dan siasatan yang menyeluruh perlu dan harus dilakukan.

Kita sedia maklum sifat pemimpin Pakatan Harapan yang gemar menuduh dahulu kemudian baru menyiasat maka perlulah kita menegakkan kebenaran yang sebenarnya atau pun *establish the true facts of the matter*, dengan izin, agar rakyat tidak lagi terpedaya dengan helah penipuan dan mainan politik mahupun hebahan media. Data sedia ada jelas telah membuktikan bahawa kedua institusi tersebut telah memberi keuntungan pada tahun-tahun sebelumnya dan mengapakah pihak Kerajaan Pakatan Harapan tiba-tibanya meng-*bailout*-kan ataupun telah menjual aset-aset dan sebagainya. Secara prinsipnya, kita tidak seharusnya meneruskan budaya *bailout* ini. Di mana satu kumpulan yang telah diberi monopoli dijamin dengan keuntungan ataupun akan di *bailout* bila mereka menghadapi kerugian. Maka, ini tidak akan menerapkan nilai-nilai amanah dan akauntabiliti.

Wang yang terlalu banyak kalau disalurkan kepada institusi tertentu atas nama agama dan perkauman mempunyai potensi untuk disalahgunakan dalam bentuk salah guna kuasa dan pecah amanah dan rasuah. Ini kerana orang kita semakin tinggi pengetahuan agama mereka, semakin tinggi kesedaran agama mereka tetapi semakin rendah matlamat, amalan dan budaya, nilai-nilai suci dan amanah. Apakah wajar kerajaan membelanjakan berbilion-bilion Ringgit untuk mengambil alih tanah, ambil alih projek? Menanggung kerugian syarikat GLC sejak zaman 1980-an seperti *bailout* syarikat *Proton*, *MAS* dan syarikat milik individu kepentingan dalam kerajaan seperti Kumpulan Perkapalan Berhad yang dipunyai Mirzan Mahathir kononnya.

Saya juga ingin bertanya kepada pihak kementerian, apakah terdapat cadangan untuk melibat sama agensi Permodalan Nasional Berhad dalam memperkasakan kedudukan Tabung Haji dan FELDA ini secara holistik dan komprehensif? Seharusnya apa sahaja cadangan yang boleh memberi faedah dan manfaat kepada warga FELDA dan pendeposit Tabung Haji bersifat perlu dilakukan dan pada masa yang sama budaya salah laku juga kita mesti banteras dengan tegasnya tanpa kompromi dan tolak ansur.

Apakah rancangan pihak kerajaan bagi memastikan sebarang modal perniagaan yang dilaksanakan mesti mematuhi tiga syarat berikut iaitu perlu menguntungkan rakyat dan pelabur, tidak membebankan kerajaan dan tidak berkompromi dengan memberi monopoli kepada mana-mana pihak pun. Namun, sekiranya model perniagaan tersebut tidak lagi efektif dalam menjana keuntungan malah menggalakkan lagi monopoli, apakah kerajaan masih lagi mahu teruskan dengan budaya *bailout* dan suapan ini?

Saya juga ingin menegaskan bahawa rakyat tidak seharusnya dibebankan dengan keputusan kerajaan untuk melindungi mana-mana GLC atau badan-badan berkanun jika ia melibatkan kos tinggi ataupun *rescue plan*. Jika amat diperlukan, strategi dan program *bailout*

atau penambahbaikan terhadap GLC seperti FELDA, Tabung Haji, MAS dan sebagainya juga harus dibentangkan secara terperinci di Parlimen agar ia dapat di bahas, diteliti dan dipersetujui oleh wakil-wakil rakyat yang diberi mandat oleh rakyat dan bukannya ditetapkan di belakang tabir iaitu satu amalan yang dahulunya amat dikecam oleh Pakatan Harapan atas ketidaktelusan. Dalam masa yang sama juga dan nada yang sama juga, rakyat berhak bertanya, dengan izin, *should the government be involved in business* atau *should the government facilitate business?*

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengingatkan pemimpin-pemimpin Melayu Islam supaya memelihara kesucian agama dan martabat Melayu agar tidak terus dinodai dengan perlakuan salah laku seperti rasuah dan penyelewengan kuasa, dilindungi atas perisai nama Melayu dan Islam. Ini telah lama berlaku dan tidak harus dilakukan dan diteruskan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin akhiri dengan ucapan saya hari ini dengan beberapa rangkap pantun.

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan.

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid: Terima kasih. Setelah mendengar hujahan, dakwaan dan sangkaan Yang Berhormat Senator. Percaya kah Yang Berhormat Senator Pilihan Raya Kecil Sandakan, pengundi akan buat *U-turn*? Terima kasih.

Dato' Sri Ti Lian Ker: Saya tidak mahu berbahas mengenai politik. Apa yang saya tekankan di sini ialah asas, nilai serta kesucian. Mainan politik ini adalah tidak dipentingkan kerana ia bukanlah kepentingan rakyat dan negara. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin teruskan dengan mengakhiri dengan beberapa rangkap pantun untuk kita sama-sama fikirkan.

*Pagi-pagi menebas belukar;
Badan sakit peluh membasahi;
Setahun sudah kerajaan bertukar;
Rakyat makin marah, darah makin tinggi.*

*Buah pedada di dalam taman;
Menjadi idaman si anak rusa;
Sudah kuasa jatuh di tanga;;
Tidak henti Pakatan beri alasan pula.*

*Apa guna meraut mengkuang;
Kalau hari masih tengkujuh;
Wang bilion-bilion akan terbuang;
Kalau Suruhanjaya Siasatan tidak di tubuh.*

■1230

*Islam agama yang suci;
Melayu bermartabat tinggi;
Kesucian institusi Tabung Haji sudah dinodai;
Jangan benarkan ini berlaku lagi.*

Dengan kata-kata itu Tuan Yang di-Pertua, saya pohon untuk sokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Senator Dato' Sri Ti Lian Ker yang telah berucap dengan panjang lebar dan tutup dengan pantunnya tadi. Ada pantun, jadi baguslah. Jadi saya rasa tadi benda-benda ini elok kita dengar dan juga di Dewan yang mulia ini. Jadi itu sangat bagus dan ingat kita perlulah bersabar. Bersabar itulah yang iman ya.

*Sayur bendi sayur terung;
Ikan patin ikan selar;
Sabar dan taat mendatangkan untung;
Allah tolong orang yang sabar.... [Tepuk]*

Itulah. Terima kasih.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat. Dipersilakan.

12.30 tgh.

Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin pertamanya merakamkan ucapan terima kasih kerana telah memberi peluang kepada saya untuk ikut serta membahaskan Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam Titah Baginda, selain daripada memberi pandangan telah juga menyatakan harapan agar negara ini terus makmur, maju di bawah pentadbiran kerajaan baharu di samping berharap kesejahteraan rakyat sentiasa diberi keutamaan. Baginda juga mengambil maklum tentang cabaran, ketidaktentuan ekonomi kesan daripada ketegangan perdagangan Amerika Syarikat dan China dan kejatuhan harga komoditi utama seperti kepala sawit, getah dan minyak dan ini sangat terkesan kepada rakyat.

Ramai di antara kita Ahli Yang Berhormat telah pun menyuarakan tentang kos sara hidup yang meningkat dan kehidupan mereka sangat tertekan, maksud saya kehidupan rakyat sangat

tertekan. Di tambah pula dengan nilai Ringgit yang menjunam jatuh sehingga pada hari ini dan kepada paras yang cukup membimbangkan kita. Kita semua dapat merasainya dan di dalam pengetahuan pemimpin negara kita. Kita dapat rasai di luar bandar di pekan-pekan kecil rintihan rakyat, mereka sering berbual di antara satu sama lain, berbincang mengenai kos sara hidup yang sangat tinggi dan makin meningkat dan tidak ada tanda-tanda untuk kembali ke paras normal seperti dua tahun dahulu.

Di Kelantan lebih ketara kerana bermula pada musim selepas sahaja musim tengkujuh maka bermula musim kemarau yang sangat panjang. Tiga bulan satu masa yang sangat panjang. Dengan itu hasil pertanian mereka sayur-sayuran, padi tidak mempunyai cukup air untuk mendapat pertumbuhan seperti yang dahulu. Sudah tentu tanaman mereka, hasil tanaman mereka akan terjejas.

Terdapat 27,000 hektar tanah sawah di Kelantan sedang mengalami masalah kekurangan air dan paras air Sungai Kelantan telah turun di bawah paras yang boleh di pam kepada sawah-sawah dan saya dapati rumah-rumah pam yang dikelolakan oleh KADA, pegawai-pegawai dan operatornya berehat sementara menunggu musim hujan ataupun hujan turun. Demikianlah seksanya menanam padi dan petani di Kelantan.

Jadi saya rasa sudah sampai masanya kerajaan dengan serius melihat bagaimana untuk menyelesaikan masalah mereka dan kita tahu dan semua orang tahu dan pagi tadi telah dibincangkan tentang kewujudan Majlis Tindakan Sara Hidup Negara. Bunyinya besar, bunyinya gah dan rakyat meletakkan harapan yang sangat tinggi kepada keupayaan majlis ini. Jadi saya ingin bertanya kepada kerajaan apakah langkah-langkah segera, langkah-langkah yang dapat dilaksanakan dalam tempoh terdekat untuk menyelesaikan masalah dan penderitaan rakyat akibat kenaikan sara hidup ataupun tekanan kehidupan akibat daripada kenaikan harga barang-barang keperluan seharian.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memaklumkan dan kesemua di antara kita termasuklah Yang Berhormat tadi yang berucap Yang Berhormat Senator Dato' Sri Ti Lian Ker memaklumkan bahawa minggu lalu harga saham di Bursa Malaysia telah jatuh menjunam ke paras yang sangat menakutkan pelabur. Ini kerana pelabur-pelabur asing telah keluar dan meninggalkan pelabur-pelabur tempatan bertungkus-lumus mempertahankan harga. Akhirnya kita menjadi sebuah pasaran saham yang terburuk di Asia kalau tidak terburuk di dunia dan ini semua akan menyumbang kepada tekanan hidup rakyat, kesan sampingan daripada kejatuhan harga-harga saham ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memperingati ataupun memaklumkan dan kesemua orang pun tahu bahawa dalam tempoh dua minggu lagi kerajaan baharu akan meraikan ulang tahun pertama setelah diberi mandat oleh rakyat untuk menerajui negara ini. Saya ucapkan tahniah. Rakyat telah memberi harapan kepada kerajaan untuk terus memakmurkan negara ini. Sehubungan dengan itu, kerajaan diminta berusaha keras tidak sahaja beretorik bagi menunaikan janji yang telah diberi kepada rakyat.

Pelbagai janji yang saya tidak hendak huraikan. Kalau kita tengok dalam Buku Harapan berpuluh hatta mungkin beratus janji telah diberi kepada rakyat. Saya berpendapat kita sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab ataupun Kerajaan Pakatan Harapan yang menjadi tunggak pemimpin pada hari ini menyelesaikan ataupun setidak-tidaknya menunaikan janji sebahagian yang kritikal iaitu pertama saya lihat orang-orang muda sangat mengharapkan janji untuk menghapuskan PTPTN terlaksana.

Kedua, mobiliti ataupun pergerakan kita berkait dengan kenderaan juga sangat penting. Kita jangan biarkan dengan ungkapan kata sepanjang masa iaitu kita hendak apungkan harga minyak. Kalau kita janji RM1.50 maka kita harus menurun kepada paras itu. Apa pun, dengan harga apa sekalipun kerana itu janji dan rakyat mengharapkan kita tunaikan janji.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir sudah sampai masanya kerajaan berhenti daripada berterusan menyalahkan kerajaan lama. Kalau dalam polemik ataupun dalam perbincangan dalam ceramah-ceramah sering kali kerajaan menuding jari mengatakan kerosakan negara ini, kerosakan ekonomi negara ini ialah kerana kesilapan kerajaan yang lalu. Saya berpendapat itu harus dihentikan kerana rakyat sangat matang dan mereka faham situasi sebenar.

Jadi saya harap kita hentikan segera sama ada dalam Dewan ini ataupun di luar Dewan kerana ini memalukan kita sebagai rakyat yang terdidik. Cuma yang ingin saya cadangkan ialah supaya kerajaan merangka strategi yang holistik. Mengadakan perancangan hala tuju ekonomi masa depan, membuat program dan mengumumkan program yang boleh memacu negara ini ke arah negara yang lebih baik untuk kesejahteraan rakyatnya.

Jadi apabila kerajaan mempunyai program hala tuju ia akan dapat menenangkan keraguan dan kegelisahan rakyat dan ia akan memberi keyakinan kepada komuniti perdagangan dan perindustrian. Ramai penganalisis ekonomi berpendapat, jikalau kerajaan dapat bentangkan rancangan hala tuju masa depan, sudah tentu pelabur-pelabur yang lari keluar daripada negara ini akan kembali kerana mereka akan terasa bahawa kerajaan ini mempunyai objektif ataupun rancangan yang dapat mengembalikan kegemilangan ekonomi di negara kita ini.

■1240

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang pelaksanaan projek di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas. Banyak di antara projek-projek yang telah ditangguhkan, dibatalkan dan dikurangkan kos. Saya ingin bertanya, berapakah jumlah projek yang telah ditangguhkan? Berapa pula yang telah dibatalkan terus dan juga bersekali dengan jumlah nilainya? Berapakah pengurangan kos setelah di runding semula? Ini tidak termasuk Projek ECRL. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi yang telah melawat Kelantan dan memaklumkan bahawa lima projek keutamaan di Kelantan akan diteruskan. Untuk itu, saya sekali lagi ingin merakam terima kasih bagi pihak rakyat negeri Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit tentang Projek ECRL. Projek ini ialah satu projek yang menarik bukan sahaja rakyat di Malaysia dan juga bukan sahaja penduduk di Pantai Timur tetapi di seluruh dunia. Dunia memerhatikan bagaimana kita menguruskan projek ini selepas kita merunding semula dengan Kerajaan China. Selepas rundingan baharu, jajaran untuk ECRL telah berubah.

Jadi, apa-apa pun polemik politik mengenainya, umum berpendapatan bahawa ia menyumbang kepada pembangunan ekonomi masyarakat di Pantai Timur. Saya berharap dalam rundingan baru ini kita tidak ketepikan perkara-perkara yang sangat strategik. Apa yang sangat strategik ialah stesen, jumlah stesen. Jadi, setelah dirunding semula dan diubah jajaran, kita dapati bahawa sebahagian besar daripada stesen-stesen asal telah pun dikeluarkan daripada jajaran. Ini termasuk di Kelantan. Daripada lima stesen hanya tinggal dua iaitu di Tok Bali dan juga di Kota Bharu. Terengganu bernasib baik kerana mereka mempunyai lima ataupun enam stesen dikekalkan.

Jadi, stesen-stesen ini ialah sebenarnya pusat pertumbuhan aktiviti ekonomi. Ia sebenarnya landasan tidak memberi apa-apa keuntungan kepada kita kecuali stesen-stesen itu. Ini kerana itu akan menjadi tempat pemangkin ekonomi. Jadi, saya berharap di negeri Kelantan ada satu stesen yang dahulu dimasukkan dalam jajaran iaitu Tumpat. Tumpat bagi saya ialah stesen strategik kerana ia bandar sempadan dan bandar kembar dengan Pengkalan Kubor. Pengkalan Kubor ialah pintu masuk Malaysia ke Thailand. Ia telah wujud lama dan di situ terdapat kawasan bebas cukai yang lama, yang boleh diperbaiki, dikembangkan dan dimajukan.

Jadi, saya rasa amat rugi dan kesilapan yang besar bagi saya kerana tidak diwujudkan stesen di Tumpat. Jadi, saya harap, saya mohon kepada kerajaan supaya dimasukkan semula jika ada ruang. Sudah tentu saya mendapat ada ruang kerana setiap pembinaan ataupun dalam

projek-projek pembinaan sudah tentu ada perubahan kontrak ataupun dipanggil *Variation Order*. Jika terdapat peluang *Variation Order* itu, saya mohon dimasukkan Tumpat sebagai stesen ECRL terakhir untuk memberi peluang kepada bandar yang kini dipanggil *sleeping town* supaya hidup dan segar kembali. Satu kajian telah dibuat oleh pakar Universiti Malaysia Kelantan mengenai Tumpat dan juga Pengkalan Kubor. Dapatan daripada kajian itu menunjukkan kedua-dua tempat ini berpotensi untuk meningkatkan aktiviti ekonomi melalui pelancongan.

Saya kira ini sangat penting kerana Tumpat ialah satu kawasan yang saya fikir boleh dimajukan kerana rakyatnya di situ, penduduk di situ ialah berlatarbelakangkan *entrepreneurs* ataupun keusahawanan. Mereka membuat usahawan kecil. Mereka melakukan perusahaan sederhana dan mereka berupaya untuk mengembangkan.

Saya yakin mereka berupaya untuk mengembangkan lagi perniagaan mereka sekiranya diberikan peluang. Lebih-lebih lagi jika sekiranya tempat itu dibangunkan dengan stesen ECRL yang saya kira boleh dilakukan oleh kerajaan sekiranya ada perubahan ataupun sekiranya ada *variation order*. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit mengenai Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kepada satu perkara yang sangat penting iaitu mengenai dengan perpaduan. Ia sangat serius untuk kita sama-sama perhatikan tetapi kita selama ini pandang remeh dan tidak melihatnya sebagai suatu yang penting.

Mengikut Baginda, tidak ada negara yang boleh maju ke depan dan berjaya jika tidak wujud perpaduan dan keharmonian di antara rakyat. Lebih-lebih lagi dalam masyarakat berbilang kaum seperti di Malaysia. Baginda ingin melihat kerajaan perkukuhkan perpaduan rakyat berbilang kaum dan tidak cukup dengan hanya seruan-seruan perpaduan dan Baginda tidak mahu ia tinggal sebagai slogan semata-mata. Sebaliknya, Baginda berharap ia benar-benar disuburkan dengan ikhlas dan serius. Perkara-perkara seperti menghormati Raja-Raja Perlembagaan, kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan dengan agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman serta kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Ini semua kita perlu memperingati diri kita.

Saya rasa sedih kerana masih lagi terdapat di antara kita mempersoalkan hal-hal yang berkaitan seperti saya sebutkan. Baru-baru ini lebih menyedihkan lagi apabila terdapat di dalam media sosial, karikatur-karikatur Duli Raja-Raja dipersendakan dengan tujuan untuk menghina kedudukan Raja-Raja. Dengan ini saya melihat sebagai satu perkara yang sangat serius dan saya berharap Kementerian Dalam Negeri mengambil tindakan tegas.

Demikian juga saya berharap Kementerian Komunikasi dan Multimedia mengambil langkah untuk menghapuskan di mana-mana media sosial yang terdapat unsur-unsur penghinaan terhadap Raja kita. Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini juga kita semua tahu kerajaan telah mengumumkan bahawa penjawat awam di Malaysia ini akan dikurangkan secara berperingkat. Saya ingin maklumkan pada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kepada Tuan Yang di-Pertua, bahawa ini satu perkara yang telah memberi impak emosi dan kejutan kepada jentera pentadbiran kerajaan, khususnya kepada penjawat awam.

Jumlah penjawat awam di Malaysia ini setakat ini kalau statistik itu betul ialah 1.7 juta. Satu juta berada dengan pentadbiran Persekutuan, 700,000 lagi berada di negeri-negeri. Dalam jumlah itu, 400,000 ialah golongan guru-guru, pendidik, 300,000 lagi ialah angkatan bersenjata, termasuk polis dan lain-lain sektor kritikal. Jadi, janganlah sewenang-wenang ataupun semudahnya, jangan kita adakan *simplistic thinking* melihat bahawa kecekapan kakitangan kerajaan hanya boleh dilakukan dengan mengecilkannya. Itu satu perkara yang perlu diberi perhatian dan diberi pertimbangan.

Saya ingin memaklumkan ataupun menceritakan satu dapatan hasil daripada kajian yang dibuat 10 tahun yang lalu oleh Dr. Nordin Selat mengenai dengan kewujudan golongan pentadbir menengah Melayu. Sebenarnya, pegawai-pegawai kerajaan penjawat awam melalui perkhidmatan kerajaan negara telah dapat mewujudkan golongan menengah Melayu yang ramai.

Golongan ini telah memberi sumbangan yang besar kepada sosioekonomi negara. Terdapat mobiliti ekonomi yang cepat telah berlaku dan dalam tempoh yang singkat telah mengerakkan revolusi pendidikan orang Melayu.

■1250

Apabila ramai orang Melayu menjadi pegawai kerajaan, menjadi kakitangan kerajaan, maka wujud evolusi berlumba-lumba untuk mendapat kelayakan yang tinggi. Berlumba-lumba untuk masuk universiti kerana mereka berharap dengan mempunyai ijazah ataupun pendidikan tinggi, peluang untuk menyertai perkhidmatan kerajaan akan lebih baik dan landskap ekonomi luar bandar telah berubah. Dengan menjadi pegawai kerajaan, hasil daripada pendapatan dari pekerjaan-pekerjaan mereka, terdapat *repatriation of money to the villagers*, dengan izin. Wang yang diterima melalui gaji telah dapat membantu keluarga mereka di kampung dan landskap fizikal di kampung-kampung di luar bandar telah pun berubah. Mereka telah menjadi *consumer basis* yang besar ataupun mereka menjadi pengguna yang besar. Daripada itu, tumbuh pula peluang-peluang pekerjaan.

Oleh sebab itu-lah perniagaan lebih maju dengan bila ada terdapat satu kawasan seperti universiti, kem askar dan sebagainya kerana mereka sebenarnya mempunyai kuasa membeli yang agak tinggi. Jadi, saya kira kerajaan jangan terburu-buru melaksanakan program ini, harus ada kajian yang bijaksana. Jangan dasarkan kepada *simplistic thinking* dan dalam bahasa Inggeris, *needs more wisdom on this matter and to look at the bigger picture*, dengan izin. Jadi, saya harap kerajaan akan beri pertimbangan supaya melakukan pengurangan ini dengan bijaksana.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga minta supaya kerajaan berhati-hati apabila merencanakan program-program pengurangan ini kerana sekarang terdapat 20 buah universiti awam dan berbelas universiti swasta yang setiap tahun mengeluarkan graduan untuk pasaran pekerjaan. Sebahagian besar dan sebahagian daripada mereka ingin menyertai perkhidmatan kerajaan. Saya juga ingin bertanya kepada Kementerian Sumber Manusia tentang pelan guna tenaga 10 tahun yang suatu ketika dahulu pernah diuar-uarkan oleh kerajaan. Saya ingin bertanya sama ada pelan itu masih wujud dan adakah ia dapat memenuhi jangkauan guna tenaga dalam tempoh yang telah dirancang iaitu mengoptimumkan sumber manusia dalam jangka selebih daripada 10 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ingin berbicara tentang pengangguran ataupun *employability*, cuma saya ingin bertanyakan perkara ini sangat serius. Saya hendak tahu berapakah jumlah sehingga kini semenjak tahun 2018, pekerja yang telah diberhentikan dan di sektor manakah mereka telah beralih? Ini sangat penting kerana kita berhadapan dengan masalah ekonomi yang besar, ditambah pula dengan pengangguran yang meningkat akibat daripada pemberhentian kerja rakyat kita.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang ekonomi desa. Ekonomi masyarakat desa perlu bantuan secara berterusan. TEKUN dan Amanah Ikhtiar buat masa ini sangat berjaya dan kerajaan menyasarkan pinjaman Amanah Ikhtiar sehingga RM2.6 bilion. Ini kerana Amanah Ikhtiar telah membantu 380,000 rakyat luar bandar dan ia mempunyai kadar pinjaman balik yang tinggi iaitu 99 peratus. Maknanya, bagus. Mereka yang pinjam wang daripada Amanah Ikhtiar bayar dengan baik dan hanya satu peratus sahaja *nonperforming loan*. Ini sangat memberangsangkan ataupun kita patut beri pujian kepada Amanah Ikhtiar. Untuk itu, saya berharap kerajaan akan terus membantu dan menyalurkan bantuan ataupun menyasarkan jumlah pinjaman kepada RM4 bilion. *Actually*, tidak banyak. Sekarang ini RM3 bilion dan kalau disambung RM1 bilion lagi, menjadikan RM4 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh seminggu lagi kita akan menyambut bulan Ramadhan di seluruh negara. Lesen-lesen sementara untuk berniaga di bulan Ramadhan telah dikeluarkan dan telah disediakan tempat-tempat khas untuk mereka berniaga seperti kita umat Islam tahu bulan yang penuh barakah ini dan bulan Allah turunkan rezeki yang banyak kepada rakyat. Jadi, saya harap kerajaan melalui pihak-pihak berkuasa tempatan mempermudahkan pengeluaran lesen dan mempercepatkan memproses lesen tersebut supaya mereka dapat berniaga sebulan dalam bulan puasa tersebut.

Saya ingin memaklumkan bahawa pengalaman yang lalu, ramai di antara kita berniaga sebulan untuk setahun. Saya melihat sendiri pengalaman saya bagaimana seorang suri rumah hanya meniaga jual ayam percik sebulan dan dapat keuntungan sebanyak RM30,000. Cukup untuk membiayai yuran universiti anaknya dan juga belanja sekolah anaknya. Jadi, saya rasa tidaklah menjadi masalah untuk kerajaan-kerajaan negeri memberi lesen-lesen dengan mudah demi menyediakan tempat yang sesuai. Saya harap ia tidak menimbulkan polemik politik apabila kita tidak membenarkan lesen-lesen untuk mereka menjaja dan berniaga.

Itulah sahaja yang saya hendak katakan kepada hari ini dan akhir kalam, saya ingin mengucapkan selamat menyambut Ramadhan dan juga saya dengan ini, mohon menyokong Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian. *Wabillahitaufiq walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: *Walaikumsalam* Yang Berhormat Senator Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat. Terima kasih.

Saya jemput pula Yang Berhormat Senator Puan Raj Munni binti Sabu.

12.58 tgh.

Puan Raj Munni binti Sabu: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi laluan kepada saya untuk mengambil bahagian membahaskan Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah ketika merasmikan Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua, Parlimen Keempat Belas. Patik juga ingin menjunjung kasih dan merafak sembah ke bawah Duli setinggi-tinggi tahniah di atas pelantikan sebagai Yang di-Pertuan Agong Ke-16.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira kurang sempurna juga jika saya tidak turut menjunjung kasih setinggi-tinggi penghargaan ke bawah Duli Seri Paduka Baginda Sultan Muhammad V, Yang di-Pertuan Agong Ke-15 atas segala budi dan jasa Tuanku. Menjadi amalan negara kita

selama ini khususnya di peringkat Persekutuan tatkala Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menamatkan tempoh pemerintahan baginda, dua istiadat berturutan akan diadakan iaitu Jamuan Negara dan Istiadat Keberangkatan Balik.

Walau bagaimanapun, ia tidak berlaku dan ini telah diambil kesempatan oleh berapa pihak yang berkepentingan untuk memberikan persepsi negatif tentang hubungan istana dengan-khususnya ke bawah Duli Sultan Muhammad V dengan pihak Kerajaan Pakatan Harapan, sedangkan saya difahamkan melalui kerajaan bahawa, kerajaan telah bersetuju untuk mengadakan istiadat-istiadat berkenaan masing-masing pada 29 Januari 2019 pada hari Selasa dan 30 Januari 2019 hari Rabu.

Urusan peletakan jawatan Yang di-Pertuan Agong Ke-15 selaras dengan Perkara 32(3), Perlembagaan Persekutuan. Baginda juga telah terus memaklumkan kepada Yang Mulia Raja-Raja Melayu melalui warkah yang telah diutuskan kepada Setiausaha Majlis Raja-Raja. Dalam hubungan ini, langsung tidak ada kena mengena sama ada dipersepsikan sebagai disahkan oleh pihak Kerajaan Pakatan Harapan. Manakala dua istiadat berturutan itu tadi mengikut kelaziman bagi pelaksanaan istiadat-istiadat berkenaan tertakluk kepada perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Muhammad V juga.

Justeru atas rasa kerdil, patik sekalian sebagai hamba rakyat hanya mampu pasrah dan berdoa semoga Seri Paduka Baginda Tuanku Sultan Muhammad V dapat terus bersemayam di atas singgah sana kebesaran dan kemuliaan istana negeri di bawah lembayung kasih Illahi.

Tuan Yang di-Pertua, pukul 1 petang sudah. Saya sambung petang nanti? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, jam sudah pukul 1 petang dan saya minta Yang Berhormat sambung selepas pukul 2.30 petang nanti.

Saya dengan sukacitanya menangguhkan Mesyuarat hingga pukul 2.30 petang. Terima kasih.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

■1430

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Sambung perbahasan, Yang Berhormat Senator.

2.32 ptg.

Puan Raj Munni binti Sabu: *Bismillahi Rahmani Rahim. Alhamdulillah.* Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Menekuni Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 11 Mac yang lepas, saya agak teruja apabila Tuanku memulakan sentuhan kalam bernegaranya dengan pernyataan menyambut baik dua dokumen penting yang menjadi sebahagian daripada punca kuasa serta hala tuju kerajaan pada hari ini iaitu Belanjawan 2019 dan juga Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas 2016-2020.

Untuk kedua-dua dokumen ini, Baginda merumuskannya sebagai saya *quote*, "...yang mengambil kira aspirasi rakyat dan cabaran semasa supaya manfaat pertumbuhan ekonomi dapat dirasakan oleh segenap lapisan masyarakat". Tuanku percaya rancangan kerajaan mampu dinikmati segenap lapisan. Rakyat bersatu dalam harapan, Malaysia makmur menyongsong masa depan.

Tuan Yang di-Pertua, lebih kurang dua minggu sahaja lagi merupakan ulang tahun pertama kejayaan rakyat menukar kerajaan. Dalam tempoh itu juga, sebenarnya banyak perubahan dan penambahbaikan yang telah perlahan-lahan berlaku. Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) melaporkan bahawa Kerajaan Pakatan Harapan telah berjaya melaksanakan lima janji kecil yang dikemukakan dalam manifesto PRU14 dalam tempoh setahun ini. Ini khususnya terhadap usaha untuk mengurangkan beban kos sara hidup. Ini termasuklah program Bantuan Sara Hidup (BSH) bukannya 'basah', serta pas bulanan tanpa had My50 dan juga My100 untuk perkhidmatan pengangkutan awam. Bantuan Sara Hidup yang menggantikan BR1M telah berjaya mencapai matlamat untuk membantu golongan yang memerlukan.

Di situ, kita boleh melihat fokus kerajaan untuk menumpukan kepada golongan B40 dan ini sangat penting kerana mereka adalah golongan yang telah lama tertinggal, tertindas dan juga perlu dilindungi oleh kerajaan. Dalam teras kos sara hidup misalnya, tidak ada satu pun teras yang gagal. Jumlah janji yang positif dan sedang dilaksanakan mengikut IDEAS, kajian IDEAS sebanyak 23 janji, lima janji telah terlaksana manakala 18 janji lagi dalam proses. Kita harus memahami realiti untuk melihat apa yang telah dicapai sepanjang setahun ini.

Rakyat mengundi Pakatan Harapan pada 19 Mei yang lepas kerana mereka sudah bosan dengan rasuah dan ketidaktelusan kerajaan. Majoriti rakyat sebenarnya hanya inginkan kehidupan mereka menjadi lebih baik. Mereka boleh memberikan pendidikan kepada anak-anak, tempat tinggal yang selamat, makan minum yang cukup dan penjagaan kesihatan yang bagus daripada hospital kerajaan. Cabaran kepada Pakatan Harapan ialah bagaimana Pakatan Harapan mahu memastikan bahawa rakyat menerima manfaatnya dan pada masa yang sama kerajaan perlu terus bekerja dengan pelbagai kekangan, misalnya, berhadapan dengan beban-beban hutang yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, tahun pertama pentadbiran Kerajaan Pakatan Harapan sebenarnya lebih tertumpu kepada usaha pengukuhan, pemulihan serta meletakkan semula negara di atas landasan yang betul. Ketika kerajaan bergelut untuk merungkai pendedahan pelbagai skandal, impak kerosakan didapati sebenarnya adalah jauh lebih buruk daripada yang telah disangkakan. Itulah yang telah selalu disebut oleh Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir bin Mohamad dan terserlah daripada maklumat-maklumat dan fakta-fakta yang telah diberikan kepada kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat datang kepada adik-adik kita, murid-murid sekolah SMK Sagil Tangkak, Johor... [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang tempoh itu juga kerajaan turut mendapati teras lain ekonomi terjejas walaupun sebenarnya tidaklah mencecah tahap yang buruk. Meskipun kelihatan seperti kerajaan baharu ini perlu lebih berusaha untuk mengatasi pelbagai isu dan cabaran yang sukar, saya yakin dan percaya bahawa pasukan pentadbiran yang kita ada pada hari ini dapat menanganinya dengan jaya.

Kepimpinan Pakatan Harapan terbukti bukanlah pemain-pemain baharu dalam dunia politik dan juga pentadbiran berkerajaan. Diketuai oleh mantan Perdana Menteri Malaysia yang mempunyai pengalaman mentadbir selama lebih 20 tahun, dibantu oleh dua orang bekas Timbalan Perdana Menteri dan beberapa orang Menteri Pusat dan beberapa bekas Menteri Besar dan bekas Ketua Menteri serta gabung jalin di antara kepelbagaian parti yang pernah berada di kedua-dua *position*. Sama ada di peringkat kerajaan mahupun di peringkat pembangkang.

Inilah kelebihan yang ada pada kerajaan kita pada hari ini. Sebelum mentadbir Putrajaya, mereka sudah pun terlebih dahulu mentadbir beberapa kerajaan negeri dan ternyata walau susah sekalipun, dalam beberapa sudut mereka ditekan oleh Kerajaan Pusat yang sebelum ini. Pada waktu itu, dengan pemberian geran tahunan yang kurang lancar tetapi pada akhirnya mereka dapat menarik nafas yang lega. Bahkan berhasil meneruskan perancangan-perancangan kerajaan negeri yang kini sudah pun memasuki penggal yang ketiga, pentadbiran mereka.

Justeru, saya yakin dan percaya ungkapan 'kerajaan Pandir', ungkapan apa-apa sekalipun itu adalah tidak begitu penting. Saya yakin dan percaya bahawa selepas daripada tempoh tahun ini, daripada hanya terikat dengan usaha memperbaiki keadaan semata-mata, Pakatan Harapan kita mengharapkan boleh menapak maju ke hadapan untuk mengembangkan ekonomi sekali gus melakar kemajuan bagi memenuhi harapan rakyat kebanyakan.

*Hendak berlayar ke Telok Betong;
Sambil mencuba labuhkan pukuk;
Bulat air kerana pembetung;
Bulat kita kerana muafakat.*

Tuan Yang di-Pertua, untuk itu saya menyambut baik pendirian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir bin Mohamad yang telah memberikan komitmen bahawa Malaysia akan memastikan dasar kerajaan bersifat mesra pelabur, sama ada pelabur asing ataupun pelabur domestik. Kerajaan diingatkan untuk perlu berusaha untuk meneruskan libat urus dengan syarikat-syarikat multinasional dan tidak perlu teragak-agak untuk membuat keputusan meneruskan beberapa projek sekalipun asalnya merupakan ilham kerajaan yang lepas. Apa yang penting, rundingan semula sudah pun mengambil tempat dan masa yang digunakan pada saya sudah pun lebih daripada yang cukup.

Tindakan kerajaan untuk tidak terus membatalkan beberapa projek tetapi lebih cermat dengan mengambil langkah menilai dan merundingkan semula beberapa perjanjian penting merupakan satu langkah yang tepat. Kerajaan kini sudah pun melihat daripada segi *design*, reka bentuk yang termasuk dari sudut kos pembiayaan, *structure*, komposisi pembiayaan dan juga dari sudut *needs*, yakni keperluan, seperti contohnya Projek Bandar Malaysia yang dikatakan mempunyai impak yang besar kepada negara dan disambut cukup baik oleh segenap lapangan.

Dengan anggaran nilai pembangunan kasar RM140 bilion selepas ia diberhentikan secara tiba-tiba pada Mei tahun 2017. Apabila kerajaan sudah melihat *design* dan *needs* satu-satu projek itu, maka selepas membuat pertimbangan, segeralah mengambil tindakan ke arah pelaksanaan kerana yang paling penting adalah untuk kita mengembangkan ekonomi dan merencanakan pertumbuhan.

■1440

Ini kerana negara ini tidak mungkin boleh mencapai kemajuan sekiranya ia tidak mengembangkan ekonominya. Tuan Yang di-Pertua, rancangan asal Projek Bandar Malaysia contohnya, telah diubah dengan memasukkan pembinaan sebuah taman rakyat dan kemudian 10,000 unit rumah mampu milik dengan penyertaan bumiputera dan memberikan keutamaan kepada penggunaan kandungan tempatan dalam proses pembinaan. Ini pada kita adalah satu pencapaian yang cukup cemerlang. Tuan Yang di-Pertua, pengumuman ini tepat pada masanya kerana keadaan kemelesetan ekonomi yang sedang melanda dunia pada waktu ini dirasai, bukan sahaja oleh rakyat kebanyakan tetapi juga pemain-pemain dalam bidang sektor pembinaan.

Sektor pembinaan contohnya telah jatuh sebanyak 42 peratus. Maka dengan pengumuman ini, diharapkan dapat memberikan satu harapan baharu yang memberi impak

positif kepada ekonomi negara. Walau bagaimanapun, masih banyak yang perlu dilakukan terutamanya agar kerajaan segera mengumumkan kerangka ekonomi Malaysia yang baharu, yang lebih jelas dan menyeluruh. Justeru, kerana dengan model baharu itu, semua pihak akan lebih jelas dan dapat memainkan peranan masing-masing dalam *position* masing-masing untuk membantu negara menjadi sebuah kuasa ekonomi yang kukuh dan stabil dan kembali bangkit menjadi harimau Asia.

Untuk itu, saya mohon pihak kerajaan menyatakan secara terperinci unjuran ekonomi Malaysia untuk tahun ini dan juga tahun ke hadapan dan apakah mekanisme penampakan ekonomi yang barangkali sudah direncanakan oleh pihak kerajaan bagi mengelakkan krisis ekonomi daripada membadai negara yang seterusnya membadai rakyat jelata. Tuan Yang di-Pertua, Tuanku juga telah menzahirkan keprihatinan Tuanku dengan cabaran-cabaran ekonomi yang dihadapi rakyat. Saya menyambut baik pengiktirafan Tuanku terhadap pelbagai inisiatif yang telah dibuat oleh kerajaan untuk rakyat.

Akan tetapi pada masa yang sama, saya juga mengharapkan agar pihak yang menerima manfaat daripada pelbagai inisiatif yang disebut-sebut ini adalah mereka yang merupakan pihak yang benar-benar layak. Jangan berlaku lagi seperti mana yang telah berlaku dalam beberapa program rakyat sebelum ini, termasuklah BR1M dan juga rebat elektrik RM20. Saya difahamkan rebat RM20 telah dilaksanakan bermula pada Oktober 2008 sehingga berakhir 31 Disember 2018, mempunyai beberapa kelemahan.

Berdasarkan padanan data sistem eKasih dan padanan data penerima rebat RM20 sebelum ini, dilaporkan bahawa hanya kira-kira 37 peratus sahaja penerima rebat tersebut merupakan terdiri daripada golongan sasar iaitu miskin dan miskin tegar. Perkara ini perlu menjadi satu peringatan yang tinggi kepada kerajaan pada hari ini, jangan hanya memperlihatkan pelbagai inisiatif tetapi akhirnya tidak betul-betul mengena pada sasaran yang tepat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyambut baik program *food bank* contohnya untuk golongan sasar B40. Apabila kita menyebut B40, semua orang tahu bahawa B40 itu adalah merupakan kelompok 40 peratus rakyat yang mendapat gaji pendapatan terendah di bawah paras RM3,800. Kebanyakan pelbagai inisiatif yang disebut-sebut ini oleh kerajaan, sasaran keutamaannya adalah golongan B40.

Saya juga menyambut baik Skim Perlindungan Kesihatan Nasional B40 MySalam untuk golongan yang berusia 18 tahun hingga 55 tahun, misalnya. Peruntukan RM8,000 untuk mereka membuat pemeriksaan kesihatan untuk 36 jenis penyakit kronik. Saya juga menyambut baik PeKa B40 untuk penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) serta pasangannya yang mereka ini

berusia 50 tahun. Saya difahamkan daripada skim MySalam dan PeKa B40 ini Tuan Yang di-Pertua, ia akan melibatkan sekurang-kurangnya golongan sasaran empat juta rakyat daripada 32 juta yang ada sekarang ini. Kalau kita lihat itu pun sudah cukup boleh menggembirakan kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang harga runcit petrol yang disebutkan sekarang ini buat masa ini lebih stabil di mana RON95 diletakkan di paras harga siling RM2.08. Akan tetapi kelmarin, kita telah dikejutkan dengan satu berita yang mengatakan kemungkinan harga siling itu akan ditarik balik. Saya ingin mengingatkan kerajaan bahawa pada masa kita meletakkan harga siling itu adalah dengan satu pendirian bahawa sekiranya harga siling itu terpaksa ditarik balik, maka subsidi akan diberikan kepada rakyat. Justeru saya mohon kepada Menteri Hal Ehwal Ekonomi khususnya, jelaskan kepada kita apakah sebenarnya perancangan kerajaan.

Saya juga menyebut dan mengucapkan tahniah kepada kementerian, kerajaan sebab selepas berjaya mengambil alih kerajaan, senarai hitam yang telah dikenakan kepada peminjam-peminjam PTPTN telah dihapuskan. Perkara yang kita masih berdukacita bersama-sama dengan adik-adik kita di kampus ialah bukan janji untuk menghapuskan PTPTN seperti yang disebutkan oleh beberapa orang.

Kita tidak pernah berjanji untuk menghapuskan PTPTN tetapi bayaran balik adalah hanya dikutip pada ketika mana pelajar-pelajar itu telah mendapat pekerjaan dan gaji mereka mencecah RM4,000. Itu yang sekarang ini kerajaan kelihatannya berundur kerana melihat kepada kekuatan ekonomi, kekuatan kantung negara kita dan juga pada masa yang sama untuk membuat *rolling* balik duit yang ada. Ini kerana adik-adik kita yang contohnya daripada SMK Sagil ini mungkin akan masuk ke IPT dan mereka juga perlu membuat pinjaman PTPTN.

Cuma satu perkara yang kita kecewa ialah bagaimana isu ini diurus sehingga ada wakil-wakil daripada kerajaan tanpa segan silu menyebut kepada rakyat, kepada adik-adik kita bahawa hutang mesti dibayar walaupun kita ada masalah. Namun, cara kita untuk menjelaskan kepada rakyat, cubalah untuk *down to earth*. Janganlah kita, "Kamu sudah hutang, kamu kena bayar". Ini apa, *Ah long* kah? Bukan hendak tolong?

Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin: Laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Puan Raj Murni binti Sabu: Siapa hendak laluan ini? Saya sebenarnya kalau boleh, laluan di penghujung tetapi tidak apalah, yang ini saya beri.

Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin: Ha! Itu tanda sayangnya itu [*Ketawa*] Saya fasal hendak beri Yang Berhormat punya tempo itu rendah sedikit. Pertama, saya hendak mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat sebab bawa isu PTPTN. Ini disebabkan kalau kita ingat, sebelum PRU Ke-14, itulah yang telah pun disampaikan oleh Kerajaan Barisan Nasional terdahulu bahawasanya bila kita meminjam, kita kena bayar supaya anak-anak yang ada dalam Dewan yang bertuah ini berpeluang untuk melanjutkan pelajaran.

Akan tetapi adakah Yang Berhormat bersetuju, sewaktu siri kempen sebelum PRU Ke-14, termasuk Menteri Hal Ehwal Ekonomi sendiri yang telah pun berceramah di Johor dan berjumpa dengan rakyat menyatakan bahawasanya kalau mereka mendapat kerajaan, Pakatan Harapan diberikan peluang untuk mentadbir maka PTPTN ini jawapannya dihapuskan sebab ada caranya. Dihuraikan dengan begitu panjang lebar sekali cara bagaimana PTPTN kerana duit negara banyak. Akan tetapi sekarang ini seperti Yang Berhormat sebut, mereka berbalik menggunakan perkataan yang kita kata dahulu iaitu, "Bila berhutang, wajib bayar"...

Seorang Ahli: Ya, betul.

Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin: Jadi, apa pandangan Yang Berhormat?

Puan Raj Murni binti Sabu: Baik. Tuan Yang di-Pertua, pada saya, kita sangat jelas manifesto yang disebutkan ialah hapuskan senarai hitam, maknanya adik-adik kita kembali bebas. Mereka mahu kerja di luar negara, bergerak ke luar negara pun boleh, tidak ada masalah. Mereka mahu meminjam atau apa-apa, boleh, tidak ada masalah. Cuma daripada sudut menghapuskan PTPTN ini dan khususnya yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Senator tadi, kerana Yang Berhormat Senator telah memetik nama Menteri Hal Ehwal Ekonomi sebagai berceramah di Johor, maka kita minta beliau menjawab pada hari penggulungan... [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Zahari bin Sarip: Tuan Yang di-Pertua, mohon laluan.

Puan Raj Murni binti Sabu: Sekejap. Saya tidak habis ini nanti.

Dato' Zahari bin Sarip: PTPTN, PTPTN.

Puan Raj Murni binti Sabu: *Last ya* [*Ketawa*]

Dato' Zahari bin Sarip: Saya tertarik apabila Yang Berhormat Senator sebutkan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, inilah sepatutnya caranya. Bersopan-santun. Kita ada *decorum* di Dewan. Saya pun sanggup kalau- tetapi kalau hendak menyakitkan hati dan memaki hamun, saya tidak akan benarkan. Silakan.

Dato' Zahari bin Sarip: Yang Berhormat, saya tertarik dengan hujah Yang Berhormat tadi bahawa Pakatan Harapan hari ini cuma hendak elakkan senarai hitam, memudahkan pinjaman dan sebagainya. Akan tetapi untuk makluman Yang Berhormat, saya ada dua kes.

■1450

Pertama anak saudara saya sendiri dan yang kedua ialah bekas pelajar saya. Berjumpa saya tanya pandangan, bagaimana hendak cara beliau hendak mendapatkan pinjaman untuk membeli kereta. Akan tetapi, oleh kerana jawapan yang diberi oleh pihak peminjam ialah, bayaran PTPTN tidak cantik. Jadi maknanya ialah, PTPTN tadi menyebabkan rakyat pada hari ini terutama golongan muda sukar untuk mendapat pinjaman termasuk membeli kereta. Apa pandangan Yang Berhormat?

Puan Raj Murni binti Sabu: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator yang bertanya. Saya kira soalan Yang Berhormat kita masukkan sekali dengan perbahasan saya. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memetik satu nasihat daripada Baginda Tuanku Sultan- Yang Dipertuan Agong kepada kita semua semasa 11 Mac semasa merasmikan pembukaan Mesyuarat Penggal Kedua, Parlimen Ke-14. Saya *quote*, "Rakyat harus yakin dengan pelbagai langkah yang diambil oleh kerajaan. Biarpun kesannya mungkin tidak segera dirasai. Rakyat juga perlu realistik dalam meletakkan harapan kepada kerajaan dan terus berusaha untuk memajukan diri ke arah meningkatkan kesejahteraan hidup. Semestinya Kerajaan Beta akan sentiasa bersama-sama rakyat dalam mengharungi cabaran."

Tuan Yang di-Pertua, pada saya Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku telah menzahirkan keprihatinan yang begitu tinggi. Pada masa kita mendengar, ia boleh menyejukkan hati. Pada masa kita mendengar juga, sekurang-kurangnya kita boleh memberikan rasa kepercayaan kepada kerajaan yang ada sekarang ini untuk cubalah yang terbaik *since* kita sudah menjadi kerajaan, mereka sudah pun menjadi anggota kerajaan, anggota pentadbiran, buatlah yang terbaik.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh tentang kejatuhan harga komoditi utama dan kesan terhadap pekebun kecil dan sederhana di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua: Tiga minit sahaja Yang Berhormat.

Puan Raj Murni binti Sabu: Berapa minit Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Tiga, tiga.

Puan Raj Murni binti Sabu: Tiga sahaja?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak, saya bagi sambung yang tiga itu untuk tadi yang mencelah.

Puan Raj Murni binti Sabu: Ya, okey [*Ketawa*] Kalau tidak, sudah kena tamat.

Tuan Yang di-Pertua, untuk pekebun kecil dan sederhana yang terlibat dengan sawit, sekurang-kurangnya seramai 650 ribu orang. Untuk pekebun kecil yang terlibat dengan getah sekurang-kurangnya seramai 420 ribu orang. Ini sahaja satu jumlah yang cukup besar kurang lebih seramai 1 juta orang. Akan tetapi, saya ingin menyebutkan begini- dalam masalah harga komoditi khususnya minyak sawit yang jatuh, apa yang saya lihat sebenarnya telah berlaku konspirasi di kalangan negara-negara Eropah dan Kesatuan Eropah terhadap pengharaman minyak kelapa sawit kita yang berpunca daripada tindakan negara-negara Kesatuan Eropah di dalam Parlimen, membuat ketetapan untuk mengharamkan pengimportan minyak kelapa sawit daripada Malaysia. Ini disebut di dalam Resolusi EU 2017.

Sebenarnya, ia mula dirangka dan disediakan, seolah-olah peta perjalanan mereka bermula daripada tahun 2015 lagi, 7 Disember 2015, bukan tahun 2017. Tahun 2015 lagi mereka telah membawa kepada cadangan pengharaman ini melalui satu yang disebut sebagai Pengisytiharan Amsterdam di mana ia telah ditandatangani oleh enam negara anggota EU iaitu Belanda, Britain, Denmark, Jerman, Norway dan Perancis. Negara-negara ini telah mengisytiharkan diri mereka sebagai penyokong 100 peratus ke arah penggunaan minyak sawit mampan di Eropah. Mereka juga mahu negara-negara yang sedang membangun termasuklah kita yang disifatkan begitu, menghentikan pembalakan haram serta penebangan hutan menjelang tahun 2020 ke arah matlamat Pembangunan Mampan (SDG).

Tuan Yang di-Pertua, tidak berhenti di situ, berikutan daripada Deklarasi Amsterdam 7 Disember 2015, Direktorat Alam Sekitar Kesihatan Awam dan Keselamatan Makanan telah menyediakan satu laporan mengenai minyak sawit dan penebangan hutan hujan yang telah dibentangkan kepada Ahli-ahli Parlimen di Eropah dan mendapat sokongan dengan undian yang memberangsangkan pada 4 April 2017.

Apa yang paling menonjol daripada laporan itu ialah produk kelapa sawit dilaporkan produk kelapa sawit negara kita didakwa sebagai punca utama kepada penebangan hutan hujan. Saranan-saranan daripada laporan ini juga telah dipersetujui oleh seramai 640 orang Ahli-ahli Parlimen negara-negara Kesatuan Eropah. Hanya 18 daripada negara tersebut membantah, manakala 18 buah lagi berkecuali dan saranan-saranan dalam laporan itu telah diluluskan dan dikenali sebagai Resolusi EU 2017.

Apakah maksudnya ini semua Tuan Yang di-Pertua? Pada saya, mereka mencadangkan pengharaman penggunaan minyak sayuran tidak mampan untuk *biofuel* menjelang tahun 2020, iaitu tahun hadapan. Mereka juga selanjutnya mencadangkan hanya minyak sawit mampan yang disahkan oleh skim tunggal pensijilan kemampanan EU yang akan dibenarkan memasuki EU

pada tahun 2020. Mereka juga telah mencadangkan kepada pengharaman kepada penggunaan minyak sawit sayuran tidak mampan untuk *biofuel* daripada memasuki EU pada tahun 2030.

Tuan Yang di-Pertua, lebih mengejutkan apabila Parlimen negara-negara Kesatuan Eropah membuat undian sekali lagi pada 17 Januari 2018 mengenai pindaan kepada Direktorat Tenaga Yang Diperbaharui yang sekali gus meliputi Resolusi EU. Kali ini mereka sarankan, saranan-saranan mereka lebih keras dan telus iaitu minyak sawit telah dinamakan untuk produk yang haram. Minyak sawit negara kita dinamakan sebagai produk yang haram untuk memasuki Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang saya hendak tekankan di sini ialah, kita balik-balik jumpa mereka untuk berunding, betul, diplomatik itu penting. Akan tetapi, berapa kali hendak jumpa? Kerajaan yang lepas pun pernah berjumpa. Kita katakan bahawa semua yang mereka lakukan ini sebagai tidak betul. Kita kata menyalahi peraturan dalam Pertubuhan Perdagangan Antarabangsa. Akan tetapi, apa tindakan undang-undang kita? Tidak bolehkah kita mengambil tindakan undang-undang? Itu satu. Daripada kita pergi menghadap beberapa kali, benda yang sama mereka akan cakap, Tuan Yang di-Pertua.

Lebih mengejutkan saya hendak sebut di sini bahawa, Dewan Negara Perancis juga telah menyokong untuk menyetepikan penggunaan minyak sawit sebagai *biodiesel*. Sedangkan kita Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2017, eksport kita minyak sawit daripada negara kita mencecah di peringkat dunia adalah hampir 60 peratus. Ini bermakna Tuan Yang di-Pertua, minyak kelapa sawit kita sudah cukup berjaya. Sudah membekalkan 60 peratus kepada keperluan dunia dan mereka menjangkakan 10 tahun yang akan datang bekalan minyak kelapa sawit kita kalau tidak disekat daripada tahun 2017, akan mencecah sebanyak 80 peratus untuk bekalan dunia.

Minyak sawit negara kita adalah satu produk yang sangat berjaya di peringkat dunia. Adakah kelapa sawit kita ini menjadi mangsa kepada kejayaan produk kita sendiri? Ini perlu difikirkan. Kerajaan dan kementerian perlu mengkaji semula. Selain daripada itu, saya juga mengucapkan tahniah dan syabas kepada Menteri Industri Utama. Ini kerana yang paling penting saya lihat dalam isu ini adalah mengoptimumkan penggunaan minyak kelapa sawit dalam negara, mempelbagaikan- bukan sahaja menumpu kepada hiliran tanaman tetapi mempelbagaikan penggunaan minyak kelapa sawit. Tidak akan kita hendak berhenti? Sedangkan produk itu hasil kepada Keluaran Dalam Negara Kasar yang utama bagi negara kita.

Kedua, ialah mencari pasaran-pasaran baharu. China dan India khususnya perlu diberikan perhatian daripada kita membelanjakan- balik-balik pergi jumpa negara-negara

Kesatuan Eropah, Tuan Yang di-Pertua. Bila saya tengok video-video yang mereka buat dalam kempen untuk menolak hasil kelapa sawit negara kita, sangat-sangat mengecewakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Tuan Yang di-Pertua tengok saya itu hendak beritahu sudah lebih daripada tiga minit. Jadi saya pun hendak berhenti sudahlah, saya mengucapkan terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Senator Tuan Nga Hock Cheh.

2.59 ptg.

Tuan Nga Hock Cheh: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas peluang mengambil bahagian berbahas Titah Tuanku. Hari Ahad yang lepas seluruh dunia menyambut Hari Easter. Penganut-penganut agama Kristian di Malaysia amat bersyukur dan bergembira menerima salam daripada Istana Negara oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong yang berbunyi, "*Wishing all of our Christian friends a blessed Good Friday and a joyous, happy Easter*".

■1500

Perayaan Hari Easter di bawah Kerajaan Pakatan Harapan tahun ini bertambah manis kerana kenyataan yang diberi, Cuti Tanpa Rekod sempena perayaan *Good Friday* bagi pegawai perkhidmatan awam yang menganut agama Kristian. Ini merupakan kali pertama komuniti Kristian menerima salam daripada Yang di-Pertuan Agong dan cuti yang diberi tanpa rekod.

Hari Easter sebenarnya ialah menyambut kebangkitan Yesus Kristus selepas beliau dikebumikan. Selepas tiga hari dia bangkit dari kematiannya. Mengikut Alkitab, dia akan balik sekali lagi pada masa hadapan. Kalau mahukan rujukan boleh dapatkan di rasa...

Tuan Yang di-Pertua: Saya percaya Yang Berhormat...

Tuan Nga Hock Cheh: ...Kisah Rasul-rasul or *Acts of the Apostles*.

Saya ingin menyentuh tiga perkara sahaja memandangkan ada ramai lagi Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang hendak mengambil bahagian iaitu perpaduan, kedaulatan undang-undang dan lagi satu, *the foreign relations*.

Mengenai isu perpaduan, Tuanku di perenggan 21, *the English version is here with me*. "*The various efforts have been undertaken to strengthen unity among the multiracial population of the country. In this regards, calls for unity must not remain mere slogans but have to be followed through by sincere actions*".

Tuan Yang di-Pertua, untuk memperkukuhkan perpaduan kita mesti faham sebab-sebab yang menghalang perpaduan di negara kita. Antara contoh, seorang bayi apabila dia dilahirkan, dia diberikan identiti mengikut kaum. Dia tidak diberikan identiti nasional. Kalau boleh dari sejak kecil, dia menganggap sendiri sebagai seorang warganegara Malaysia. *He sees himself as a Malaysian*. Isu perkauman tidak akan timbul.

Kedua, arena politik. Kita mahu mengkaji semula sama ada bentuk parti-parti yang kita ada *along racial lines* mahu dikaji. Dahulu Orang Putih menggunakan *divide and rule* sebagai alat *to control the people of this country*. Kita sepatutnya mengikut wawasan Onn Jaafar. Dia ada visi bagi semua kaum masuk partinya tetapi itu ditolak oleh partinya. Lagipun perkataan yang memecahbelahkan rakyat, kita mesti berhenti menggunakannya, pendatang lagi dan yang lebih kasar pun ada. Itu tidak bagus untuk perpaduan negara.

Pilihan Raya Keempat Belas melahirkan satu GPS di Sarawak di mana beberapa buah parti sudah bergabung...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Tuan Nga Hock Cheh: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak memberi cadangan kepada kerajaan supaya kita mengadakan undang-undang khusus untuk perkataan-perkataan yang sensitif?

Tuan Nga Hock Cheh: Ya, *I think it should be done. It is helpful that the action should be taken against those who uttered this word, it hurts the people and it does the country no good. That's my appeal. So, I* cuba sambung dalam bahasa sedikit. Pilihan raya kecil pun menimbulkan satu perkahwinan yang amat canggih dan mustahil...

Tuan Yang di-Pertua: Perkahwinan?

Tuan Nga Hock Cheh: Dua parti pembangkang...

Tuan Yang di-Pertua: Oh.

Tuan Nga Hock Cheh: Semalam pun ada pantun- sudah kahwin. So, saya amat berminat hendak tahu perkahwinan tradisi satu pihak biasanya lelaki- suami, perempuan- isteri. Di dalam perkahwinan di antara dua parti politik ini, siapa suami dan siapa isteri? Atau *transgender* punya perkahwinan. Oh! Itu lagi salah.

Tuan Yang di-Pertua: Itu untuk manusia Yang Berhormat.

Tuan Nga Hock Cheh: Oh.

Seorang Ahli: Itu manusia.

Tuan Nga Hock Cheh: Kalau itu untuk manusia, konsep itu tidak sesuai pakai untuk politik. *Is a* gabungan macam GPS, itu memang betul punya penggunaannya. Mana boleh bawa

institusi perkahwinan ke dalam politik? *Anyway, so much on perpaduan. I just want to make one more statement on this. Perpaduan tidak boleh dijadikan sebagai domba korban di atas altar kemudahan atau kesesuaian politik. In English if I may say it. Unity should not be made the sacrificial lamb on the altar of political expediency and that is what it does happened in the last 61 years of the country and we hope the time has come for more mature politics where BN can form one bloc with direct admission and Pakatan Harapan another bloc with direct admission and the people of this country can choose which like party they want to be chosen as a government just like England- The Labour and The Conservative, something along that line.*

On two, kedaulatan undang-undang...

Puan Asmak binti Husin: Mohon pencilahan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya hendak...

Tuan Nga Hock Cheh: ...Perenggan 16.

Tuan Yang di-Pertua: Saya hendak mengingatkan kepada semua Ahli Yang Berhormat. Saya telah memberi kebenaran kepada Yang Berhormat Senator Tuan Nga Hock Cheh untuk bertutur dalam bahasa Inggeris. Jika Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang lain jangan anggap, jangan mengambil kesempatan, gunakan Bahasa Melayu.

Tuan Nga Hock Cheh: Ya.

Puan Asmak binti Husin: Yang Berhormat Senator Tuan Nga Hock Cheh, mohon pencilahan. Dekat belakang.

Tuan Yang di-Pertua: Belakang, belakang.

Puan Asmak binti Husin: Saya anak- dekat belakang.

Tuan Nga Hock Cheh: Janganlah.

Puan Asmak binti Husin: Dia ayah saya.

Tuan Nga Hock Cheh: Saya *L License*, nanti *you* celah tidak boleh saya sambung jalan.
[Ketawa] Tunggu dahulu, tunggu.

Puan Asmak binti Husin: Tunggu dahulu. Okey. Ayah tidak bagi dekat anak, tidak apalah.

Tuan Nga Hock Cheh: Tunggu dahulu. Perenggan 16 berbunyi, "Rakyat hari ini bukan sahaja mahukan pembangunan bahkan sebuah kerajaan yang bersih, telus, bertanggungjawab serta mendaulatkan undang-undang untuk membawa negara ke tahap yang lebih baik".

■1510

Tuan Yang di-Pertua, keluhuran atau kedaulatan undang-undang merupakan batu asas dalam menegakkan keadilan. Tun Dr. Mahathir selepas pengumuman kemenangan Pilihan Raya

Umum Ke-14 pada 10 Mei 2018 yang lalu telah mengatakan akan mengembalikan keluhuran undang-undang. Prinsip utama dalam keluhuran atau kedaulatan undang-undang ialah semua orang perlu mematuhi undang-undang. Di dalam mematuhi undang-undang, prinsip ini bukan sahaja mengikat rakyat dengan undang-undang tetapi juga kerajaan.

Kenyataan berhubung dengan prinsip kedaulatan undang-undang oleh Tun Dr. Mahathir ketika berucap di dalam Perhimpunan Bulanan Jabatan Perdana Menteri telah dipetik BERNAMA pada 10 Oktober 2018, boleh difahami bahawa maksud setiap orang sama ada pentadbir, Perdana Menteri, Menteri, pegawai tadbir, polis atau tentera mahupun Raja atau Sultan terikat untuk mematuhi undang-undang. Kegagalan mematuhi boleh menimbulkan kekacauan di dalam negeri.

Seterusnya, di dalam proses memulihkan negara ini, setiap tindakan kerajaan dan rakyat mesti dibimbing dengan undang-undang. Kerajaan memerlukan undang-undang yang baik dan mereka yang menegakkan keadilan dan tidak memberi tekanan atau meminggirkan sesiapa pun. Malaysia mengamalkan sistem pemisahan kuasa di antara badan legislatif, eksekutif dan kehakiman, *separation of powers into legislative, executive and judiciary*. Jika wujud pertelingkahan atau sesuatu yang bercanggah dengan undang-undang, hakim akan menentukan keputusan pertelingkahan tersebut. Hakim tidak seharusnya takut dan gentar di dalam menjalankan amanah dengan adil dan saksama.

Memandangkan Malaysia sebuah *country* di mana kedaulatan undang-undang adalah mustahak, *I want to pause here to raise the case of pastor Raymond Koh who was kidnapped on 13th of February 2017. Three other social activists were also kidnapped.* Amri Che Mat pada 24 November 2016, Joshua Hilmi, dan Ruth Hilmi pada 3 November 2016. Mengikut Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) di dalam keputusan akhir, *the final decision* bertarikh 3 April 2019, selepas 20 hari *public inquiry* memutuskan di perenggan 153 seperti berikut *and I quote*. *“The panel is of the considered view that the enforced disappearance of Pastor Raymond Koh was carried out by agents of the state namely Special Branch, Bukit Aman Kuala Lumpur within the definition of the first line of Article 2 of ICPPED”*.

Tuan Yang di-Pertua, *the ICPPED is simply International Convention for the Protection of All Persons from Enforced Disappearance 2006. In view of this serious finding, the Ministry of Home Affairs should not keep quiet but should come out and make a statement as to the fate or whereabouts of Pastor Raymond Koh and the other three persons who also suffered enforced disappearance.*

Saya hendak mengambil kesempatan ini memuji ahli-ahli panel yang menjalankan siasatan awam tersebut. Dato' Mah Weng Kai (Pengerusi), Prof. Dato' Dr. Aishah Bidin dan Dr. Nik Salida Suhaila binti Nik Saleh. *They have carried out a very brave and courageous job and, on this issue, I also agreed with my fellow Senator, Yang Berhormat Puan Lim Hui Ying that the police must take serious action on this matter. The people cannot just be missing with no trace and the families are suffering. Saya sokong also the recommendations by the SUHAKAM that a special task force be set up to investigate the case and I think this is a fitting time for this thing to be done.*

Tuan Yang di-Pertua, *on the last part of my debate on the foreign policy framework of new Malaysia, saya memohon keizinan meneruskan dalam bahasa Inggeris.*

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Nga Hock Cheh: *Thank you very much. The Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong has stated in paragraph six as follow. "Perkembangan geopolitik antarabangsa juga semakin kompleks. Beta menyambut baik usaha kerajaan perkenalkan kerangka dasar luar Malaysia baharu dan insentif-insentif untuk terus memelihara dan mempertingkatkan hubungan baik dengan negara-negara di seluruh dunia tanpa kompromi terhadap isu-isu kedaulatan negara". E.M Foster says where angels to tread, I crave indulgence to take this honorable House on the more adventurous rendezvous to the hottest spot in the world, in the Middle East.*

In the Dewan Rakyat, the Yang Berhormat Port Dickson has asked whether the government has the intention to set up embassy in the Palestine directly without going through Israel. It is a good proposal from the Yang Berhormat Port Dickson but would not it be even better if the government would consider setting up embassy in both Palestine and in Israel itself respectively.

I have three reasons Tuan Yang di-Pertua for this suggestion. I think Malaysia is a good country to help to broker a lasting peace in Middle East which has eluded even the superpowers. Our Prime Minister is a very well-respected elder statesman in the global stage. He has world recognition from Japan, from Thailand, from Philippines and recently is listed in the Time Magazine as one of, the 100 Most Influential People in the world for this year. There is one other credential that our Yang Amat Berhormat Perdana Menteri has which has eluded political analysts and that is the spiritual dimension for the success of the PH in the last general election.

■1520

Tuan Yang di-Pertua, *it is this spirit of forgiveness among the key leaders of Pakatan Harapan. People who has been jailed, they suffered detention, came together in a spirit of*

forgiveness for the sake of the country to do something beautiful for the nation. That example has been set for this country under those very difficult situations by these key leaders. This is an exemplary precedent for the rakyat Malaysia to follow. Forget about whatever past misunderstandings, actions that had suffered weaknesses, especially in affirmative actions which are intended to help the poor and the needy that had been abused by certain quarters.

We must make correction to this. Affirmative actions should be need based and not on race based. All the poor people deserve the help of the government. So, having said that, if we can broker a peace between these two states and there is no better person other than our own Yang Amat Berhormat or Prime Minister to help. Furthermore, there is this scripture in Genesis, Chapter 12, Verse 3, where God told Abram, "I will bless those who bless you and I will curse him who curses you". I will leave to the House, how you want to interpret that verse but I'll be failing in my duty as a Senator with Christian's faith if I do not alert the House about this.

The Israel is very small country but it has very advance technology in various field, especially in agriculture. Thailand has also benefited tremendously from the expertise and assistance of Israel. Now, if we can have diplomatic relations with these countries and take proactive actions and make Malaysia useful on world stage as a peacemaker which carries a special blessing in the scriptures, they are called 'children of God'. So, we can also import the expertise for our agriculture to help to uplift the standard of living of the rural folks in this country. So, it is something that is good all around. Not only for our country but also as Malaysia's contributions to the world at large to leave a peace legacy if we can successfully broker the same. Now, there was earlier request to celah from Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: *Your time is already out, Yang Berhormat... [Dewan ketawa]*

Tuan Nga Hock Cheh: *Okay, then let me just finish Tuan Yang di-Pertua. Now, I will try to finish with a few lines in bahasa.*

Tuan Yang di-Pertua: *Thank you.*

Tuan Nga Hock Cheh: ...

*Tak kira ribut atau taufan;
PH mampu membawa negara ke hadapan;
Politik, agama dan perkauman;
Tak laku lagi sebagai umpan.*

*Dengan PH Malaysia baharu pun menjelang;
Rezeki rakyat takkan lagi membanting tulang;
Kais pagi pun cukup makan petang
Rakyat mesra hati senang.*

Thank you very much.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Tuan Nga Hock Cheh: Tuan Yang di-Pertua, saya sokong usul menjunjung kasih ke atas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. *Thank you.*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Harap perbincangan Yang Berhormat itu besok tak ada ribut [*Ketawa*]

Silakan, saya ada buat pertukaran sedikit. Saya meluluskan Datuk Ng Chiang Chin untuk berbahas sebelum Datuk Paul Igai.

3.25 ptg.

Datuk Ng Chiang Chin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam sejahtera, selamat petang. Salam Negaraku Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya berbahas dalam perbincangan menjunjung kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong merupakan payung dan lambang kepada simbol penyatuan di seluruh Malaysia. Sebagai ketua negara, beban kemakmuran Malaysia diletakkan di bahu Perdana Menteri dan barisan Kabinetnya yang mana saya melihat hari ini telah berjaya membawa kemakmuran dan kesejahteraan kepada negara kita.

Dengan itu, saya menjunjung kasih di atas keberangkatan Tuanku mencemar Duli dan merasmikan pembukaan Parlimen pada 11 Mac 2019. Saya juga bersyukur dan berbesar hati kerana peralihan kuasa ketua negara berlaku dengan harmoni, dengan sejahtera. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini bersama-sama Ahli-ahli Dewan Negara Yang Berhormat merafakkan sembah dan menyampaikan ucapan tahniah dan menjunjung kasih di atas pelantikan Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang baru. Tuan Yang di-Pertua, saya mendoakan agar Duli Yang Maha Mulia Tuanku sentiasa sihat selalu dan patik yakin ekonomi negara akan berkembang pesat dan dasar serta polisi kerajaan yang sentiasa mementingkan rakyat dan memacu negara kita menjadi lebih dinamik dan progresif.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin memulakan ucapan saya dengan menyentuh Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Isu yang saya ingin bawa ialah berkenaan dengan Malaysia sekarang menuju ke arah internet laju iaitu internet 5G. Saya kagum dan mengucapkan

setinggi-tinggi tahniah kepada kementerian kerana sekarang ini giat fokus kepada teknologi menuju 5G. Sesungguhnya penggunaan 5G generasi kelima atau lebih dikenali sebagai teknologi 5G yang akan memberi kesan besar kepada ekonomi Malaysia.

Saya akui perubahan dari 4G ke 5G bukan perkara yang boleh dilakukan semalam. Sebaliknya, perlukan usaha yang ketara dalam penyelidikan dan pembangunan. Kerjasama industri dan sumber diperlukan untuk menyokong usaha ini. Saya menyokong sepenuhnya langkah ini kerana teknologi 5G akan memberi kesan terhadap setiap industri yang penting untuk pertumbuhan ekonomi negara. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkata industri seperti pembuatan akan menyumbang 22 peratus kepada keluaran dalam negara kasar (KDNK) dalam tempoh lima tahun lalu dan kekal penting kepada ekonomi negara.

Penggunaan teknologi ini juga akan memberi kesan kepada cara kita mencorakkan masyarakat yang bersedia menghadapi ekonomi masa depan dalam menuju Revolusi Industri 4.0. Walau bagaimanapun, di sebalik persiapan kita menuju ke arah 5G, saya ingin membangkitkan isu mengenai liputan yang tak sekata di seluruh Malaysia. Apa yang saya maksudkan di sini ialah liputan internet di kawasan luar bandar, malah di bandar juga tidak seimbang. Ada kawasan yang dikenali sebagai *hotspots* akan menerima liputan yang laju dan pantas. Akan tetapi malangnya ada banyak juga tempat yang dikenali sebagai *blind spot*, yang mana jangan kata 4G, 1G pun payah hendak dapat. Kalau di Sarawak, orang tempatan kata mengenalinya sebagai GG atau dipanggil 'gila-gila'.

■1530

Maka dengan itu, saya mohon kepada kementerian akan meneliti perkara ini dengan teliti. Saya dan semua Ahli Dewan Negara ingin tahu, apakah masalah yang dihadapi untuk kita menerima *internet connecting* sepenuhnya? Sejauh mana kementerian boleh menyelesaikan masalah *blind spot internet* di seluruh Malaysia?

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin beralih kepada isu had laju kenderaan di lebuhraya Malaysia. Untuk ini, saya merujuk kepada Kementerian Kerja Raya. Saya difahamkan ada laporan bahawa kementerian bersedia untuk berunding dengan Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) untuk membuat kajian baharu berkenaan cadangan menaikkan had laju lebuhraya. Pihak kementerian dikhabarkan akan memaklumkan cadangan itu kepada JKJR dan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya (MIROS) bagi memberi pandangan berkenaan aspek keselamatan. Ini kerana had laju jalan raya bukan sahaja ditetapkan oleh Jabatan Kerja Raya, tetapi dengan kerjasama Kementerian Pengangkutan melalui JKJR dan MIROS yang memberi pandangan dari sudut keselamatan.

Isu yang saya cuba bawa di sini adalah sesetengah lebuh raya di Malaysia harus dinaikkan had laju kenderaan kerana ada lebuh raya telah dinaikkan dari dua lorong ke empat lorong. Saya ambil contoh Lebuhraya Gua Musang yang baru siap dan had lajunya hanya 90 kilometer sejam. Pada pandangan saya, had laju-nya harus dinaikkan kepada 110 kilometer sejam kerana jalannya dua *lane* sudah sampai jadi empat *lane* dan jalannya lebar dan lurus. Di sebelah kiri dan kanan jalan pun tidak ada rumah, tidak ada kampung, maka 90 kilometer sejam adalah terlalu perlahan. “*Ore kato tok pade belanjo pitih, tokleh nok laju deh. Pakai kasut sport, tokleh nok hungga*”. Itu maksud dia. Kalau boleh minta kerajaan, kementerian berkenaan cuba kaji semula. “*Lepahtu deras, deras, lepah tu slow, slow*”. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin berbahas mengenai projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL). Projek ini merupakan projek mega yang dirancang mampu untuk bertahan sehingga 100 tahun dan manfaatnya akan terus dapat dinikmati melebihi daripada tempoh itu. Pelaksanaan projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) bernilai kira-kira RM55 bilion itu akan menjadi satu lagi *game changer* untuk negeri pantai timur, sekali gus mengubah landskap pembangunan di Pahang, Terengganu dan Kelantan.

Kawasan Pantai Timur ketika ini sedang membangun dan secara tidak langsung akan menyumbang kepada pendapatan penduduk sekitarnya yang akan menggunakan perkhidmatan ECRL. Selama ini masyarakat di Pantai Timur tertumpu kepada sektor pertanian, perladangan dan perikanan yang menyebabkan ramai generasi muda sebelum ini berhijrah mencari rezeki bekerja ke kota besar seperti Kuala Lumpur. Kemudahan ECRL yang siap pada 2024 kelak bakal mengubah senario itu. Ini kerana peratusan penghijrahan dapat dikurangkan, ekonomi di tiga negeri ini akan dapat dipertimbangkan dan pelbagai sektor pekerjaan termasuk pekerjaan baharu dapat diwujudkan.

Daripada segi ekonomi, kita jangan sangat tumpu kepada ekonomi mega, ekonomi besar, berbilion-bilion bangunan. Harus kita tuju, tengok, fokus juga kepada ekonomi mikro. Apabila ECRL datang ke Pantai Timur, peniaga mikro harus diberi tumpuan. Jangan tengok makcik-makcik jual nasi berlauk, makcik-makcik jual nasi lemak, jual kuih *akok* sebagainya. Ini ada kesan ekonomi desa. Saya tahu saya punya kawan, kawan daripada Pantai Timur. Ahli-ahli Dewan Negara pun kadang-kadang ramai pergi ke Kelantan, yang ada pergi yang tempat pertama pergi di singgah kat Wakaf Che Yeh, Wakaf Che Yeh. Fasal apa Wakaf Che Yeh, dia kata Wakaf Che Yeh *make bereh, make muroh, ore baguh, ore tino comei*, nasi *dage* pun sedap. Jadi ramai *ore Kolumpo* pergi *Kelate nok gi make*, bila *gi make* boleh *abeh* tengok. Ini akan jadi satu tarikan

daripada segi pelancongan. Kalau ada ECRL, empat jam setengah Gombak ke Kota Bharu, saya rasa ramai boleh pergi. Pagi *make*, *alikh moleh* balik. Boleh bawa bini *bereh deh*. Terima kasih.

Kalau ECRL sampai di Kelantan, pelancongan juga akan berkembang maju dengan kemasukan pelancong dalam negeri juga luar negeri. Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad baru-baru ini mengumumkan kos projek ECRL dikurangkan sebanyak 32.8 peratus kepada RM44 bilion daripada RM66 bilion dengan penjajaran semula sepanjang 640 kilometer.

Soalan saya mudah sahaja. Di sebalik berbagai-bagai berita baik dan buruk mengenai projek ini dan yang terbaru ada dakwaan yang menyatakan syarikat China mempunyai hak dan kepentingan terhadap hasil mineral dan galian di negeri yang terlibat semasa pembinaan projek ECRL sepanjang 640 kilometer. Saya ingin kerajaan memaklumkan kepada Dewan mengenai perkembangan terkini tentang projek ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya ini saya ingin menarik perhatian Dewan Negara ini mengenai perayaan Songkran atau tahun baru di kalangan masyarakat minoriti Siam di Malaysia. Perayaan ini baru sahaja diraikan beberapa minggu yang lepas. Sambutan ini adalah sebahagian daripada upacara kebudayaan masyarakat keturunan Siam dan disertai pelbagai kaum dan tiada kaitan dengan sebarang atur cara keagamaan. Jelas sekali perayaan ini mencerminkan kepelbagaian budaya dan kaum di Malaysia. Masyarakat Siam di seluruh Kelantan dan Kedah menyambut perayaan Songkran. Masyarakat Siam menyambut Hari Songkran seperti biasa kerana ia sempena kedatangan tahun baharu. Masyarakat Siam cuma perlu bersederhana apabila membabitkan penggunaan air.

Baru-baru ini, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) melalui satu surat telah mengumumkan pemberian cuti tanpa rekod sempena sambutan *Good Friday* bagi pegawai perkhidmatan awam yang menganut agama Kristian. Saya percaya masyarakat Siam juga ingin menikmati Cuti Tanpa Rekod supaya mereka dapat merayakan perayaan Songkran dengan tenteram. Maka dengan itu, saya ingin mencadangkan bahawa Jabatan Perkhidmatan Awam meneliti dan memberi Cuti Tanpa Rekod kepada penjawat awam dari komuniti Siam. Kepada Kementerian Sumber Manusia pula, agar dapat juga meneliti perkara ini dan membuat panduan kepada sektor swasta atau juga memberi cuti kepada pekerja dari komuniti Siam.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh mengenai isu yang berlaku di Sungai Golok, Kelantan. Sempadan di antara Kelantan dengan negeri Thailand. Saya ingin merujuk kepada projek tebatan banjir tebing Sungai Golok yang sedang dibina oleh Kerajaan Thailand bagi menggalakkan limpahan air musim tengkujuh di Rantau Panjang, Kelantan. Bagi isu ini saya tidak tahu untuk menuju ke kementerian mana kerana ia menyentuh banyak aspek

iaitu alam sekitar dan sempadan negara. Saya pohon pegawai kementerian yang bertugas di Parlimen pada petang ini meneliti ucapan saya.

Pembinaan benteng di sempadan Thailand sangat membimbangkan saya kerana ia akan memberikan kesan buruk kepada kawasan dan kampung-kampung di tebing sungai di sempadan Siam. Di sebelah Siam ada benteng, sebelah Rantau Panjang tidak ada benteng. Apabila hujung tahun- tengkujuh, air akan pergi ke Golok, tendang balik fasal ada benteng. Air akan balik ke Rantau Panjang, semua tenggelam. Ini sekarang kemarau semua okey. Masuk bulan November, jaga perahu, kena siap perahu dan *motorboat*. Orang kampung bersedia untuk pindah, *guarantee* pindah. Dahulu bandar Rantau Panjang tiga kaki. Kali ini saya ingat lapan kaki. Fasal air masuk sebelah. Sana tidak pergi, masuk sini. Maka saya minta kementerian mana yang ada jaga sungai ini, minta ambil perhatian. *You got to work...*

■1540

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, pandang kepada Speaker semasa berucap.

Datuk Ng Chiang Chin: Apa dia?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat pandang sana kenapa? Kena pandang pada saya.

Datuk Ng Chiang Chin: Ia dipanggil CCTV dia *round 360 degrees, under 360 degrees* [Ketawa] Thank you Tuan Yang di-Pertua.

Seterusnya saya ingin sentuh sedikit berkenaan raja segala raja iaitu yang dinikmati oleh semua lapisan masyarakat iaitu buah durian. Untuk isu ini, saya merujuk kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Kerajaan terdahulu ada mewujudkan skim bidang sumber kekayaan baharu sektor agromakanan. Ia merupakan hasil cetusan Perdana Menteri yang dulu. Skim ini diumumkan semasa pembentangan Bajet 2018 di mana meletakkan sektor pertanian seiring dengan sektor yang lain. Semasa program ini dilancarkan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani membabitkan peruntukan sebanyak RM188 juta melibatkan pembangunan industri tenusu, jagung bijian, kelapa, durian, nanas, galakan pemasaran dan eksport serta industri kulinari.

Di sini saya ingin fokuskan kepada pembangunan industri durian di mana telah ditetapkan sasaran pengeluaran sebanyak 28,000 tan metrik menjelang 2020, dan peruntukan yang agak besar disediakan meliputi program kluster durian, dan merangkumi aktiviti pembersihan dan penyediaan kawasan, penyediaan infrastruktur dan sebagainya. Di atas galakan ini, ramai petani durian di Kelantan menerima baik dan menyertai program yang dianjurkan ini. Semasa program ini diumumkan, adalah dikatakan petani durian akan menerima RM5 juta untuk menjalankan

tanaman durian. Kini kerajaan baharu pula memperuntukkan RM2 juta. RM5 juta *minus* RM3 juta tinggal RM2 juta.

Tidak kira sama ada kerajaan lama dan kerajaan baharu, saya ingin bertanya apakah program ini masih diteruskan lagi? Ramai petani durian berjumpa saya dan mereka ingin saya bawa isu ini ke dalam Dewan ini. Lebih malang lagi peruntukan RM2 juta ini sehingga sekarang belum lagi diterima oleh peserta program. Saya berharap pihak kementerian dapat menyelesaikan rungutan dari petani durian terutama petani durian dari Kelantan. Walaupun kerajaan bertukar, saya mohon agar program ini dapat diteruskan lagi kerana durian ini mendapat tempat di seluruh dunia terutama di Negara China.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya isu terakhir yang saya ingin sentuh ialah kepada Kementerian Pengangkutan. Baru-baru ini banyak syarikat penerbangan telah mulai mengenakan caj tambahan *baggage* bagi daftar masuk bagi penerbangan domestik.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang naik kapal terbang bukan satu perkara ego atau kemewahan. Naik kapal terbang itu adalah keperluan rakyat dan lapisan masyarakat, terutama sekali di Sabah dan Sarawak. Dia tidak boleh naik kuda kerana terlampau jauh, dia kena naik kapal terbang. Jadi semua kena caj- aniaya orang Sabah, aniaya orang Sarawak, aniaya juga orang Kelantan. Dia tidak boleh naik kuda jauh sangat, dia kena naik kapal terbang.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja perkara yang saya bangkit dalam ucapan saya. Saya berdoa agar Malaysia akan sentiasa aman dan sejahtera dan semua rakyat dapat hidup bersama dalam harmoni di bawah lindungan Tuhan. Dengan kata-kata ini, saya mengakhiri perbahasan saya dengan menyokong sepenuhnya Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai.

3.44 ptg.

Datuk Paul Igai: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut hadir mengambil bahagian perbahasan Titah Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong pada 11 Mei 2019. Sebelum saya berucap lanjut, saya akan bermula dengan mengisytiharkan saya dahulu rakyat Malaysia, sekarang saya pun rakyat Malaysia, selamanya saya orang Malaysia.

Saya akan terus kepada kes-kes dan isu-isu yang akan saya sentuhkan. Kes 47 orang rakyat Malaysia yang ditahan di penjara di Kemboja. Mereka yang disaksikan ditipu oleh agen

pekerja. Pembebasan kesemua 47 tahanan adalah hasil kerjasama kementerian dari Pusat dan kerajaan negeri khususnya Kerajaan Negeri Sarawak. Kerjasama itu adalah sangat berkesan dan amat kita semua alu-alukan. Syabas kepada Menteri-menteri dan pegawai terlibat. Soalan saya, apakah keputusan kes penipuan ini?

Insiden pencemaran toksik di Pasir Gudang. *Collective responsibility*, dengan izin, telah diambil oleh Menteri-Menteri dan anggota kementerian, bekerjasama juga mengatasi masalah yang sangat berbahaya seperti insiden itu. Pengajaran daripada insiden itu kepada kementerian berkenaan mesti perlulah mengambil langkah *preventive measure*, dengan izin, ataupun preventif awal supaya insiden seperti ini tidak berlaku lagi. Seperti saya hujah dalam Dewan yang mulia ini pada tahun lepas mengenai struktur-struktur jalan, jambatan dan bangunan awam dipantau dan ambil waspada tentang kejadian akan berlaku seperti ini. Soalan saya, adakah kementerian bercadang bahawa sistem amaran awal untuk pencemaran dan juga radioaktif di kawasan tempatan seperti sistem sedia ada untuk amaran tsunami dan angin kencang dari Jabatan Meteorologi? Bilakah kementerian akan membentangkan pindaan akta-akta yang perlu dipinda semula mengikut suasana dan keadaan pembangunan semasa?

Tuan Yang di-Pertua, kita dimaklumkan juga Sarawak dan Sabah jauh ketinggalan dalam pembangunan jalan raya, infrastruktur dan sebagainya. Di Semenanjung kita ada *Highway North-South, East-West, Second Highway*, ECRL, Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak, Kajang SILK dan Sistem Lingkaran- *Interchange* dan Terowong SMART. Akan tetapi kita di Sarawak ada dua lorong, satu lorong dan satu lorong. Sekarang Sarawak dan Sabah baru-barunya kita ada Lebuhraya *Pan Borneo* yang baharu tetapi *Pan Borneo* itu bukan baharu, hanya Menteri-menterinya bertanggungjawab, "Baru." Maafkan Menteri ya.

Akan tetapi saya memang berterima kasih kepada kerajaan yang dapat memberi kita *Pan Borneo*, mungkin diubahsuai tetapi dapat jadi *highway* nanti. Kita bukan menafikan infrastruktur tidak ada di Sarawak dan Sabah tetapi tidak seimbang dengan Selangor khususnya dan Semenanjung amnya.

■1550

Kita mestilah *look back* ataupun tengok cermin belakang dalam *national development programme* yang sudah tercapai. Ada sudut-sudut kelompok tertinggal, ada negeri juga tertinggal, bukan Sarawak saja saya fikir tertinggal. Mungkin Kelantan, mungkin Terengganu.

Saya juga akan berkenaan NGOs yang mengambil- tentang membantu orang di luar negara. Bukan saya menyalahkan mereka tetapi saya menyeru atau meminta pihak-pihak NGO yang besar untuk meneliti, *analyzed* mana-mana kelompok-kelompok di kawasan dan negeri kita

sendiri yang menghadapi kesusahan. *Gas explosion di shopping complex* macam di Kuching yang meletup. Itu puncanya dari gas dan bahan kimia. Saya bertanya adakah kementerian bercadang menyimpan atau *proposed to put sensors* untuk semua *shopping complex* dan *entertainment complex* yang banyak dikunjungi orang?

Rabies di Sarawak sekarang sudah di *level* dua. Tingkat dua itu *level disaster*. Setakat 16 April yang lalu, seramai 24,715 kes jangkitan rabies sejak Julai 2017 mengakibatkan 16 kematian. Ada juga laporan mengatakan bahawa Sarawak kekurangan pegawai veterinar dan pembantu veterinar. Soalan saya, apakah cadangan kerajaan untuk menangani masalah rabies di Sarawak. Sekarang kita diberitahu, Kuching, *which is an animal* atau haiwan, ada juga dijangkiti dan boleh menjangkiti penyakit rabies.

Kes *measles* ataupun penyakit campak, pada tahun 2000, Amerika Syarikat mengisytiharkan penyakit *measles* telah sudah dihapuskan tetapi baru-baru ini ada kesan merebak semula di Amerika Syarikat, Indonesia dan Filipina. Kes-kes daripada tahun 2017 hingga tahun 2018, Indonesia mengalami 4,897 kes, Filipina 8,992 kes. Adakah kes atau kesan-kesan virus ini di Malaysia sekarang? Apakah langkah-langkah kesediaan dan siap siaga yang sedang diambil oleh kementerian-kementerian berkenaan?

Dadah, di Sarawak sahaja daripada tahun 2011 sampai tahun 2017, penangkapan jumlah dadah ialah 32,984 yang melibatkan kes dadah. Kes penagih dadah yang baru setiap tahun mencecah 17,000 mengikut statistik laman web rasmi Kementerian Dalam Negeri. Penagihan dadah ialah satu penyakit berbahaya dan bukan lagi boleh dilihat sebagai kes jenayah tetapi mesti dilihat sebagai kes sakit sosial ekonomi juga. Soalan saya, kerana kes penagih dadah masih sukar dikawal, adakah kerajaan mencadangkan strategi baru menangani isu itu?

MAVCOM, kutipan PSC oleh MAVCOM setakat ini, apakah jumlahnya hingga hujung tahun lalu? Apakah kegunaan hasil kutipan tersebut?

Keselamatan taska. Adakah taska dan tempat pengasuh kanak-kanak dan warga emas memasang CCTV, perlu atau tidak atau wajib? Tanda di luar pintu masuk mempamerkan nama majikan, nombor pendaftaran perniagaannya, nama tuan punya dan nama telefon.

Kes suspek militan menceroboh sempadan Sarawak-Kalimantan pada bulan Disember lalu bahawa lima rakyat Malaysia telah diculik oleh tentera jiran. Soalan saya, apakah status siasatan kes tersebut? Apakah langkah diambil untuk menangani isu itu bagi mengelakkan ia terjadi lagi?

Defense White Paper atau Kertas Putih Pertahanan (KPP). Bagaimanakah sambutan proses kertas putih ini setakat ini? Adakah Kertas Putih ini dibentangkan di Dewan Rakyat dan juga di Dewan Negara?

Sempadan darat dan sempadan maritim. Baru-baru ini kita dimaklumkan bahawa sepanjang 3,990 kilometer sudah diukur siap merupakan *69 percent* ataupun peratus daripada 5,749 kilometer sempadan maritim kita. Soalan saya, bilakah *balance* atau baki yang *31 percent* akan disiapkan? Apakah cabaran yang dihadapi Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) dalam usaha mengukur sempadan tersebut memandangkan kemungkinan besar kawasan itu kaya dengan petroleum dan gas asli?

Kebakaran rumah panjang di Sarawak tahun ini, sudah empat kes kebakaran rumah panjang bukan seperti kata-kata kawan saya, Dr. Nuing Jeluing, dia kata tiga tetapi baru-baru ini satu lagi. Ianya empat kes. Dalam tahun 2016 ada 20 kes, dalam tahun 2017 ada 25 kes dan tahun 2018 ada 29 kes. Setiap tahun, kejadian seperti ini berlaku. Adakah kerajaan mendesak pihak bomba dan pihak berkuasa tempatan untuk menyiasat bukan saja punca dan juga mengkaji semua kesesuaian bahan dan struktur bangunan untuk mengelakkan kebakaran teruk selain dari membina balai bomba?

Kerjasama antara Pusat dan kerajaan negeri lagi. Bulan yang lalu, saya sudah sediakan ucapan memberi besar-besaran terima kasih kepada kedua-dua kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan Pusat dan Kerajaan Negeri Sarawak tentang peruntukan RM1 bilion kontrak untuk membaiki bangunan sekolah di pedalaman Sarawak yang sangat usang sekali. Bumbung terbang, dinding buruk dan lantai berlubang sudah beberapa lama tidak dibaiki. Kabinet masa itu memang prihatin, luluskan kontrak RM1 bilion itu.

Yes, I thought that's the way forward dalam Malaysia baru ini. Kerajaan Pusat dan Kerajaan Sarawak masa itu perlu berganding bahu berusaha bersama demi untuk rakyat. Ini dia saya fikir, itulah cara kerjasama antara Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri sepatutnya demi rakyat kita.

■1600

Malangnya, pada awal minggu April yang lalu kita mendengar berita sangat mengecewakan rakyat dan murid sekolah di pedalaman Sarawak iaitu Kerajaan Pusat akan menarik balik tawaran kontrak dengan kerajaan Sarawak. Kerajaan Sarawak pula tidak ada opsi lain tetapi akan mencari wang sendiri untuk menambah baik sejumlah 1,020 buah sekolah dan sejumlah 415 buah sekolah yang dalam kategori sangat kritikal dan usang, demi keselamatan seramai 436 ribu anak-anak kita orang Malaysia, di Sarawak, Bumi Kenyalang. Tuan Yang di-

Pertua, saya merasa sangat sedih dan *pray to God Almighty* perkara seperti ini tidak lagi berlaku. Perkara seperti ini memang tidak sihat untuk negara kita. Jikalau projek ECRL...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat...

Datuk Paul Igai: ...Yang sudah ditangguhkan berapa bulan lalu dan dapat dilaksanakan pula, kenapa projek membaiki sekolah usang yang hanya menelan belanja kurang dari *1 percent* daripada kos projek ECRL. *It's not too late...*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup untuk Yang Berhormat. Rumuskan dalam seminit?

Datuk Paul Igai: Boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Sebentar Yang Berhormat, saya hendak tukar giliran.

Datuk Paul Igai: Okey.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, sila sambung.

Datuk Paul Igai: Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya mintalah, saya mencadangkan kepada Kementerian Pendidikan dan Kerajaan PH, ambil kesempatan pada masa Hari Gawai ini untuk mengumumkan kembali *approval contract* RM1 bilion ini demi untuk rakyat Malaysia dalam Malaysia baharu. Dengan ini dan sebelum saya duduk, saya- di mana itu tadi ya?

Timbalan Yang di-Pertua: Terus, teruskan.

Datuk Paul Igai: Okey. Saya reka satu pantun ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Bagus, silakan.

Datuk Paul Igai: ...

*Pergi berburu sampai sempadan;
Dapat kancil badan berjalur;
Biar carik baju di badan;
Asalkan hati bersih dan jujur.*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Datuk Paul Igai: Dengan itu saya menyokong penuh Titah Diraja. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik, terima kasih. Itu lazimnya pantun dibuat oleh orang yang beriman itu. Ya, terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat- tadi Yang Berhormat Datuk Senator Datuk Paul Igai, *now*, saya jemput pula Yang Berhormat Senator Datuk Ir. Yong Wui Chung, sila.

4.03 ptg.

Datuk Ir. Yong Wui Chung: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kerana diberikan kesempatan untuk membahaskan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ketika berucap dalam sesi Parlimen Penggal Kedua kali ini. Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong merangkumi pelbagai aspek yang boleh dijadikan asas penyertaan pandangan Baginda terhadap pengurusan dan pentadbiran negara. Saya akan menyentuh beberapa isu yang dibangkitkan.

Perkara yang pertama, adalah dengan berkenaan soal peningkatan kos sara hidup. Kita tahu di merata-rata tempat dan di mana-mana kita berada, masyarakat ataupun golongan B40 berhadapan dengan soal peningkatan kos sara hidup yang tidak dapat diatasi setakat ini.

Justeru itu, kita berharap dengan langkah-langkah yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk mengurangkan kos sara hidup dalam kalangan masyarakat bawahan seperti meningkatkan kesejahteraan rakyat dengan menubuhkan Majlis Tindakan Sara Hidup Negara adalah satu perkara yang amat kita sokong dan kita perlu dukung bersama. Hal ini kerana dengan adanya majlis ini kerajaan akan memperkukuhkan inisiatif-inisiatif yang akan dilaksanakan seperti kerjasama strategik dengan sektor swasta dan badan bukan kerajaan. Cuma di sini, saya masih tidak nampak sebarang perjalanan positif hasil daripada penubuhan Majlis ini.

Mohon kementerian yang terlibat memberi pencerahan akan perkara ini. Di samping itu, berhubung perkara-perkara yang akan meningkatkan pendapat golongan masyarakat di luar bandar dan juga di separuh bandar, kerajaan akan menguatkuasakan ke atas pihak-pihak yang mengeksploitasi harga yang mengambil keuntungan berlebihan, kesan daripada perbelanjaan ataupun kesan daripada kenaikan harga bahan api dan sebagainya.

Kita menyokong penuh usaha-usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan seperti penyelarasan gaji minimum, pemberian Bantuan Sara Hidup, subsidi bersasar, program *Food Bank* serta peningkatan kualiti sistem penyampaian kerajaan yang sedang dilaksanakan sedang diatur oleh kerajaan. Langkah-langkah ini akan memberi kesan walaupun ia mengambil masa yang panjang tetapi saya yakin dan percaya ia akan boleh membantu dan mengangkat kedudukan kehidupan masyarakat yang terbaik.

Tuan Yang di-Pertua, kami di Sabah mengucapkan terima kasih kerana kerajaan telah membuka dan berusaha untuk melakukan perubahan dengan meminda Perkara 1(2), Perlembagaan Persekutuan untuk mengembalikan semula taraf semula rakyat Sabah dan Sarawak. Walaupun ia gagal diluluskan secara dua per tiga di Dewan Rakyat, ia menunjukkan

kesungguhan Kerajaan Persekutuan membetulkan apa yang terkhilaf sejak berpuluh-puluh tahun lamanya.

Walaupun begitu, saya secara peribadi bersetuju sekiranya cubaan pindaan Perkara 1(2) ini pada sesi Dewan Rakyat yang akan datang dibawa sekali pindaan-pindaan pelengkap dan lebih menyeluruh seperti pindaan Perkara 160 yang harus dipinda kerana ketika ini definisi 'Persekutuan' masih dinyatakan sebagai Persekutuan Tanah Melayu 1957. Ini harus diubah, agar ia selari dengan pindaan Perkara 1(2) tersebut dan barulah ia memberi kesan signifikan kepada Sabah dan Sarawak ke atas pindaan Perlembagaan yang dibuat.

Pada masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan daripada kerajaan, iaitu adakah selama ini pindaan Perkara 1(2) ini yang menjadi penghalang kepada Kerajaan Persekutuan untuk menunaikan obligasinya kepada Perjanjian Malaysia 1963 yang melibatkan isu-isu pembayaran 40 peratus cukai royalti minyak, hak-hak duti setem, autonomi pendidikan, kesihatan dan sebagainya kepada Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, saya dimaklumkan berkenaan jawapan Yang Berhormat Menteri Kerja Raya semasa sesi sidang Dewan Rakyat baru-baru ini berkenaan status kemajuan projek Lebuhraya *Pan Borneo* iaitu Sarawak adalah lebih kurang 38 peratus manakala bagi Sabah pula hanya lebih kurang 13 peratus saja. Seperti yang diketahui, lebuhraya ini telah dimulakan pada tahun 2016 dan dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2021, ini boleh disemak di laman *website* Sabah *Pan Borneo*.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat Sabah dan Sarawak telah lama mengimpikan lebuhraya yang sehebat, secantik dan sebaik Semenanjung seperti yang dibangkitkan tadi oleh Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai. Bila mana orang Sabah atau Sarawak ke Semenanjung, mesti perkara yang akan mereka kagumi adalah kondisi jalan raya yang baik, lebuhraya yang besar dan mereka selalu mengidamkan fikirannya jalan raya seperti ini dapat dibina di tempat kami.

Apabila kerajaan dahulu mengumumkan akan membina Lebuhraya *Pan Borneo* di Sabah yang panjangnya 706 kilometer, rakyat Sabah gembira dan boleh membayangkan lebuhraya ini bakal mengubah landskap pembangunan dan jaringan perhubungan di seluruh negeri.

■1610

Akan tetapi malangnya, dengan kemajuan lebih kurang hanya 13 peratus, ini satu perkara yang menyedihkan khususnya bagi rakyat Sabah dan seolah-olah impian mereka mendapatkan lebuhraya yang sebaik Semenanjung masih jauh.

Sehubungan dengan itu, saya mahu penjelasan daripada kementerian iaitu yang pertama, apakah tarikh jangkaan siap projek lebuh raya ini bagi sektor Sabah akan berubah dan bilakah jangkaan siap sepenuhnya keseluruhan projek?

Kedua, adakah kemajuan projek bagi sektor Sabah setakat ini 13 peratus mengikut jadual atau telah terlewat? Punca masalah kelewatan dan tindakan yang telah diambil?

Ketiga, memandangkan pelan kerajaan untuk menukar kaedah daripada *Project Delivery Partner* (PDP) kepada *turnkey contractor* atau ada kaedah lain bagi pelaksanaan projek ini. Adakah kemungkinan *work package contractor* akan ditukar atau dihentikan?

Soalan saya yang keempat, apakah kesannya kepada kerajaan jika berlaku penamatan syarikat iaitu dari segi tuntutan ganti rugi daripada pihak PDP dan juga kesan kepada kelewatan peningkatan kos. Bagaimana pula dengan pekerjaan di mana pada masa ini dianggarkan 70,000 pekerjaan daripada pembinaan *Pan Borneo Highway* ini. Saya mohon juga perbezaan kos akibat kelewatan ini secara terperinci.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan kerana mengambil langkah untuk menghapuskan penggunaan asas Berat Dengan Muatan (BDM) bagi mengira fi lesen kenderaan motor. Kenderaan perdagangan di negeri Sabah. Sebagai ganti mulai 1 April, kriteria bagi pengiraan fi lesen kenderaan motor akan menggunakan kriteria Berat Tanpa Muatan (BTM). Cara pengiraan fi menggunakan BDM sememangnya membebankan rakyat jelata dan pengiraan fi menggunakan BTM adalah lebih baik.

Sebagai contoh, bagi lori penggerak utama kontena, walaupun dengan berat yang sama kalau menggunakan cara BDM, fi lesen kenderaan motor adalah RM2,478. Akan tetapi kalau guna cara BTM, fi lesen kenderaan motor hanya RM718. Hal ini adalah perbezaan yang agak besar dan rakyat jelata terutamanya yang terlibat dalam industri pengangkutan perdagangan sudah tentu dapat menikmati hasil simpanan. Cuma saya ingin mengingatkan kepada mereka yang berkenaan di Sabah, apabila dasar baharu ini dilaksanakan dan kos mereka telah turun, sepatutnya ia diterjemahkan kepada pengurangan harga barangan bagi rakyat di Sabah. Jangan apabila mahu menaikkan harga, mudah sahaja bagi alasan kerana kos-kos tertentu meningkat tetapi apabila mahu menurunkan harga barangan, beribu alasan yang diberikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan isu berkenaan kualiti jalan raya di Sabah yang berbeza dengan Semenanjung. Ini boleh dibuktikan dengan Berat Dalam Muatan (BDM) maksimum yang dibenarkan di jalan raya Sabah sangat berbeza dengan Semenanjung iaitu hanya 38 tan berbanding 53 tan.

Perbezaan ini menunjukkan kapasiti bawaan jambatan dan jalan raya di sini, Sabah lebih rendah dan mungkin juga kualiti yang kurang baik. Kualiti rendah ini mengakibatkan rakyat Sabah terutama dalam bidang perniagaan terpaksa berdepan masalah kos penyelenggaraan lori dan kos operasi meninggi.

Dengan perbezaan berat muatan ini juga, trip lori untuk membawa muatan juga terhad. Sekali gus meningkatkan kos kepada peniaga yang terpaksa mengambil trip yang lebih bagi mendapatkan satu atau menghantar barangan mereka. Sehubungan dengan itu, saya mohon Kementerian Kerja Raya dan Kementerian Pengangkutan memberikan penjelasan berkenaan perkara ini. Adakah kementerian bercadang untuk meningkatkan kualiti jalan raya di Sabah sama taraf dengan jalan raya di Semenanjung.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya ialah mengenai isu potongan bajet kementerian bagi tujuan kawalan keselamatan dan pekerja pembersihan di sekolah-sekolah seluruh negara yang menjejaskan bukan sahaja ribuan pekerja malahan meningkatkan risiko keselamatan anak murid dan menjejaskan pembersihan di sekolah.

Contohnya untuk sesebuah sekolah di Sabah. Saya telah dimaklumkan bahawa syif pengawal keselamatan telah ditambah sebanyak tiga kali daripada dua kali. Akan tetapi setiap syif tersebut telah dihadkan daripada 12 jam satu syif kepada lapan jam sahaja. Tindakan ini akan menjejaskan pendapatan pengawal keselamatan kerana mereka tidak boleh menuntut pekerjaan lebih masa (OT) kerana jumlah waktu bekerja mereka telah dikurangkan. Dengan ini juga, setiap syif tersebut hanya mempunyai seorang sahaja pengawal keselamatan yang tidak mencukupi untuk sekolah tersebut yang merupakan saiz besar.

Manakala bagi pekerja pembersihan pula, jumlah bilangan pekerja pembersihan di setiap sekolah telah dikurangkan dengan ketara sekali dan ramai daripada mereka yang telah dibuang begitu sahaja. Saya ambil contoh sebuah sekolah di Sabah yang pelajarannya berjumlah lebih kurang 2000 orang. Sebelum ini terdapat 12 orang pekerja pembersihan di sekolah tersebut. Sekarang telah pun dikurangkan kepada empat orang sahaja. Dengan saiz sekolah sebesar ini, bagaimana mereka ingin memastikan kebersihan keseluruhan sekolah dapat dijaga dengan sebaiknya?

Ini satu perkara yang pada pendapat saya tidak adil kepada bukan sahaja kepada pekerja ini yang tergolong daripada miskin B40 yang harus dibantu kerajaan malah tidak adil kepada pelajar dan guru-guru di sekolah tersebut. Oleh yang demikian, KPM dan juga MOF perlu segera mencari penyelesaian kerana ia boleh memberikan kesan moral yang tidak baik kepada ibu bapa, murid-murid dan juga guru-guru.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Tuanku ada menyentuh mengenai kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Negara kita telah mengalami fenomena gelombang haba. Cuaca ekstrem yang dialami ini diakibatkan perubahan iklim. Para saintis kajian iklim memberi amaran terakhir bahawa bumi kita cuma ada masa sekitar 12 tahun sahaja lagi untuk mengekalkan pemanasan global pada tahap kenaikan satu suhu maksimum sebanyak 1.5 darjah celsius berbanding sebelum zaman perindustrian.

Amaran ini terkandung di dalam Laporan Panel Antara Kerajaan Tentang Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang diterbitkan pada 8 Oktober 2018. Laporan tersebut juga memberi peringatan bahawa kenaikan suhu lebih daripada 1.5 darjah celsius ataupun lebih 0.5 darjah celsius sahaja lagi akan memburukkan risiko bencana alam seperti kemarau, banjir dan gelombang haba.

Sehubungan dengan itu, saya ingin tahu apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan dalam kerangka memenuhi komitmen Malaysia di bawah Perjanjian Paris. Ini di mana menjelang tahun 2030, intensiti pelepasan karbon dikurangkan sebanyak 45 peratus berbanding tahap pelepasan karbon bagi tahun 2005.

Saya juga ingin tahu, apakah status terkini pelaksanaan langkah-langkah tersebut? Berapakah pula jumlah bantuan kewangan dan bentuk bantuan pertukaran teknologi yang diterima Malaysia daripada negara-negara maju dalam membantu mengurangkan pelepasan karbon dan memenuhi komitmen negara di bawah Perjanjian Paris.

■1620

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia negara kami adalah salah satu daripada 12 negara mega diversiti dalam dunia. Kepelbagaian alam flora dan fauna dan bermacam-macam jenis spesies haiwan yang jarang dijumpai dan masih belum dikenal pasti juga terdapat di sini. Malangnya daripada 12 negara tersebut, saya dimaklumkan hanya negara kita yang tidak memiliki muzium alam semula jadi. Malah negara yang tidak mendapat pengiktirafan dan tidak memiliki kekayaan biodiversiti seperti kita, mereka memiliki muzium alam semula jadi.

Apa yang lebih menyedihkan, banyak spesimen dari negara kita yang merangkumi spesimen haiwan dan tumbuhan dan pelbagai lagi spesimen telah banyak dijual dan diambil oleh negara-negara lain. Contoh yang terdekat adalah di muzium Singapura. Adakah kita tidak menyimpan sebarang perasaan sedih akan situasi ini? Kita seolah-olah mensia-siakan peluang yang terbuka luas untuk memperkenalkan produk pelancongan kepada pelancong antarabangsa yang sememangnya berminat untuk mengetahui dengan lebih dekat kekayaan biodiversiti yang kita miliki.

Oleh yang demikian, saya ingin bertanya kepada kerajaan iaitu pihak Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, EPU dan MOF, bilakah muzium alam semula jadi pertama negara kita akan dibina? Adakah kerajaan bersedia memberikan peruntukkan kepada agensi seperti Jabatan Muzium Negara untuk mempercepatkan proses pembinaan muzium ini agar kita dapat menyelamatkan beratus-ratus mungkin juga beribu-ribu spesimen negara daripada terlepas kepada negara luar dan juga dapat mengguna pakai sepenuhnya tenaga pakar atau mahir di dalam bidang ini yang sememangnya menunggu sekian lama untuk berbakti dengan wujudnya muzium ini kelak.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan Sabah dan Sarawak yang terletak di Borneo terkenal dan kaya dengan biodiversiti yang menjadi antara tarikan pelancong asing. Saya ingin mencadangkan agar muzium alam semula jadi ini dibina di sini dan saya mohon respons kementerian akan cadangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kerana memberikan saya peluang menyertai perbahasan usul menjunjung kasih di atas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya dengan ini mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Ir. Yong Wui Chung. Terima kasih, ya.

Sekarang saya menjemput pula Yang Berhormat Senator Datuk Donald Peter Mojuntin. Silakan.

4.23 ptg.

Datuk Donald Peter Mojuntin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan untuk turut serta berbahas dalam usul menjunjung kasih terhadap Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sesungguhnya Titah Diraja Baginda telah menyentuh perkara-perkara yang amat dekat dengan hati rakyat dan amat penting kepada satu negara yang sedang maju seperti Malaysia.

Perkara yang menyentuh isu seperti kemantapan ekonomi, kepentingan sistem demokrasi, pembangunan generasi muda sebagai pemangkin dan pelapis yang akan membawa negara kita ke puncak kejayaan yang lebih tinggi lagi, kepentingan toleransi di kalangan rakyat pelbagai kaum dan usaha berterusan untuk mengutamakan kepentingan rakyat di negara kita.

Baginda juga menyentuh mengenai dengan kepentingan Perlembagaan Persekutuan negara. Perlembagaan adalah undang-undang yang fundamental dalam negara yang demokrasi seperti Malaysia yang menentukan kerajaan akan melindungi hak-hak asasi kita sebagai rakyat

dan memastikan wujudnya sistem *check* dan *balance* dengan izin di antara eksekutif, legislatif dan kehakiman dalam Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi rakyat di Sabah dan Sarawak, Perlembagaan juga amat penting bagi menentu statusnya dalam Persekutuan Malaysia. Itulah sebabnya rakyat di Sabah dan Sarawak amat terkejut apabila Rang Undang-undang Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) 2019 ditolak akibat tidak mendapat sokongan mencukupi daripada Ahli-ahli Dewan Rakyat pada 9 April 2019. Rang undang-undang tersebut adalah untuk mengembalikan status negeri-negeri Borneo, Sabah dan Sarawak sebagai rakan sekutu negeri-negeri Tanah Melayu seperti yang termaktub dalam Perjanjian Malaysia 1963 atau MA63 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri untuk bacaan kali kedua.

Tuan Yang di-Pertua, kita berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kerajaan Persekutuan atas usaha dan pembentangan rang undang-undang tersebut. Dalam masa yang sama rakyat di Sabah dan Sarawak berharap bahawa perkara ini tidak berakhir sebegitu sahaja. Mereka masih memegang harapan yang besar bahawa kerajaan persekutuan akan menepati janjinya dengan terus berusaha untuk memastikan rang undang-undang tersebut dapat dibentangkan kembali di Dewan Rakyat. Adalah sangat diharapkan ini akan berlaku selepas Jawatankuasa Khas Kabinet untuk menyemak pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 siap dengan perbincangan dan kajiannya yang dijangka pada bulan Jun tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan rendah hati menganggap kegagalan untuk mendapat sokongan 2/3 di Dewan Rakyat bukannya berpunca dari perbezaan ideologi fundamental politik. Ia gagal kerana perbezaan penggunaan ayat atau semantik, definisi, proses atau prosedur dan besar kemungkinan juga atas sebab persefahaman dan komunikasi yang tidak mencukupi di antara ahli-ahli politik berkenaan, sama ada dalam kerajaan atau pembangkang. Walaupun demikian, kita harus sedar bahawa selain daripada 59 orang Ahli-ahli Dewan Rakyat yang mengecualikan diri, tiada yang menolak rang undang-undang tersebut.

Sebagai seorang anak watan Sabah, saya amat berharap Jawatankuasa Khas Kabinet untuk menyemak pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 akan mengambil inisiatif untuk terus berunding dan berbincang dengan *stakeholders* khususnya kerajaan Sabah dan Sarawak dalam memastikan impian rakyat majmuk di Sabah dan Sarawak akan direalisasikan. Malah dalam persidangan Dewan Undangan Negeri Sabah baru-baru ini pada 18 April 2019, usul untuk mengendors cadangan pindaan Fasal 2, Perkara 1, Perlembagaan Persekutuan untuk mengembalikan status Sabah sebagai *equal partner* dalam persekutuan Malaysia telah

mendapat sokongan padu dan sebulat suara, dengan harapan besar pindaan tersebut di bentang kembali di Dewan Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, sudah tiba masanya untuk menghentikan retorik politik, salah menyalah serta tuduh menuduh mengenai kegagalan rang undang-undang tersebut untuk mendapat sokongan yang mencukupi. Jika semua pihak ikhlas dalam mengembalikan status negeri-negeri Borneo, Sabah dan Sarawak seperti yang dimaksudkan dan termaktub dalam Perjanjian Malaysia 1963, proses perbincangan seharusnya diteruskan dengan melibatkan semua pihak berkenaan.

■1630

Tuan Yang di-Pertua, proses bagi Sabah dan Sarawak untuk mendapatkan *equal partnership* secara komprehensifnya akan mengambil masa. Mungkin juga akan melibatkan banyak *complexities*, dengan izin, serta pembentangan beberapa lagi rang undang-undang yang berkenaan. Mungkin *equal partnership* boleh juga bermakna *equitable partnership* atau *fair partnership*, dengan izin.

Ini semua bergantung pada perbincangan, keterbukaan hati, keikhlasan dalam menepati objektif secara menang-menang atau *win-win* dengan mengelak dari mempolitikkan perkara yang amat penting ini. Apa yang jelas adalah pindaan Fasal 2, Perkara 1, Perlembagaan Persekutuan adalah langkah genting yang pertama.

Kepada Ahli-ahli Dewan Rakyat yang telah mengecualikan diri dari menyokong rang undang-undang tersebut, mereka harus mengambil inisiatif untuk menggubal versi yang mempunyai ayat, definisi dan proses yang mereka fikir boleh diterima dan selepas itu bolehlah dikemukakan kepada Jawatankuasa Khas Kabinet tersebut bagi pertimbangan sewajarnya dan perbincangan selanjutnya.

Saya amat percaya Kerajaan Persekutuan PH ini akan menepati teras keempat manifestonya dalam PRU14 iaitu mengenai komitmennya untuk mengembalikan status Sabah dan Sarawak berteraskan MA63. Jika ia tidak dilaksanakan, maka kredibiliti kerajaan akan terjejas di mata dan hati rakyat, khususnya rakyat Malaysia di Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, Sabah bakal menjadi pengeluar minyak dan gas terbesar di negara ini. Pendapatan daripada minyak dan gas melalui Petronas adalah penyumbang utama kepada pendapatan negara. Kenapa pula pendapatan per kapita atau GDP Sabah pada tahun 2017 adalah keempat terendah di Malaysia? Erti kata lain, Sabah yang ke-12 daripada 15 buah negeri dan wilayah. GDP Sabah hanyalah RM23,979 berbanding GDP negara yang berjumlah RM42,228.

Tuan Yang di-Pertua, daripada segi purata pendapatan isi rumah, Sabah juga antara yang terendah di Malaysia. Sabah nombor 12 juga daripada 15 negeri-negeri dan wilayah. Purata pendapatan isi rumah Sabah RM5,354 berbanding dengan purata pendapatan isi rumah negara berjumlah RM6,958.

Dalam peratusan kadar kemiskinan pula, Sabah adalah tertinggi dalam negara iaitu 2.9 peratus, berbanding dengan 0.4 peratus bagi negara kita. Kewajipan-kewajipan yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan seperti membayar 40 peratus pendapatan bersih Kerajaan Persekutuan dari Sabah belum dilaksanakan. Janji untuk menaikkan royalti minyak daripada 5 peratus ke 20 peratus pun belum dilaksanakan.

Jumlah yang diperuntukkan kepada Sabah dalam Belanjawan 2019 adalah hanya RM5 bilion berbanding dengan jumlah Belanjawan Negara iaitu RM314.5 bilion. Selain daripada semua ini, masalah pendatang asing tanpa izin dan *stateless children*, dengan izin, belum lagi mendapat penyelesaian yang tuntas. Tambahan pula Tuan Yang di-Pertua, masih lagi ada anak watan-anak watan Sabah yang belum mendapat taraf kewarganegaraan Malaysia kerana dilahirkan di luar negara semasa ibu bapa mereka bekerja di sana sebelum Malaysia dibentuk pada tahun 1963, sehingga sekarang mereka masih memegang IC merah atau MyPR.

Lebih sedih lagi, masih terdapat ramai rakyat tulen Sabah yang tidak mempunyai taraf kewarganegaraan Malaysia kerana kelahiran mereka tidak didaftarkan dalam sistem Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) akibat masalah geografi dan jarak tempat mereka tinggal amat jauh daripada pejabat JPN atau pejabat-pejabat berkenaan serta akibat masalah kemiskinan dan kejahilan ibu bapa mereka mengenai undang-undang berkenaan dengan pendaftaran kelahiran anak mereka.

Tuan Yang di-Pertua, semua yang disebutkan tadi adalah hanya sebahagian daripada sebab-sebab mengapa rakyat di Sabah tidak puas hati, merasa terpinggir, marah dan tidak dipedulikan melainkan masa-masa yang berdekatan dengan pilihan raya. Tuan Yang di-Pertua, ternyata dan adalah satu fakta, Sabah dan Sarawak bersetuju membentuk Malaysia dengan Persekutuan Malaya kerana mahukan pembangunan setaraf dengan apa yang mereka nampak di Semenanjung Malaysia.

Tidak dapat dinafikan juga bahawa sejak pembentukan Malaysia 56 tahun yang lalu, sudah banyak perubahan dan pembangunan di Sabah. Namun, apabila dibandingkan pula dengan negeri-negeri dan wilayah yang lain, pencapaian pembangunan di Sabah bukan sahaja berkurangan, malah semakin jauh jurangnya berbanding dengan Semenanjung.

Oleh itu, persoalannya kepada Kerajaan Persekutuan adalah apakah rancangan-rancangan ataupun langkah-langkah terkini untuk merapatkan jurang di dalam semua aspek? Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menggulung, saya juga mengambil kesempatan di sini untuk mengalu-alukan usaha kerajaan Sabah yang bertungkus-lumus untuk menarik pelabur-pelabur asing bagi menjana ekonomi Sabah dan memastikan lebih lagi peluang pekerjaan kepada rakyat Sabah. Sasaran usaha ini adalah untuk mempertingkatkan lagi sektor industri pembuatan daripada 7.2 peratus kepada sekurang-kurangnya 30 peratus. Namun, usaha ini terbantut akibat kos tinggi dari segi logistik, bekalan air, tenaga dan bahan mentah seperti gas.

Sebagai contoh, industri pembuatan Sabah memerlukan sumber tenaga daripada gas akan tetapi kos bahan ini adalah di bawah kuasa PETRONAS. Sabah sangat-sangat mengharapkan kerjasama dengan PETRONAS kerana syarikat besar ini berkeupayaan untuk merendahkan harga gas kepada pelabur asing dan kepada pengusaha-pengusaha sektor industri pembuatan di Sabah, secara amnya.

Malang sekali, kerjasama ini amat lambat untuk direalisasikan. Harga purata gas dunia adalah, dengan izin, USD2.88 iaitu RM11 hingga RM12 *per million standard cubic feet*. Walau demikian, PETRONAS menjual gas atau gas yang diperolehinya daripada perairan Sabah dengan harga di antara RM25 hingga RM30 *per million standard cubic feet*. Jika PETRONAS terus berbuat demikian, maka ini akan amat menyulitkan usaha Kerajaan Sabah untuk membangunkan sektor industri pembuatan. Sekali lagi Tuan Yang di-Pertua, Sabah bakal menjadi pengeluar minyak dan gas terbesar di Malaysia.

■1640

Sektor pertanian dan sektor pelancongannya juga antara penyumbang tertinggi kepada pendapatan negara. Mohon bantuan Kerajaan Persekutuan dalam semua perkara yang tersebut tadi, tolong jangan-lah mengabaikan keperluan rakyat dan pembangunan di Sabah.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk bertanya kepada Kementerian Kerja Raya, adakah rancangan untuk memasang *street lights* di sepanjang Lebuhraya *Pan Borneo* di Sabah dan Sarawak seperti yang disebutkan oleh sahabat saya Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sabah dan Sarawak tadi?

Saya bertanya demikian oleh kerana di beberapa bahagian Lebuhraya *Pan Borneo* yang telah pun siap dibina, keadaannya pada waktu malam sangat gelap. Oleh kerana ia mempunyai dua lorong, banyak pemandu memandu kenderaan mereka dengan begitu laju. Ini menyebabkan banyak kemalangan dengan ada yang melibatkan maut. Contohnya bahagian Lebuhraya *Pan*

Borneo di antara Pekan Donggongan, Daerah Penampang ke Lok Kawi, Daerah Putatan di Sabah. Harus disedari bahawa Lebuhraya *Pan Borneo* ini merentasi banyak kampung dan pekan.

Tuan Yang di-Pertua, di bahagian-bahagian yang sedang dibina pula terdapat banyak lencongan dengan *sharp corners*, dengan izin, atau selekoh yang sempit. Dalam keadaan gelap, ia sangat bahaya juga. Walaupun ada papan tanda, tetapi perlu lampu-lampu amaran dipasangkan di tempat-tempat sedemikian. Saya amat berharap kementerian akan mengambil perhatian atas semua ini dan seterusnya mengambil tindakan yang sewajarnya. Dengan kata-kata demikian Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat betul-betul telah berucap hampir 20 minit, terima kasih. Serupa juga dengan Yang Berhormat Senator Datuk Ir. Yong Wui Chung, terima kasih ya. Selama 20 minit, 20 minit.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Ir. Md. Nasir bin Hashim, dipersilakan.

4.42 ptg.

Ir. Md. Nasir bin Hashim: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan saya untuk membahaskan Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada Majlis Pembukaan Mesyuarat Sidang Parlimen Keempat Belas, Penggal Kedua, pada 11 Mac yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memanjangkan rasa syukur dan setinggi-tinggi tahniah di atas pelantikan Seri Paduka Baginda Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah menduduki takhta Yang di-Pertuan Agong Ke-16. Ucapan tahniah dan menjunjung setinggi-tinggi kasih juga di atas khidmat cemerlang Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Ke-15, Sultan Muhammad V. Semoga jasa baik Tuanku menjadi kepimpinan utama Persekutuan akan dikenang seluruh rakyat jelata dan diberkati serta dirahmati Ilahi.

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan adalah satu perkara yang paling penting di dalam negara kita, Malaysia dan ia menjadi fokus utama pelbagai kaum bagi mencapai pendidikan yang lebih baik. Dengan itu, ramai pada akhir-akhir ini di mana mereka mempertikaikan program kemasukan ke Kolej Matrikulasi Kementerian Pendidikan.

Pada dasarnya, Kementerian Pendidikan telah menetapkan 90 peratus tempat kepada bumiputera dan 10 peratus kepada bukan bumiputera mengikut sistem meritokrasi. Ini kerana bumiputera ini bukan sahaja terdiri daripada kaum Melayu, yang ini yang ramai orang terlupa.

Bila dipanggil “bumiputera” itu, mereka ingatkan bumiputera itu adalah Melayu tetapi sebenarnya bumiputera ini terdiri daripada kaum seperti Orang Asal dan lain-lain termasuk bumiputera dari Sabah dan Sarawak yang mana yang saya dapat tahu di Sabah ada lebih kurang 30 etnik, sementara di Sarawak ada 27 etnik peribumi. Ini termasuk dalam golongan bumiputera. Mungkin ini yang rakan-rakan Yang Berhormat dalam Dewan ini lupa. Oleh itu, saya berharap Yang Berhormat-Yang Berhormat mengkaji semula sebelum berjuang untuk kaum masing-masing sebab tak semuanya dibolot oleh orang-orang Melayu walaupun orang Melayu ini termasuk dalam kategori bumiputera.

Pada pendapat saya, dasar ini tidak perlu diubah bagi memastikan golongan bumiputera terus dapat menikmati peluang melanjutkan pengajian di peringkat pra universiti khususnya dalam bidang sains dan teknologi. Ini penting untuk membangunkan potensi pelajar bumiputera dalam bidang sains, teknologi dan profesional melalui pendidikan pra universiti yang berkualiti bagi melahirkan modal insan cemerlang. Pelajar bumiputera perlu menguasai pelbagai ilmu dan bidang selain dibantu dari segi kemahiran dalam bidang perniagaan serta keusahawanan.

Graduan bumiputera sukar untuk berjaya sekiranya tidak memiliki ilmu pengetahuan dan pengalaman kerana dua perkara ini yang akan membantu dalam memastikan sesuatu tindakan itu betul atau salah. Mereka perlu menguasai bidang ekonomi kerana penguasaan graduan dalam ekonomi negara terutama menerusi bidang keusahawanan dan perniagaan perlu dipertingkatkan supaya dapat bersaing dengan kaum-kaum yang lain. Sebagai kelompok penduduk majoriti, bumiputera tidak harus terpinggir daripada arus pembangunan dan adalah menjadi agenda kerajaan membantu membangunkan lagi ekonomi mereka.

Graduan bumiputera termasuk di Sabah dan Sarawak perlu bersaing dengan kaum-kaum lain untuk menguasai bidang ekonomi supaya dapat berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan rakan-rakan sebaya mereka daripada kaum-kaum lain. Graduan bumiputera perlu sedar betapa bilangan graduan pada hari ini terlalu ramai menyebabkan majikan mempunyai pilihan yang banyak. Kemahiran dalam keusahawanan perlu ada sebagai nilai tambah.

Pencapaian akademik semata-mata bukan lagi pengukur utama kerana rata-rata memperoleh keputusan cemerlang, jadi majikan selalu mencari calon yang mempunyai nilai tambah lain iaitu yang mempunyai kemahiran insaniah yang boleh diaplikasikan dalam kerja seharian. Oleh itu, saya menyokong pendirian Menteri Pendidikan, Dr. Maszlee bin Malik dalam kenyataannya sebelum ini yang mengekalkan pengambilan program matrikulasi dengan 90 peratus tempat dikhaskan kepada bumiputera dan 10 peratus kepada bukan bumiputera berdasarkan sistem meritokrasi.

Tuan Yang di-Pertua, tragedi pencemaran Sungai Kim Kim di Pasir Gudang adalah menunjukkan betapa tiada kesedaran tentang perlunya penjagaan alam sekitar di negara ini. Mengikut kenyataan Yang Berhormat Menteri MESTECC, Yang Berhormat Puan Yeo Bee Yin yang mendedahkan fakta ada terdapat 25 sungai yang dikategorikan sebagai sungai mati di Malaysia ini yang mana 16 sungai itu adalah terdapat di negeri Johor, lima di Selangor, tiga di Pulau Pinang dan satu di Melaka. Sungai-sungai ini dikategorikan sebagai Kelas 4 atau Kelas 5 iaitu pencemaran teruk dan tiada hidupan akuatik yang boleh hidup di dalamnya.

Kalau menurut Standard Kualiti Air Kebangsaan, sungai utama di Malaysia dibahagikan kepada tiga kategori iaitu sungai bersih, sungai sederhana tercemar atau yang tercemar. Sungai turut dibahagikan kepada enam kelas yang telah diuji kualitinya iaitu Kelas 1, Kelas 2A, Kelas 2B, Kelas 3, Kelas 4 dan Kelas 5.

•1650

Kualiti sungai ditentukan mulai 12 parameter seperti keperluan oksigen biokimia atau BOD dan ammonia nitrogen. Dalam hal ini penyumbang utama BOD yang tinggi adalah sampah-sarap manakala penyumbang utama ammonia nitrogen adalah najis binatang dan air kumbahan.

Seperti yang kita tahu tidak lama selepas isu Sungai Mati di Malaysia dibincangkan, negara digemparkan dengan kes pencemaran toksik di Sungai Kim Kim. Melainkan jika anda pernah menetap atau bertugas di Pasir Gudang, Johor, rata-rata rakyat Malaysia mengenali Sungai Kim Kim buat pertama kalinya pada 7 Mac 2019.

Ini ekoran laporan mengenai 103 orang pelajar dan penduduk sakit dan dimasukkan ke hospital akibat terhidu gas beracun. Selepas penyiasatan awal dibuat, pihak berkuasa mengenal pasti puncanya adalah daripada bahan kimia yang dibuang ke dalam Sungai Kim Kim. Pada 11 Mac 2019 pula gelombang kedua tindak balas gas beracun daripada bahan kimia di Sungai Kim Kim bermula. Kali ini seramai 106 mangsa baru dimasukkan ke hospital dengan jumlah mangsa mencecah 1,000 orang beberapa hari kemudian dan lapan daripadanya dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi.

Tragedi Sungai Kim Kim adalah unik kerana ia bermula dengan pencemaran air dan diikuti dengan pencemaran udara. Penduduk-penduduk di kawasan pesisiran persekitaran Sungai Kim Kim atau di kawasan Pasir Gudang ini tahu bahawa selama ini pembuangan sisa toksik ke Sungai Kim Kim dibuat di musim hujan tetapi kali ini pembuangan itu dibuat di musim panas itu, yang menyebabkan gas beracun ini berterbangan di udara dan menyebabkan kesesakan pernafasan kepada penduduk tempatan.

Oleh itu soalan saya, adakah pihak kementerian akan mengadakan kawasan khas untuk pembuangan sisa toksik di negeri Johor? Soalan kedua saya adakah Jabatan Alam Sekitar Johor sentiasa membuat penguatkuasaan ke atas kilang-kilang haram di Johor? Soalan saya ketiga apakah bahan-bahan kimia beracun yang telah dikenal pasti dan juga kesannya terhadap kesihatan?

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini kerajaan menawarkan kerja kontraktor dari Kelas G2 hingga G7 secara terbuka. Ini menjadikan masalah kepada kontraktor-kontraktor bumiputera untuk mendapat kontrak baharu kerana kontraktor bumiputera belum cukup berpengalaman selain tidak mempunyai kakitangan seperti jurutera, juruukur bahan, pengurus projek dan juga peralatan serta jentera yang mencukupi.

Kebanyakan kontraktor Bumiputera masih lagi menyewa mesin dan juga jentera-jentera pembinaan. Kebanyakan kontraktor bumiputera belum begitu lama menceburi bidang pembinaan sebab itu mereka masih di peringkat mencuba dan mereka belum betul-betul mahir dalam selok-belok kontrak. Soalan saya, apakah tindakan Kementerian Kerja Raya akan terus memberi latihan atau seminar kepada kontraktor-kontraktor berkenaan? Soalan yang kedua, adakah Kementerian Kerja Raya dan lain-lain jabatan akan menawarkan tender secara terhad kepada bumiputera?

Tuan Yang di-Pertua, perumahan. Perumahan adalah masalah yang agak begitu runcing di negeri Johor terutama sekali di kawasan Iskandar Malaysia. Masih ada rakyat yang tinggal di tempat-tempat *bus stand* dan juga di bawah kolong pangsapuri. Walaupun mereka mendapat bantuan dari Baitulmal dan JKM tetapi tiada rumah untuk menempatkan mereka.

Begitu juga dengan gelandangan di pusat Bandaraya Johor Bahru. Ini kerana sewa rumah di Johor Bahru adalah terlampau tinggi, kos kehidupan pun tinggi juga. Oleh itu saya ingin mengetahui dari KPKT adakah kementerian ada bercadang untuk membina pangsapuri kos murah yang boleh disewa dalam lingkungan di bawah RM150 sebulan atau yang boleh dibeli terutama yang berharga di bawah RM80,000.00.

Tuan Yang di-Pertua, pihak *Iskandar Regional Development Authority* sedang berusaha untuk menerajui rancangan karbon rendah di Bandaraya Johor Bahru. Langkah pertama ialah dengan memperkenalkan *Iskandar Malaysia Bus Rapid Transit*. Dijangkakan program *Iskandar Malaysia Bus Rapid Transit* ini akan terlaksana sebelum Julai 2020. *Iskandar Malaysia Bus Rapid Transit* ini adalah satu sistem pengangkutan awam menggunakan bas.

Sistem ini telah dilaksanakan dan dicontohi daripada sistem *bus rapid transit* di Guangzhou, China. Model yang serupa akan diikuti di Bandaraya Johor Bahru cuma yang

menjadi masalah kepada pelaksanaan ini ialah apabila dilaksanakan nanti ialah Johor Bahru ini kawasannya cuacanya adalah panas sementara di Guangzhou adalah sejuk dan berangin. Ini menjadikan orang tidak begitu suka berjalan ke stesen-stesen BRT yang saya *expect* nanti bila dilaksanakan untuk menaiki bas BRT kerana dalam keadaan panas mereka akan cepat berpeluh dan ketiak mereka pula akan berbau. Ini adalah masalah pengangkutan awam di Malaysia.

Ini berbeza dengan di Guangzhou yang mana memang cuacanya sejuk dan berangin dan apabila kita naik bas walaupun begitu ramai, padat dalam bas pun tidak adalah bau yang tidak enak ketika berada dalam bas itu. Jadi persoalan saya, ingin saya tanyakan kepada Kementerian Pengangkutan adalah adakah Kementerian Pengangkutan akan memastikan bas-bas Iskandar Malaysia BRT nanti hanya menggunakan tenaga elektrik. Ini bagi memastikan ia adalah menepati karbon rendah yang akan pihak IRDA cadangkan di Bandaraya Johor Bahru.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin merakamkan rasa kesal saya di atas sebahagian kecil kakitangan kerajaan yang menjadi duri dalam daging dengan menghamburkan kata-kata kesat di dalam FB dan juga *WhatsApp* malahan ada yang '*membabikan*' pemimpin-pemimpin ini termasuk juga Menteri-menteri. Bagi saya, kita boleh berbeza pendapat tetapi kita kena mengekalkan perpaduan, keharmonian dan tujuan utama kita adalah untuk menjadikan negara kita ini sebuah negara yang maju dan makmur.

Kalau kita tidak boleh menerima pendapat orang lain dan kita menganggap bahawa pendapat kita sahaja yang betul, bagaimana kita ingin membawa negara ini ke tahap yang lebih maju. Adakah kita lebih suka untuk melihat negara ini terperosok lebih jauh ke bawah lagi kerana gara-gara pemimpin yang ada sekarang bukan pilihan kita. Saya fikir sudah sampai masanya kementerian-kementerian memanggil mereka ini yang suka memaki hamun tidak tentu fasal dan menyemaikan perasaan benci kepada negara untuk diberi amaran yang sepatutnya.

Sekian sahaja Tuan Yang di-Pertua dan saya sudahi ucapan dengan *wassalamualaikum* dan saya dengan ini menyokong Usul Menjunjung kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Senator Ir. Md. Nasir bin Hashim. Dipersilakan Yang Berhormat Senator.

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat sukacita dimaklumkan bahawa bersama-sama kita di Dewan yang mulia ini ialah tetamu dari Persatuan Sahabat Buku Malaysia (PSBM), dan *United Nations International for Multilateralism and Diplomacy for Peace or 'San' Peace Malaysia*, bersama-sama delegasi daripada *Hiroshima*

House, Japan- arigatou-gozaimasu, dan juga delegasi Cambodia- akun. Welcome to Malaysia... [Tepuk]

■1700

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. *Welcome*. Terima kasih, selamat datang ya. Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee. Dipersilakan.

5.00 ptg.

Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee: Selamat sejahtera Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara. Saya mohon untuk menyokong usul menjunjung kasih ke atas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Terlebih dahulu saya ingin mengambil peluang untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk menyertai perbahasan ke atas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sempena pembukaan rasmi Penggal Kedua, Parlimen Keempat Belas.

Saya berterima kasih atas ruang pembahasan ini untuk mengutarakan pandangan serta beberapa isu yang penting yang perlu diberikan perhatian demi kepentingan rakyat dan negara. Saya amat berbangga dan bersetuju dengan inti pati Titah Diraja yang merangkumi semua aspek penting masyarakat dan negara dengan secara menyeluruh dan prihatin. Semoga saranan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong diterima baik dan difahami oleh semua pihak dan berusaha secara bersama untuk membawa perkembangan dan kemajuan yang diharapkan oleh rakyat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, isu pertama yang ingin saya membangkitkan pada hari ini adalah tentang isu projek rumah terbengkalai atau projek sakit di seluruh negara dan negeri. Isu projek rumah terbengkalai bukan cerita baru malah di kebelakangan ini berlaku sahaja bertahun-tahun lalu. Projek rumah terbengkalai bukan sahaja berlaku pada projek rumah mahal malahan ini juga berlaku pada projek rumah kos rendah atau rumah mampu milik. Hari ini saya ingin membangkitkan beberapa contoh projek rumah kos rendah atau projek sakit terbengkalai di negeri Johor. Antaranya rumah kos rendah Taman Desa Kempas, Johor Bahru. Nombor dua, rumah mampu milik Taman Setia Indah, Johor Bahru. Nombor tiga rumah kos rendah Taman Seri Molek Perdana, Johor Bahru. Nombor empat, Rumah Pangsa Mawar- Johor Bahru.

Keempat-empat projek ini telah terbengkalai daripada 10 tahun hingga 15 tahun. Sehingga kini masih tiada cara untuk menyelesaikan dan yang menjadi mangsa adalah pembeli-pembeli rumah tersebut. Bayaran bulanan sentiasa dilunaskan. Namun, rumah yang dibeli gagal dimiliki sehingga hari ini. Wang sudah beribu-ribu habis. Bergolok-bergadai semata-mata mahu memiliki rumah sendiri dan sudah terpaksa menyewa rumah lagi. Duit gaji habis begitu sahaja setiap bulan.

Apatah lagi dengan kos sara hidup tinggi ketika ini terpaksa ikat perut. Itu antara luahan pembeli rumah apabila rumah yang sepatutnya sudah boleh diduduki tetapi masih belum disiapkan. Usahakan bumbung rumah sudah boleh nampak, satu batu pun belum disusun. Kegagalan pihak pembeli membuat bayaran balik pinjaman akan menyebabkan pihak bank memulakan tindakan undang-undang ke atas mereka dan seterusnya memungkinkan nama mereka di senarai hitam dan lebih teruk di *sue* bankrap oleh pihak bank.

Kes projek perumahan terbengkalai dan projek sakit di Malaysia telah menyebabkan kerugian yang besar kepada individu dan ekonomi negara secara keseluruhannya. Saya berharap pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dapat mengambil perhatian terhadap masalah ini. Usaha menyelamatkan projek sakit ini patut diambil dengan kadar yang segera.

Selain itu, tindakan pendakwaan dan kompaun yang lebih serius perlu diambil ke atas pemaju-pemaju yang terlibat. Disebabkan masalah projek terbengkalai dan projek sakit, pembeli rumah khususnya para pembeli rumah kos rendah telah mengalami kesusahan hidup berpuluh-puluh tahun. Di sini saya ingin tanya pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Di seluruh Malaysia berapa jumlah projek terbengkalai dan projek sakit setakat ini? Apakah langkah-langkah telah diambil untuk menyelesaikan masalah projek sakit itu?

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini telah berlaku satu kejadian yang cukup memalukan kita semua, di laluan kedua *Singapore* ke Malaysia. Disebabkan kesesakan lalu lintas yang begitu teruk pada 18 Mac 2019, ramai pelancong dari luar negeri telah tersangkut di jambatan laluan kedua. Terdapat beberapa orang pelancong telah turun bas persiaran menari di tepi jalan. Kejadian ini telah disebar ke seluruh dunia.

Kesesakan serupa ini bukan sahaja berlaku di laluan kedua malah juga berlaku setiap hari di Tambak Johor. Setiap hari terdapat lebih daripada 300,000 orang ke 400,000 orang Malaysia melalui Tambak Johor dan laluan kedua pergi ke *Singapore* untuk bekerja, belajar dan berniaga. Sebaliknya juga terdapat ramai pelancong dan peniaga menggunakan kedua-dua laluan tersebut masuk ke Malaysia melancong dan meniaga. Kesesakan lalu lintas di Tambak Johor dan laluan

kedua telah membebankan dan menyusahkan golongan tersebut. Masalah ini perlu diselesaikan dengan segera demi kebaikan rakyat dan imej negara.

Yang Berhormat Exco Kerajaan Negeri Johor dan beberapa orang wakil rakyat telah beberapa kali melawat ke Tambak Johor dan laluan kedua untuk menyelesaikan masalah tersebut tetapi dukacitanya mereka telah gagal mengatasi masalah tersebut. Baru-baru ini Yang Berhormat Exco Kerajaan Negeri Johor telah mengaku bahawa beliau tidak mampu menyelesaikan masalah tersebut dan perlukan pertolongan daripada Kerajaan Pusat.

■1710

Sehubungan dengan itu, saya berharap agar kementerian yang berkenaan menghulurkan bantuan yang sewajarnya untuk menyelesaikan masalah tersebut demi kepentingan negara dan rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, pada bulan Mac yang lalu, kejadian pencemaran toksik di Sungai Kim Kim telah memeranjatkan seluruh rakyat Malaysia. Kejadian tersebut telah mengakibatkan sejumlah 111 buah sekolah diarahkan tutup demi keselamatan pelajar dengan jumlah mangsa juga hampir seramai 3,000 orang. Kes Sungai Kim Kim adalah kes yang penting untuk dinilai daripada aspek penguatkuasaan dan perlindungan alam sekitar.

Hampir sejumlah 10 sungai utama di Malaysia telah tercemar kerana tidak ada penguatkuasaan berkesan terhadap aktiviti pencemaran. Ini adalah faktor penting yang menyebabkan pencemaran oleh pesalah. Sama ada kilang haram atau ahli masyarakat yang lain terus menerus menggunakan sungai sebagai tong sampah mereka. Hal ini akan terus menyumbang kepada meningkatkan sungai tercemar dan sungai mati di negara kita.

Menurut Yang Berhormat Menteri Puan Yeo Bee Yin, Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, terdapat sejumlah 25 sungai mati di Malaysia. Sejumlah 16 sungai tersebut berada di Johor, lima di Selangor, tiga di Pulau Pinang dan satu di Melaka, juga di negeri Perak. Sungai-sungai ini dikategorikan sebagai kelas empat dan kelas lima, iaitu pencemaran teruk dan tiada hidupan akuatik yang boleh hidup di dalamnya.

Di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Jabatan Alam Sekitar hanya mempunyai bidang kuasa untuk menyemak pihak yang mencemarkan air secara berpusat dan memberi lesen untuk membuang sisa berjadual ini di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Oleh itu, Jabatan Alam Sekitar tiada bidang kuasa yang atas pencemaran tidak berpusat seperti kilang haram atau tidak berlesen, gerai makanan pasar basah dan perumahan setinggan. Pembahagian bidang kuasa ini telah menyebabkan banyak kes pencemaran sungai yang tidak dapat didakwa dengan

berkesan di Malaysia. Sehubungan dengan itu, saya mencadangkan akta-akta yang berkenaan perlu dibuat pindaan yang bersesuaian pada masa kini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata saya bersetuju dan menyokong sepenuhnya Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah menyentuh semua topik dan isu yang diambil berat oleh masyarakat Malaysia. Maka dengan ini, saya menyokong Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Dato' Zahari bin Sarip.

Datuk Lim Pay Hen: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya sampai giliran saya. Mohon maaf.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik, dijemput Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen.

5.15 ptg.

Datuk Lim Pay Hen: Salam sejahtera, selamat petang dan salam Malaysia baharu. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada hari ini.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dr. Sahrudin bin Jamal yang telah sah dilantik sebagai Menteri Besar Johor yang ke-17. Semoga pelantikan ini mampu mencetus manfaat yang besar serta lebih baik kepada seluruh rakyat di negeri Johor Darul Takzim, khususnya.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya memulakan perbahasan saya ini, saya mohon izin sekiranya saya tidak boleh habiskan perbahasan pada petang ini, mohon kebenaran supaya Tuan Yang di-Pertua benarkan saya habiskan perbahasan pada petang ini. Saya rasa cuma empat isu yang saya ingin bahawa dalam perbahasan pada petang ini.

Pertama, saya ingin sentuh tentang industri plastik di Malaysia. Industri plastik bukanlah satu industri yang baru dan asing. Di negara ini, berdasarkan statistik dikeluarkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) menjelaskan bahawa industri plastik di Malaysia mampu menjana sehingga RM30 bilion setahun dan RM600 bilion di seluruh dunia jika kita benar-benar mampu memanfaatkan prospek ini dengan sebaiknya.

Namun begitu, terdapat pro dan kontra yang lebih ditimbulkan di sini. Seandainya pihak kementerian berhasrat untuk memperkasakan industri plastik di negara ini. Umum mengetahui sejak China memutuskan untuk mengharamkan import sisa plastik ke negara mereka selepas 25

tahun pada awal 2018. Malaysia telah menjadi destinasi pilihan buat negara-negara seperti Amerika Syarikat, Jepun dan *United Kingdom* untuk melupuskan sisa plastik mereka yang mana telah menjerumuskan Malaysia ke kancah tong sampah dunia.

Menerusi data yang dikeluarkan oleh *Greenpeace Malaysia*, dengan izin, dalam *The Recycling Myth* menunjukkan, sebanyak 626,328 tan metrik nilai sisa plastik telah diimport ke Malaysia bagi tempoh enam bulan pertama 2018 dengan Amerika Syarikat merupakan pengeksport terbesar dengan jumlah 190,444 tan metrik iaitu menyamai hampir 50 peratus jumlah sisa plastik yang dihasilkan di negara '*Uncle Sam*' tersebut.

Data ini pastinya meresahkan seluruh lapisan masyarakat di negara ini. Tidak ada sesiapa pun di negara ini yang mahu melihat negaranya dilabelkan sebagai tong sampah dunia. Longgokan sisa plastik ini mampu menjadi bom jangka yang akan memudaratkan alam sekitar dan kesihatan andai pihak kementerian tidak menguruskan dengan tindakan yang lebih tegas.

Kita tidak mahu ada pihak yang mengeksploitasikan keuntungan luar biasa yang boleh dijana oleh industri plastik ini sehingga mengetepikan aspek-aspek penting yang sepatutnya dititikberatkan oleh pihak bertanggungjawab. Isu lambakan kilang sisa import plastik yang beroperasi secara haram seperti di Selangor umpamanya adalah sesuatu yang perlu diambil tindakan serius tanpa kompromi, meskipun pihak kementerian telah mengenakan 18 syarat-syarat baharu untuk mendapatkan kelulusan permit import AP dengan izin, kepada mana-mana pengusaha memproses sisa plastik ini.

Namun, saya kira itu hanyalah *bare minimum*, dengan izin, untuk pihak kementerian berperanan dengan lebih konstruktif dalam usaha memperkasakan secara mapan industri plastik di Malaysia. Oleh yang demikian, saya ingin mengutarakan beberapa soalan berikut kepada pihak kementerian.

■1720

Pertama, apakah rancangan dan hala tuju yang telah dirangka oleh pihak kementerian dalam memperkasa industri plastik di Malaysia melalui kerangka masa *phase out* selama tiga tahun dan dengan tanpa mengabaikan kepentingan kesihatan dan kelestarian alam sekitar.

Seterusnya, adakah status terkini operasi pemutihan kilang-kilang sisa plastik import di seluruh negara dan sejauh manakah keberkesanan syarat baharu yang dikeluarkan oleh pihak kementerian telah berjaya mengawal pengoperasian kilang sisa plastik import secara haram yang di ibarat cendawan tumbuh selepas hujan ini di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menyentuh serba sedikit mengenai isu rundingan semakan harga air di bawah Perjanjian Air 1962 bersama

Singapura. Polemik yang berlarutan sejak sekian lama ini memperlihatkan betapa perlunya kita memuktamadkan rundingan ini dengan sebaiknya agar Malaysia tidak lagi mengalami sebarang kerugian menerusi penjualan air kepada negara jiran tersebut pada tempoh masa akan datang. Saya turut berpendirian bahawa rundingan ini wajar disemak semula dan saya menyambut baik usaha pihak kerajaan yang berjaya mendapatkan persetujuan Singapura untuk membuka kembali pintu rundingan terhadap perjanjian ini dalam membincangkan modaliti bagi menentukan harga air yang baharu bersesuaian dengan kadar ekonomi semasa.

Selama di bawah Kerajaan Barisan Nasional juga, Perjanjian Air 1962 ini sentiasa dihormati dan kita tidak pernah melanggar perjanjian tersebut dan segala tohmahan yang dilemparkan oleh pihak Singapura hanya sekadar cubaan mereka untuk menggagalkan usaha semakan semula rundingan perjanjian ini.

Pada pengamatan saya, ini mungkin masa keemasan untuk Malaysia menuntut haknya yang sah sebagaimana yang termaktub di bawah perjanjian tersebut dan memberi tekanan kepada Singapura untuk menerima harga air baharu yang kita tetapkan memandangkan syarikat rawatan air mereka Hyflux Ltd sedang menghadapi masalah kewangan yang serius. Namun begitu, rundingan semakan yang dijalankan mestilah tidak mengabaikan prinsip jalinan persahabatan yang terbentuk di antara kedua buah negara. Kedua-dua pihak harus mengelak dari menimbulkan sengketa yang boleh membantutkan usaha rundingan ini.

Oleh yang demikian, saya ingin membangkitkan beberapa persoalan mengenai usaha semakan rundingan semula harga air baharu ini. Iaitu berapakah cadangan harga air baharu yang akan ditetapkan oleh pihak kerajaan memandangkan kita tidak pernah meletakkan konsistensi terhadap nilai sebenar yang ingin ditetapkan kepada Singapura. Sejauh manakah pihak kerajaan menilai pembabitan secara menyeluruh Syarikat Air Johor (SAJ) yang bukan di bawah kerajaan negeri dalam rundingan semakan semula harga air yang baharu ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai peranakan negeri Johor, saya juga mengambil berat tentang pencemaran air Sungai Kim Kim di negeri Johor. Saya ingin membahaskan perihal isu pencemaran alam sekitar. Susulan malapetaka di Sungai Kim Kim yang menimpa penduduk di kawasan sekitar Pasir Gudang pada awal bulan lalu, malapetaka ini ternyata telah menyedarkan kita tentang berapa perkara yang sepatutnya diambil perhatian oleh pihak kerajaan terutamanya.

Malapetaka tersebut memberi cerminan mengenai betapa rendahnya tahap kesedaran mengenai pencemaran alam sekitar oleh pelbagai lapisan masyarakat yang tidak ubah seperti sudah terhantuk baru tengadah. Apakah sistem pendidikan kita terhadap aspek pemeliharaan alam sekitar ini benar-benar tidak efektif dalam mendidik dan membuka mata masyarakat

mengenai perkara ini. Sejauh manakah pula pihak kementerian telah melaksanakan kajian dalam mencari mekanisme yang berkesan bagi memperkasa tahap kesedaran masyarakat terhadap alam sekitar ini bermula di peringkat yang paling asas.

Saya juga ingin memuji langkah yang dibuat oleh Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim untuk meminda Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 yang dilihat terlalu longgar untuk kita mendakwa mereka yang bertanggungjawab melakukan pencemaran alam sekitar ini. Saya menggesa pindaan yang mengenakan hukuman lebih berat yang meliputi segenap aspek berkaitan pencemaran alam sekitar seiring dengan modus operandi yang dilakukan penjenayah alam sekitar pada masa kini dilakukan sesegera mungkin. Ini kerana kita tidak tahu bila lagi malapetaka seperti ini bakal berulang lagi.

Namun begitu, pindaan akta ini juga tidak akan membawa sebarang makna seandainya aspek penguatkuasaan masih di tahap yang lemah. Jadi, untuk itu saya ingin bertanya kepada pihak kementerian mengenai sejauh manakah *efficiency* pemantauan yang telah dilakukan oleh pihak kementerian menerusi pegawai penguat kuasa yang berkaitan dalam memantau segala laporan berkaitan jenayah alam sekitar di seluruh negara.

Kedua, apakah pihak kementerian juga akan menubuhkan jawatankuasa penilai bagi menilai tahap pencemaran yang telah berlaku di semua kawasan zon perindustrian di seluruh negara seperti mana jawatankuasa yang ditubuhkan bagi tujuan yang sama di Kawasan Perindustrian Pasir Gudang.

Ketiga, sejauh manakah juga pihak kementerian akan menambah baik prosedur operasi standard iaitu SOP pengurusan bencana berkaitan pencemaran alam sekitar memandangkan negara kita masih belum ada SOP yang lengkap dalam menghadapi pencemaran kimia, biologi dan radiologi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengalih secara ringkas kepada soal komoditi sawit dan FELDA. Saya menghargai inisiatif pihak kementerian yang telah membentangkan Kertas Putih FELDA dan besar harapan saya agar pihak kerajaan benar-benar boleh mengembalikan FELDA di landasan yang sepatutnya seperti di awal penubuhannya dahulu. Tiada yang lebih penting, menerusi Kertas Putih ini melainkan kebajikan dan kesejahteraan para peneroka FELDA dijaga sebaiknya oleh pihak kerajaan tanpa melibatkan apa-apa kepentingan politik atau sebagainya.

Walau bagaimanapun, saya ingin menyatakan beberapa persoalan ringkas saya mengenai Kertas Putih FELDA ini iaitu apakah langkah yang akan dilaksanakan oleh pihak kementerian secara jangka pendek, sederhana dan panjang dalam membantu meningkatkan harga komoditi sawit yang saya pasti ia menggusarkan para peneroka saban hari. Apakah

tempoh masa yang dianggarkan oleh pihak kerajaan bagi mengurus dan menyelesaikan bantuan kewangan sebanyak RM6.23 bilion seperti yang dinyatakan akan dilaksanakan secara berperingkat mengikut keperluan kepada para peneroka dalam usaha menghapuskan faedah hutang kebun peneroka.

Seterusnya, saya ingin mendapatkan sedikit penjelasan daripada pihak kerajaan mengenai Felda Global Ventures Holdings Berhad. Apakah perancangan terbaharu pihak kerajaan bagi menambah baik peranan FGV ini atau pihak kerajaan mempunyai rancangan untuk mengambil alih 100 peratus kepentingan di dalam FGV menerusi FELDA pada masa akan datang dan sejauh manakah juga komitmen terkini pihak kerajaan dalam menyemak semula terma dalam perjanjian pajakan tanah dengan FELDA. Memandangkan isu semakan semula ini kerap kali dibangkitkan sebelum ini sehingga mencetuskan... *[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat. Panjang lagi?

Datuk Lim Pay Hen: Sedikit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik. Sila.

Datuk Lim Pay Hen: Sehingga mencetuskan ketidaktentuan dan kebimbangan dalam kalangan pemegang saham FGV itu sendiri.

Oleh yang demikian, saya mengakhiri perbahasan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong saya pada hari ini dan diharapkan agar segala cadangan dan persoalan konstruktif yang saya kemukakan mendapat perhatian dan penjelasan yang berhemah dari pihak kerajaan. Maka, dengan ini saya mohon menyokong Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen dan dengan panjang lebar banyak isi-isi yang kita dengar dan yang paling penting dia katakan hendak bincang tentang perjanjian air Singapura itu. Kita pun dah banyak berbudi dengan dia dan dia pun ada juga tolong kita. Itu satu benda yang sangat baik dan kita harap itu akan berjaya. Jadi, bak kata orang tua-tua tadi.

*Ada padi adalah beras,
Masak nasi periuk tembaga,
Ada budi adalah balas,
Orang berbudi kita berbahasa... [Dewan Tepuk]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, terima kasih Yang Berhormat bersama-sama saya berjuang sampai 5.30 petang lebih. Terima kasih banyak lah. Saya rasa senang hati Ahli-ahli Yang Berhormat masih setia dengan kami. Terima kasih.

Dengan itu Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Khamis 25 April 2019. Sekian. *Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 5.31 petang]